

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA (BAJET)

SHAH ALAM, 5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrolrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Bentara

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi
Puan Nur Syahira Shazrin binti Mat Rohani
Pelapor Perbahasan

\

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT)

SETIAUSAHA DEWAN : Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Keempat Belas pada 5 November 2019 dimulakan dengan bacaan doa.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Doa.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Salam sejahtera, selamat pagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebelum saya meneruskan urusan mesyuarat, saya ingin mengingatkan semua Berhormat terutamanya Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, EXCO untuk menjawab soalan. Saya bagi tiga minit, kita akan mengikut lampu *traffic light* 3 minit. Yang bertanya soalan tambahan hanya 30 saat. Ini peringatan. Saya persilakan Yang Berhormat Dusun Tua.

Y.B TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Dusun Tua no.11

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF**

TAJUK : STARTUP

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah usaha yang telah dan akan dilakukan kerajaan untuk mengembangkan lagi potensi syarikat-syarikat startup di Selangor?

Y.B DATO' TENG CHANG KHIM : Terima kasih Tuan Speaker.

Kerajaan melalui Selangor Information Technology & E-Commerce Council (SITEC) telah memulakan program untuk Startup dengan Program Selangor Startup Quest di mana pada peringkat ini seramai 15 kumpulan Startup telah berkumpul dan mewujudkan idea baru yang boleh diketengahkan dalam industri pada masa hadapan melalui program yang telah diaturkan oleh SITEC.

Pada tahun 2018 & 2019 *Selangor Accelerator Program* (SAP) telah diadakan dalam membantu dan mengembangkan potensi syarikat-syarikat Startup ini. Sebanyak 60 syarikat Startup telah terpilih untuk mengikuti program SAP ini pada tahun 2018 dan 2019.

Syarikat startup yang terpilih, akan mengikuti program ini selama 4 bulan di mana mereka belajar untuk mengembangkan potensi syarikat mereka terutamanya dalam kemahiran

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

mereka untuk persembahan (*Pitching*) dihadapan pelabur terhadap produk / perkhidmatan yang syarikat mereka miliki serta mempelajari pengurusan syarikat yang baik. Program ini memberikan mereka latihan, kelas dan sesi mentoring daripada rangkaian mentor yang pakar daripada industri, rakan kongsi industri, dan pemain-pemain dalam industri. Matlamatnya adalah untuk menjadikan syarikat Startup ini bersedia dalam memenuhi keperluan industri dan berkeyakinan apabila melakukan pitching dihadapan pelabur.

Daripada 60 syarikat Startup yang menyertai program ini, hanya 20 Startup telah dipilih dimana 10 syarikat Startup daripada tahun 2018 dan 10 syarikat Startup daripada tahun 2019 untuk mengikuti lawatan sambil belajar ke luar negara. Pada tahun 2018 mereka telah dibawa ke Hangzhou China dimana mereka juga berpeluang untuk melakukan *Pitching* di hadapan pelabur dari China semasa lawatan tersebut. Pada tahun 2019 pula 10 syarikat Startup telah dibawa ke Jakarta Indonesia dan berpeluang melakukan *Pitching* di hadapan beberapa pelabur serta mereka dapat mempelajari sesuatu yang baru daripada syarikat besar seperti Gojek dan Bukalapak.

Dalam pada itu sebanyak 20 daripada 60 Syarikat Startup yang mengikuti program SAP ini, telah berjaya menerima pembiayaan Cradle Investment Program (CIP) 300 daripada Cradle Fund Sdn Bhd (agensi pembiayaan utama kerajaan) dan daripada *Secure Angel Investment* dari dalam dan luar negara dengan anggaran pembiayaan \$USD 50,000 – \$USD 350,000. Sebanyak 5 syarikat startup juga telah dicalonkan untuk anugerah *ASEAN Rice Bowl Startup Award* dan salah satu daripada mereka telah memenangi *the Best AI or Machine Learning Startup Awards*.

Anggaran jumlah GMV (*Gross Merchant Value*) yang diperolehi daripada syarikat-syarikat startup ini daripada tahun 2018 hingga tahun 2019 adalah RM 26 Juta dan pada masa akan datang, program seperti ini akan diteruskan dan akan ditambah baik lagi bagi membantu syarikat startup ini khususnya di Selangor.

Syarikat Startup yang mengikuti program dibawah SAP juga telah mewujudkan kesan dalam bidang pemasaran digital, Business to Business (B2B), Online to Offline (O2O) di mana ada syarikat Startup ini yang dapat menyelaraskan peruncit, pembekal dan pembeli dalam satu platform di mana urusan perniagaan dapat dijalankan dengan cepat, murah dan boleh dipercayai seperti dalam industri sewa kereta, e-dagang, penjagaan rumah, dan sebagainya.

Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Semenyih.

Y.B TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI : Terima kasih yang Berhormat Tuan Speaker, soalan Semenyih no.12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : ZERO TO HERO

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peserta dalam program "Zero To Hero" seperti pinjaman bermusim, Program Inkubator dan Smart Partnership.
- b) Apakah keberkesanan program ini kepada peserta dan sumbangan kepada hasil Kerajaan Negeri?

Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan juga Yang Berhormat Semenyih. Saya tidak akan memberikan penjelasan apakah Program Zero To Hero dengan beranggapan bahawa Yang Berhormat Semenyih telah pun faham apa program tersebut. Jadi menjawab kepada soalan berapakah jumlah peserta Program Zero To Hero. Zero To Hero semenjak 2016 dilancarkan sehingga Ogos 2019 adalah seramai 676 orang yang telah terlibat dalam program ini. Dan untuk soalan seterusnya apakah keberkesanan program. Kita melihat bahawa di dalam pengurusan ataupun Program Hijrah ini telah ada satu pengukuran bahawa Program Hijrah yang dibuat oleh Institut Darul Ehsan telah pun membuat kajian yang baik. Secara keseluruhan program Hijrah ini telah pun memberi impak yang positif kepada masyarakat khususnya peniaga-peniaga, usahawan kecil yang ada di Selangor tetapi pihak Hijrah belum ada spesifik ataupun kajian khusus berkenaan dengan keberkesanan hanya Program Zero To Hero. Jadi walau bagaimanapun sebenarnya pemantauan yang dibuat oleh pihak Hijrah Selangor adalah melalui dengan bantuan syarikat peneraju yang dilantik.

Jadi izinkan saya sedikit untuk menjelaskan bahawa Program Zero To Hero ini adalah satu program yang sebenarnya dibuat di mana pilihan peserta digandingkan dengan syarikat peneraju dan akhirnya syarikat peneraju ini akan membimbing mereka untuk melaksanakan program selama 3-6 bulan dengan memberikan bantuan sama ada kemahiran, bimbingan pengajaran perniagaan dan juga geran barangan yang bernilai RM1000.00 hingga RM5000.00. Jadi keberkesanan ini bila kita lihat daripada 676 peserta Zero To Hero, seramai 594 orang yang telah pun memperolehi peningkatan pendapatan melalui perniagaan yang dijalankan. Manakala baki 62 orang masih dalam tempoh bimbingan, maknanya dalam tempoh 6 bulan bimbingan yang telah diletakkan. Dan kita lihat peningkatan taraf hidup juga telah pun diukur melalui peningkatan perniagaan, mobiliti sosial dan kualiti kehidupan peminjam daripada 676 peserta Zero To Hero, seramai 549 peserta aktif dan telah pun mempunyai pekerjaan sendiri. Jadi matlamat Zero To Hero ini adalah bukan sekadar kita membimbing, memberikan tunjuk ajar tetapi akhirnya mereka boleh memulakan perniagaan sendiri atau *attach* ataupun diletakkan bersama dengan syarikat pemaju untuk memastikan syarikat pemaju akan mengambil mereka sebahagian rakan kongsi dalam perniagaan.

Jadi program ini sebenarnya telah pun berjaya contohnya, mini spa yang telah pun berjaya membimbing beberapa peserta Zero To Hero dan kita lihat seramai 81 orang peserta telah

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

pun membuat peminjaman sebanyak RM370 ribu untuk menjadikan mereka berjaya dalam *mobile spa* yang telah dinyatakan. Jadi untuk golongan sasaran, kita juga lihat program ini memang diberi kepada golongan sasaran, ibu tunggal, asnaf dan sebagainya. Dan kajian daripada pihak KUIS pada Jun 2019, menyatakan bahawa 19% selepas menyertai program Hijrah, mereka semua telah pun mendapat pendapatan yang tinggi. Terima kasih, itu sahaja.

TUAN SPEAKER : Semenyih.

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI : Soalan tambahan saya, perlukah kita fokuskan kepada golongan OKU dalam program ini untuk membimbing mereka ini?

Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Semenyih. Sebenarnya program ini kita lihat memang sasarannya selain ibu tunggal, asnaf miskin, memang ada juga OKU yang kita tawarkan. Jadi itu bukan sekadar OKU, tetapi kita harapkan juga OKU ini boleh memiliki syarikat sendiri selepas itu. Terima kasih.

Y.B TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Jeram.

Y.B TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat menyatakan dalam Program Zero To Hero 594 orang, jadi berapakah peratus dari segi iaitu bangsa Melayu, Cina dan India? Dan selain daripada itu, saya juga mendapati kurangnya penyertaan kaum India dan juga Cina dalam program-program Hijrah, jadi apakah usaha ataupun cara untuk menggalakkan mereka juga turut serta dalam program yang Hijrah anjurkan? Terima kasih.

Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Yang Berhormat Jeram. Sebenarnya kita tidak pernah mendiskriminasikan mana-mana kaum. Mana-mana mereka yang memohon, kita proses dengan cara yang telus dan tidak ada pilihan kepada kaum, tetapi untuk soalan spesifik pecahan kaum itu tidak ada di tangan saya sekarang, saya akan bekalkan jawapan itu kemudian. Saya harap program ini tidak ada lagi stigma yang menyatakan hanya untuk golongan kaum-kaum tertentu, ia terbuka kepada semua. Tinggal lagi permohonan itu tidak ramai di kalangan masyarakat Cina dan kalau adapun mereka memohon bilangan dana ataupun bantuan modal yang melebihi RM50 ribu yang tidak dapat kami penuhi. Sekian, terima kasih.

Y.B TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Dengkil. Dengkil tidak hadir, saya mempersilakan Sabak.

Y.B TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sabak.

Y.B TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Peraturan.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

TUAN SPEAKER : Sabak. Teruskan.

Y.B TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Soalan saya no.14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN
(N02 SABAK)**

TAJUK : MASALAH PERTANIAN

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan pendapatan pesawah dan pekebun kecil sawit tidak menentu disebabkan penyakit dan harga komuniti sawit mengikut pasaran antarabangsa. Apakah cadangan kerajaan bagi petani mendapatkan sumber pendapatan tambahan lain?

Y.B TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Sabak dan Tuan Speaker. Sabak bertanyakan soalan berhubung dengan masalah dengan pendapatan para pesawah dan para pekebun kecil disebabkan penyakit dan harga komoditi yang menurun menyebabkan sumber pendapatan mereka terjejas. Kerajaan Negeri sedar akan kejatuhan harga minyak sawit yang sedang berlaku sepanjang tahun lepas dan tahun ini, ketika ini purata jualan harga minyak sawit tempatan hantaran tempatan adalah bulan Ogos 2016 dahulu ialah 0.2633 turun kepada 0.2660 sen pada Ogos tahun 2019 iaitu penurunan sebanyak 21.2%. Berdasarkan faktor tersebut Kerajaan Negeri bersama-sama Kerajaan Kementerian Industri Utama telah mengadakan perbincangan pada 7 Oktober 2019. Di mana salah satu agenda yang dibincangkan adalah berhubung menggalakkan pekebun-pekebun kecil kelapa sawit mengerjakan tanaman makanan bersifat jangka pendek bagi meningkatkan pendapatan seperti tanaman-tanaman kontan seperti sayur daun dan sayur buah. Galakan tersebut turut dipanjangkan kepada pengusaha tanaman industri kelapa. Antara galakan yang telah kita pun mula memberikan bantuan ataupun menggalakkan para petani ialah dalam industri berkait dengan selain daripada tanaman kontan tadi, ialah juga terlibat dalam pembuatan makanan ataupun industri asas tani, tanaman buah-buahan, cendawan dan juga melibatkan ternakan dan *eco-culture* bagi mengurangkan pergantungan yang tinggi kepada tanaman sawit.

Untuk sawah, kajian yang dibuat mendapati bahawa terdapat beberapa kawasan di kawasan barat laut yang menghadapi masalah dari segi tanaman padi disebabkan serangan penyakit dan juga masalah kekurangan air yang sedang kita cuba selesaikan. Ini termasuklah tindakan kita yang kita telah lakukan iaitu mengadakan rawatan kepada tanah-tanah sawah ini yang telah pun gersang ataupun tidak subur dan telah dimulakan di beberapa tempat di sekitar Sabak Bernam dan akan kita meluaskan untuk tahun-tahun akan datang. Tahun depan ya akan kita perluaskan. Sekarang pun telah kita mula laksanakan untuk melihat, untuk membantu kesuburan tanah-tanah sawah ini. Juga kajian kita mendapati bahawa salah satu dari punca yang menyebabkan hasil yang tidak tinggi ataupun hasil yang menurun di sawah-sawah dan juga selain dari serangan penyakit adalah kegagalan ramai petani kita tidak mendapatkan persijilan MyGap di mana kita dapati

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

mereka-mereka yang menyertai atau mengikuti MyGap ini iaitu amalan perbaik dalam pertanian ini jika dia mereka mengikuti proses ataupun program persijilan ini didapati hasil-hasil mereka sangat tinggi sehingga ada yang mencecah sepuluh, dua belas tan setiap hektar. Merupakan satu angka yang agak tinggi ya. Jadi kita akan menggalakkan lagi, penglibatan para petani untuk mendapatkan pensijilan MyGap pada tahun yang akan datang. Dan penggunaan *micro* dan bahan organik juga kita akan tingkatkan sesuai saja bukan saja untuk meningkatkan kesuburan yang telah kita mulakan tetapi juga untuk membantu memastikan kelestarian alam sekitar di Negeri Selangor. Dan yang terakhir yang telah pun kita beri kebenaran secara berperingkat-peringkat ialah *clock rotation* ataupun kitaran tanaman iaitu tanaman padi berselang-seli dengan tanaman jagung. Yang kita telah pun mula bagi galakkan dan akan kita perluaskan juga pada tahun yang akan datang. Sekian.

TUAN SPEAKER : Ya, silakan Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan untuk masalah pertanian. Kita sedia maklum bahawa antara masalah pertanian yang dihadapi oleh petani ataupun pesawah adalah tanah yang gersang dan juga penggunaan racun yang terlalu banyak. Dan apakah pendekatan pihak kerajaan bagi membantu pesawah-pesawah ini terutamanya dalam mendidik untuk menggunakan racun-racun ini dan juga untuk memastikan kesuburan tanah itu. Adakah kerajaan bersedia untuk memberikan bantuan-bantuan tersebut kepada semua petani dan bagaimana petani-petani atau pesawah ini untuk mendapatkan akses kepada bantuan-bantuan tersebut. Terima kasih.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih ya Yang Berhormat Sungai Panjang. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi sawah-sawah kita ini, kita telah membuat kajian, banyak kajian melibatkan MARDI, jabatan pertanian dan juga daripada pakar-pakar daripada IPTA kita terutamanya daripada Universiti Pertanian Malaysia dan juga di UKM. Memang didapati memang banyak kes-kes kajian yang dibuat mendapati memang kita menghadapi masalah yang besar dari segi *infertility*, ketidaksuburan tanah sawah di barat laut terutamanya yang merupakan kawasan yang sangat luas di sekitar 18,000 hektar. Dan kita telah berbincang dan antaranya ialah benda-benda asas dalam pertanian padi telah tidak dipatuhi termasuk saja bukan sahaja benda-benda yang merupakan penggunaan baja organik tetapi juga benda-benda asas seperti pengapuran pun tidak dilakukan ada yang sesetengah sawah yang sepuluh tahun tidak melakukan pengapuran akan menyebabkan *acidity* tanah yang tinggi. Jadi ini turut membantu menyumbang kepada ketidaksuburan. Jadi kita telah pun berbincang dengan pihak kerajaan pusat di bawah kementerian pertanian dan kementerian asas tani kerana banyak bantuan-bantuan yang diberi adalah datang daripada kerajaan pusat. Terutama baja, benih baja dan juga racun. Jadi kita telah pun meletakkan dasar Negeri Selangor salah satu dasar di bawah Stanco pertanian ialah jawatankuasa tetap pertanian ialah penggunaan bahan-bahan organik dan mesra alam kerana kita memikirkan bukan sahaja kerana kesuburan tanah tapi juga menjamin keselamatan dan juga kesihatan kepada para pengguna dan juga para petani. Ini merupakan dan kita dapati kajian yang terbaru pun menggunakan *micro* ataupun EM efektif *micro* ini dengan izin merupakan kaedah moden tetapi menggunakan kaedah yang mesra alam dan didapati memang berhasil dan boleh memberi produktiviti yang tinggi dan sekarang sedang dilaksanakan di kawasan Sabak Bernam. Dan saya yakin dan bila kita dah berjaya untuk musim ini dan nampak ada tempat yang dah berjaya kita akan

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

perluaskan lagi untuk meliputi kawasan-kawasan yang lain di barat laut. Itu antara peranan ataupun bantuan yang kita berikan selain daripada khidmat nasihat dan juga kajian yang dibuat juga dalam bentuk pemberian-pemberian input-input ini yang boleh membantu para petani. Itu kita akan teruskan lagi di masa yang akan datang meliputi kawasan yang lebih luas. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Gombak Setia.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Yang Berhormat Speaker, soalan saya bernombor 15.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM (N17 GOMBAK SETIA)

TAJUK : KADAR PERTUMBUHAN Negeri Selangor

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah langkah proaktif Kerajaan Negeri untuk menjana pertumbuhan negeri disaat kadar purata pertumbuhan negara-negara ASEAN mengalami kemerosotan daripada 5.0% pada tahun 2008 kepada 4.7% pada tahun ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Ekonomi ASEAN secara keseluruhannya berkembang kepada 5.2% pada tahun 2018. Disokong aktiviti perdagangan dan pelaburan kukuh dan ia diunjur kekal untuk pada tahun 2019. Walaupun pretasi ekonomi yang berdaya tahan namun terdapat risiko pertumbuhan yang lebih perlahan akibat peningkatan ketidak tetuan persekitaran global termasuk konflik perdagangan, volatiliti dalam pasaran kewangan dan harga minyak global dan ketegangan geo-politik. Sumbangan lebih 20% Selangor kepada keluaran dalam negeri kasar atau negara kasar membuktikan kestabilan ekonomi Negeri Selangor melalui pengukuhan aspek takbir urus dan polisi yang efektif. Selangor merekodkan sumbangan sebanyak 23.7% diikuti oleh Wilayah sebanyak 16.1%, Sarawak 9.7%, Johor 9.6%. Pulau Pinang 6.7% dan Sabah 6.2%. Selangor dalam usaha merencanakan pembangunan ekonomi menerusi program Smart Selangor yang telah dibangunkan sejak 2016 telah mengaspirasikan lima teras utama yang merangkumi aspek kualiti hidup, persekitaran, pembangunan ekonomi, tenaga buruh dan fiskal negeri. Program ini dilihat mampu memacu pembangunan ekonomi dan prestasi pelaburan di Negeri Selangor. Ia dapat dibuktikan pada tahun 2018. Jumlah pelaburan yang telah diluluskan adalah sebanyak 18.97 billion yang membabitkan 8 bilion pelaburan domestik dan 10.8 bilion adalah pelaburan asing. Pelaburan pelabur utama yang datang-datang daripada negeri Jepun, China dan Singapura dijangka menjana 26,492 potensi peluang pekerjaan baru. Manakala tempoh Januari hingga Jun 2019 sebanyak 132 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan yang berjumlah 5.97 bilion dan telah mewujudkan sebanyak 6,628 potensi peluang pekerjaan. Program-program penggalakan akan terus dilaksanakan dengan tumpuan kepada industri-industri utama yang bernilai tinggi seperti EE ataupun Elektrik dan elektronik, *transportation machinery, life senses, food bavarage*,

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

serta *machinery and the equipment*. Selangor mempunyai struktur ekonomi yang mampan seiring dengan kemajuannya sebagai antara peneraju utama pembangunan negara dengan nilai ditambah aktiviti ekonomi, memperlihatkan peningkatan kepada RM322.6 bilion berbanding hanya RM301.9 bilion pada tahun 2017 menjadikan pertumbuhan KDNK Negeri Selangor dalam bentuk peratusan ialah 6.8% pada tahun 2018 dan ia melampaui daripada kadar nasional iaitu pada kadar 4.5 dan 4.6%. di samping aspek-aspek yang telah saya nyatakan tadi gugusan ekonomi yang di rangka sebelum ini akan terus digerakkan oleh pelbagai agensi bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri dan memakmurkan Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Gombak Setia.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Yang Berhormat Speaker. Menurut laporan bank dunia merupakan salah satu faktor daripada kelembapan sebagaimana yang disebutkan tadi kelembapan ekonomi di negara-negara ASEAN adalah salah satunya berpunca daripada kemerosotan aktiviti pelaburan dan eksport. Namun begitu ada kesan positif daripada Trade Division akibat daripada perang dagang antara Amerika dan China. Dan hari ini Malaysia berada di tangga yang keempat iaitu selepas Vietnam, Taiwan dan Chili, kesan daripada *Trade Division* tersebut. Justeru itu, saya ingin bertanya sebagai sebuah negeri yang saya kira cukup berjaya untuk menarik lebih banyak pelaburan-pelaburan datang dan masuk ke dalam Negeri Selangor. Apakah persediaan kita untuk mengakomodasi Trade Division ini supaya akhirnya lebih banyak limpahan daripada *Trade Division* ini dapat masuk ke dalam Negeri Selangor dan akhirnya kita juga dapat mencapai matlamat kita untuk kembali memacu pertumbuhan negara dan Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Gombak Setia. Memang kita sangat mengambil maklum terhadap perang dagang ini dan kalau kita betul-betul dapat menggunakan peluang yang sedia ada kita akan dapat menjana pertumbuhan pelaburan di dalam Negeri Selangor. Sudah pasti Selangor, Malaysia kita tidak boleh sama sekali cuba bertanding dengan Vietnam ataupun Filipina. Pada ketika ini ataupun Cambodia sebab di negeri tersebut mereka masih menggunakan *labor intensif manufacturing* dengan izin berbanding dengan Malaysia yang sudah mula bergerak ke arah *hi-technology* ataupun teknologi tinggi. Justeru kita memperkenalkan beberapa aspek sebagai contoh elektrik dan elektronik yang saya sebutkan tadi. Dan beberapa perkara-perkara lain yang melibatkan perkilangan yang berprestasi tinggi. Dengan perang dagang yang terbabit menyebabkan beberapa perkilangan dan *manufacturing* di negara-negara seperti di negara China sebagai contoh, memerlukan tapak baru untuk mengeluarkan produk mereka kerana akhirnya produk itu diperlukan di pasaran dunia tetapi tidak boleh berasal daripada China. Dengan sebab itulah kita mampu menarik dengan izin boleh saya sebutkan beberapa kilang kertas baru yang akan bertapak di Kuala Langat. Kita sudah dapat kelulusan DOG *paper* yang melibatkan syarikat Jepun yang bekerjasama dengan World Wide. Dan baru-baru ini saya boleh sebutkan akan ada lagi tiga kilang-kilang daripada negara China yang bertapak di negara China, harus memulakan tapak baru dan telah memilih Malaysia sebagai tapaknya dan nilai pelaburan adalah dijangkakan lebih daripada RM3 bilion dan ini adalah satu contoh bagaimana kemampuan kita dengan kemudahan infrastruktur dan kemudahan ekosistem yang kita miliki mampu untuk menjana pelaburan baru dan seterusnya

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

mengukuhkan sektor ekonomi khususnya dalam bidang pelaburan di Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Pandamaran.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. UTAN LEONG TUCK CHEE
(N47) PANDAMARAN)**

TAJUK : KUTIPAN PARKIR DI KAMPUNG TRADISI, KG. BATU CINA, KG NELAYAN

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sebagai kerajaan yang prihatin kepada rakyat, adakah Kerajaan Negeri dapat menghadkan kutipan hasil parkir di Kg. Tradisi, Kg Baru dan Kg Nelayan?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tuan Speaker, perkara bagi mengadakan tempat letak kereta dan tempat perhentian telah dijelaskan di dalam seksyen 72 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987(Akta 333) seperti berikut:

- i mana-mana Pihak Berkuasa yang berkenaan atau Badan Awam boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta mengadakan tempat letak kereta yang sesuai bagi kenderaan-kenderaan atau tempat perhentian bagi kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan-kenderaan barangan mengikut akta ini. Dan bagi maksud itu oleh:
- (a) menggunakan mana-mana tanah yang boleh diperolehi atau diberi peruntukan dengan sah di sisi undang-undang bagi maksud itu; atau
- (b) melalui perintah itu membenarkan penggunaan mana-mana bahagian sesuatu jalan sebagai tempat letak kereta atau tempat perhentian bagi kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan-kenderaan barangan.

Oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai kuasa dalam mengenakan kutipan parkir terhadap kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan kutipan parkir. Penentuan kawasan yang akan dikenakan *charge* parkir akan diputuskan secara kolektif melalui mesyuarat di PBT yang turut melibatkan para Ahli Majlis. Walau bagaimanapun Yang Berhormat juga boleh mengemukakan sebarang pandangan dan cadangan ke atas kesesuaian setiap kawasan yang dikenakan *charge* parkir oleh PBT sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Pandamaran.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Terima kasih. Yang Berhormat Tuan EXCO, cuma kita tahu sebelum ini di Kampung-Kampung Tradisi, Kampung Baru Dan Kampung Nelayan sebelum ini tidak ada kena *charge* dan kita difahamkan di sinilah kampung-kampung masih di kawasan tersebut ada rumah-rumah yang masih dalam keadaan yang papan dan uzur. Jadi adakah Kerajaan Negeri dapat ataupun mengeluarkan sesuatu yang pekeliling yang lebih jelas yang mana kampung-kampung yang masih ada rumah papan dikecualikan dalam kutipan parkir.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Saya rasa dalam jawapan saya tadi telah jelas menyatakan bahawa ini adalah telah jelas dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987. Ia adalah bawah kuasa Pihak Berkuasa Tempatan. Tetapi saya juga dimaklumkan oleh YDP-YDP di mana mereka sentiasa bersedia untuk berbincang dengan Yang Berhormat untuk meneliti kesesuaian kawasan parkir. Kalau kita nak katakan kawasan yang ada rumah papan tidak boleh dikutip parkir saya rasa itu adalah kurang wajar kerana banyak tempat lagi juga mempunyai walaupun kawasan bandar juga ada rumah papan tidak boleh dikutip parkir saya rasa itu adalah kurang wajar kerana banyak tempat lagi juga mempunyai walaupun kawasan bandar juga ada rumah papan. Jadi ini adalah di bawah kuasa Pihak Berkuasa Tempatan. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat untuk berbincang Pihak Berkuasa Tempatan iaitu YDP dan juga Ahli Majlis. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker, saya nak tanya Yang Berhormat EXCO kawasan saya ialah kawasan luar bandar. Di tempat pekan, Pekan Bestari Jaya, pekan Ijok mereka berniaga di bawah dan duduk di atas. Kawasan itu memang tidak ada tempat nak *park*. Nak letak kereta melainkan depan kedai-kedai. Baru-baru ini banyak bantahan tentang *parking* di kawasan-kawasan itu. Jadi saya haraplah. Saya nak tanya Tuan Speaker, Yang Berhormat EXCO sama ada kerajaan memberi satu kecualian kepada kawasan-kawasan yang pendapatan mereka rendah dan juga kawasan-kawasan yang mereka duduk di atas rumah *traditionally*, mereka duduk atas kedai. Jadi kalau kena *parking* satu hari mereka tak mampu, itu saya haraplah bagaimana pendapat Yang Berhormat Tuan EXCO.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih di atas keprihatian Yang Berhormat Ijok, jadi tadi saya telah menjawab Yang Berhormat sebenarnya boleh membangkitkan apa-apa cadangan atau berbincang dengan Pihak Berkuasa Tempatan tentang kesesuaian kawasan yang boleh atau tidak sepatutnya dikenakan caj parkir. Kita boleh berbincang dengan Pihak Berkuasa Tempatan termasuk YDP dan juga Ahli Majlis.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER : Sentosa.

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya No. 17.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

TAJUK : BANTUAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI)

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah Dana yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) khususnya kuil Hindu?
- b) Berapakah jumlah kuil Hindu yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker, peruntukan keseluruhan untuk Rumah Ibadat Bukan Islam adalah sebanyak RM6 juta. Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMKN) ke 4/2019 yang diadakan pada 15 Februari 2019 yang telah disahkan oleh MMKN ke 5/2019 pada 20 Februari 2019 telah menimbang dan meluluskan pembahagian peruntukan hal ehwal selain Islam di bawah Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam bagi tahun 2019 seperti berikut :

Bersetuju agar pembahagian bagi setiap kategori agama adalah mengikut peratusan penganut Selain Islam Negeri Selangor iaitu seperti berikut :

Agama	Penganut (%)	Peruntukan (RM)
Budha, Budhha dan Taohizam	60.47	3,628,200.00
Hindu	28.75	1,725,000.00
Kristian	9.42	565,200.00
Sikh	1.36	81,600.00
Jumlah Keseluruhan		6,000,000.00

Mulai Januari 2019 hingga September 2019, Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam telah menyokong sebanyak **empat (4) tapak** rumah ibadat selain Islam bagi Kuil untuk tujuan pewartaan, manakala bilangan terkini permohonan pewartaan bagi kuil Hindu yang masih berada di dalam pertimbangan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam adalah sebanyak 13 permohonan.

TUAN SPEAKER : Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Terima kasih Tuan Speaker, soalan Subang Jaya No. 18.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : NYAMUK WOLBACHIA

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila nyatakan penemuan pelepasan nyamuk wolbachia di Selangor dalam menangani wabak denggi.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Subang Jaya. Nyamuk *berWolbachia* merupakan salah satu inovasi dalam menangani kawalan kes demam denggi. Bakteria *Wolbachia* disuntik ke dalam telur nyamuk *Aedes aegypti*. Ini seterusnya akan merencatkan pertumbuhan virus denggi di dalam nyamuk dan seterusnya menghalang penyebaran virus denggi. Projek kajian ini telah dimulakan di Negeri Selangor bermula Mac 2017. Sehingga kini sebanyak 17 lokaliti di Selangor telah memulakan kaedah kawalan nyamuk *berWolbachia*. Berdasarkan kajian *Institute for Medical Research (IMR) Malaysia* menunjukkan kawalan nyamuk *berWolbachia* mampu menurunkan 50 hingga 80 peratus kes demam denggi di lokaliti pelepasan dan seterusnya dapat mengurangkan kadar kes dan kematian akibat demam denggi. Namun begitu, masih terlalu awal untuk menilai keberkesanan nyamuk *berWolbachia* secara menyeluruh.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Soalan Tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Seri Serdang apakah jangka masa yang kita perlukan untuk betul-betul tahu hasil daripada pelepasan nyamuk *Wolbachia*. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Yang Berhormat Subang Jaya untuk kita memahami tentang jangka masa yang kita perlukan, pada tahun 2017 kita telah melakukan pelepasan nyamuk *Aedes* di 7 lokaliti ya dan ini 2017. Setelah dua tahun baru kita sekarang mendapat memulakan pada tahun ini bermula 7 Julai 2019 melibatkan 8 lokaliti kesemuanya di daerah Petaling. Fasa pengoperasian seterusnya akan ditentukan oleh Pihak Kementerian Kesihatan. Jadi dengan maklumat ini kita memerlukan sekurang-kurangnya dua tahun baru kita dapat maklumat.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Soalan saya No. 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR**

TAJUK : KONTRAKTOR KDEB

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah bilangan kontrak pembersihan sampah yang telah dianugerahkan kepada KDEB mengikut PBT?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Meru bertanya berapakah bilangan kontrak pembersihan sampah yang telah dianugerahkan kepada KDEB mengikut PBT? Sehingga kini, daripada keseluruhan dua belas (12) kawasan Pihak Berkuasa Tempatan KDEB West Management telah beroperasi di sebelas (11) PBT kecuali Majlis Bandaraya Shah Alam yang akan juga diambil alih oleh KDEB pada Januari tahun depan. Bilangan keseluruhan kontrak yang telah dianugerahkan oleh KDEB West Management kepada sub-kontraktor di semua sebelas (11) PBT adalah sebanyak 930 iaitu 421 kontrak kutipan sampah domestik dan 509 kontrak pembersihan awam dan kutipan sampah pukal. Pecahan terperinci bilangan kontraktor yang telah anugerahkan kepada Sub-Kontraktor mengikut PBT adalah seperti berikut:-

1. Majlis Perbandaran Kajang : Kutipan sisa domestik adalah 68 kontrak. Pembersihan Awam 68 juga.
2. Bagi Ampang Jaya : Kutipan sisa domestik 46. Pembersihan Awam 52.
3. Bagi Selayang : Kutipan sisa domestik 44. Sisa Pukal dan Kebun 20. Pembersihan awam 47.
4. Bagi Kuala Langat : Kutipan sisa domestik 16. Pembersihan awam 20.

Kajang. Maaf yang tadi yang pertama tu adalah Klang bukan Kajang ya. Yang ini Kajang.

5. Majlis Perbandaran Kajang : Kutipan sisa domestik 59. Pembersihan awam juga 59.
6. PJ : Kutipan sisa domestik 53. Pembersihan awam 97.
7. Sepang : Kutipan sisa domestik 24. Pembersihan awam 28. Dan
8. Sabak Bernam : Kutipan sisa domestik 9. Pembersihan awam juga 9.
9. Subang Jaya : Kutipan sisa domestik 64. Pembersihan awam 60.
10. Kuala Selangor : Kutipan sisa domestik 12 dan Pembersihan awam 15.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Cakap sikit. Soalan tambahan Yang Dipertua. Bagi saya cakap sikit aje.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang. Saya tak bagi. Saya tak bagi. Sila duduk.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Ooii garang betul Yang Dipertua hari ini. Ketawa.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Tuan Speaker, soalan saya No. 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BELIA NEGERI SELANGOR

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan bagi mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia dalam Negeri Selangor?

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Panjang. Dengan izin Tuan Speaker saya ingin menjawab soalan 20 bersama-sama dengan soalan 83 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Kota Damansara. Saya sentuh dulu kedua-dua soalan ini berkaitan dengan berapakah jumlah pengangguran statistik terkini dan soalan Sungai Panjang apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia di Negeri Selangor ini.

Menurut *survey* tenaga buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2018 jumlah pengangguran di Selangor ialah 2.8% manakala jumlah pengangguran mengikut strata di Selangor pada tahun 2017 dan 2018 adalah di Selangor pada tahun 2018 jumlah pengangguran adalah sebanyak 99,600 manakala di bandar jumlah pengangguran di bandar adalah sebanyak 94,900. Pengangguran di luar bandar hanya 4,700. Ini adalah menurut *survey* tenaga buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Memang Kerajaan Negeri memantau kadar pengangguran yang ada di Selangor ini dan memang kalau kita lihat 2016 kadar pengangguran 3.2%. 2017 turun pada 2.8%. Maka 2018 kekal 2.8%. Sasaran Kerajaan Negeri adalah kita hendak kurangkan di bawah paras 2.5%.

Apakah tindakan-tindakan kerajaan untuk mencapai, membantu mengurangkan kadar pengangguran ini? Pertama kita hendaklah memahami bahawa peluang pekerjaan adalah berkait rapat dengan usaha yang telah dilakukan oleh *Invest Selangor* yang telah melaksanakan inisiatif berkaitan bagi menarik pelaburan yang berpotensi dengan

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

mengambil pendekatan dasar terbuka bagi meneruskan kecemerlangan pertumbuhan ekonomi negeri. Sejak penubuhan *Invest* Selangor mereka telah berjaya menarik lebih daripada 5,104 perkilangan di Selangor dan secara tidak langsung bertanggungjawab untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang luas dan menarik kepada belia-belia Selangor khususnya kepada golongan siswazah.

Kerajaan Selangor turut mengambil inisiatif lain dalam menganjurkan program-program bagi meningkatkan peluang pekerjaan sebagaimana Yang Berhormat semua tahu dalam Pembentangan Bajet baru-baru ini. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah mengumumkan bahawa kerajaan memperuntukkan 800 ribu bagi kita mengadakan Karnival Job Fair. Yang kita akan adakan secara besar dan setiap tahun. Dan kita juga bekerjasama dengan Jobs Malaysia dan baru-baru ini PERKESO juga menyatakan kesediaan mereka untuk bekerjasama dengan kita bagi menganjurkan karnival pekerjaan yang kita akan adakan pada tahun-tahun yang akan datang.

Selain daripada itu Program Job Fair yang telah kita adakan merupakan program anjuran sebagaimana saya sebut tenaga kerja Selangor dan Jobs Malaysia. Program dilaksanakan dua (2) kali setahun telah diperkenalkan sejak tahun 2015, merupakan platform bagi menghimpunkan majikan-majikan di Negeri Selangor dengan menawarkan pelbagai peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Selangor.

Yang Berhormat-Yang Berhormat Sekalian, ini adalah peluang pekerjaan yang diberikan. Selain daripada itu juga selain daripada kita menyediakan banyak pendidikan kemahiran vokasional, program latihan rangsangan kerjaya rakyat Selangor yang mana tuan-tuan, Yang Berhormat-Yang Berhormat semua maklum bahawa ini adalah program-program yang ditawarkan pada belia-belia kita yang ada di Negeri Selangor termasuk kursus usahawan penternakan, kursus pemantapan pemantauan keusahawanan, kursus percetakan segera, kursus keusahawanan penternakan, kursus soft skills, kursus sembelihan halal dan penyediaan makanan (BBQ), mobile service aircond, cuci kasut, mobile barber, ayam gunting dan pelbagai lagi.

Ini adalah latihan yang diberikan kepada belia tetapi kalau ada latihan kalau tidak ada pekerjaan pun satu isu yang lain juga. Sebab itulah kita bekerjasama secara rapat dengan Jobs Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja di samping kita ingin kita buka kepada PERKESO dan banyak lagi agensi-agensi yang ingin membantu kita dalam memberi peluang-peluang pekerjaan kepada belia-belia kita yang di Negeri Selangor ini.

Walau bagaimanapun dengan pengumuman 800 ribu oleh Yang Amat Berhormat dalam Belanjawan baru-baru ini kita komited. Kita akan pastikan belia-belia khususnya anak-anak Selangor kita mendapat keutamaan dalam pekerjaan di negeri kita ini.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga jawapan daripada Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan pembangunan belia di Negeri Selangor. Cuma ada beberapa perkara lain yang perlu juga diberikan perhatian. Soalan tambahan saya adalah berkaitan dengan belia ni tidak boleh

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

tidak kita nafikan untuk memastikan belia ini mempunyai keboleh pasaran dalam bidang pekerjaan. Graduan-graduan ataupun belia ini mestilah dia *employ* mestilah boleh diketengahkan untuk pekerjaan-pekerjaan ini dan sebahagian daripada tersebut adalah berkenaan dengan kepimpinan dan juga organisasi. Sejauh mana permohonan belia di Negeri Selangor ni kerajaan nak beri tumpuan kepada Majlis Belia Negeri Selangor dan juga Pertubuhan-pertubuhan belia yang berdaftar di bawah ROY terutamanya gabungan-gabungan Majlis Belia Negeri Selangor dan juga Majlis Belia Daerah. Berbanding peruntukan yang disalurkan kepada Penggerak Belia Tempatan yang saya lihat ia lebih ia lebih kepada penggerak-penggerak yang berkepentingan politik.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Yang pertamanya saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Sungai Panjang bahawa soalan asasnya adalah pengangguran bukan peruntukan pada persatuan. Walau bagaimanapun saya mengalukan soalan tersebut. Sebab itu la *engagement* kita dengan persatuan-persatuan kita jalankan terus melalui majlis rundingan belia yang kita adakan setiap tahun. Kita mengiktiraf persatuan-persatuan ini dengan sebab itu kita tidak memilih. Kita tidak pilih kita bekerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan, kita Majlis Belia dan Sukan dan kita bekerjasama dengan semua persatuan-persatuan. Ia, PeBT adalah salah satu daripada penggerak yang kita memberi fokus kerana ia adalah milik Kerajaan Negeri. Tetapi dalam masa sama kita membuka kepada persatuan-persatuan. Kita dengar, kita dengar pandangan tidak kiralah persatuan apa sekalipun. Tetapi Yang Berhormat juga harus memikirkan. Yang Berhormat Sungai Panjang juga bercerita tentang masalah belia yang duduk dalam persatuan. Bagaimana dengan *trending* belia sekarang ini yang tidak minat pada persatuan. Belia-belia kita yang jauh daripada politik, belia-belia kita jauh dari persatuan, tidak minat masuk pertubuhan, tidak minat mengikuti acara-acara berprotokol. Ini adalah perkara yang Kerajaan Negeri sedang memikirkan untuk mendekati belia-belia kita ini. Walau bagaimanapun soalan asas kita adalah tentang pengangguran yang ada Negeri Selangor.

Kita mengucapkan terima kasih juga pada semua Perbadanan Kerajaan Negeri Selangor, program-program telah dijalankan dan Program Usahawan Siswazah yang mana ini semua adalah program yang membantu mengurangkan kadar pengangguran belia di Negeri Selangor. Saya memahami prihatin Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian bahawa kadar pengangguran ini secara keseluruhan tetapi mungkin Yang Berhormat sekalian melihat bagaimana cara nak selesaikan kadar pengangguran di kawasan Yang Berhormat-Yang Berhormat masing-masing. Mungkin ini adalah antara perkara yang menjadi buah fikiran dalam pemikiran Yang Berhormat sekalian. Kalau tidak ada aral Insha'allah kita boleh bekerjasama dengan PERKESO, Jabatan Tenaga Kerja kita buat boleh buat *Job Fair* secara berskala di peringkat DUN masing-masing dan kalau ini boleh berlaku saya mengharapkan kerjasama daripada ADUN-ADUN Tempatan untuk kita menjayakan Karnival *Job Fair* berskala sederhana di kawasan-kawasan Yang Berhormat yang mana sapa-sapa yang berminat kita boleh bekerjasama di masa akan datang.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Tuan Speaker, ada dua soalan tu.

TUAN SPEAKER : Pelabuhan Klang. Dipersilakan.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan Pelabuhan Klang Nombor 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : DANA USAHAWAN KAUM INDIA

Soalan Nombor 21:

- a) Sila nyatakan apakah itu SITHAM?
- b) Apakah peranan SITHAM dalam pengagihan dana usahawan kaum India dan berapakah jumlah pemohon yang telah menerima dana tersebut?
- c) Berapa jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk program ini?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Pelabuhan Klang. SITHAM adalah merupakan singkatan sebutan atau *acronym name* dalam bahasa Tamil dengan izin Tuan Speaker saya kena sebutlah dalam bahasa Tamil, kalau salah tolong betulkan, Selangor Inthiyar Thozhil Arvalar Maiyam. Itu dia punya singkatan kepada yang membawa maksud Pusat Pembangunan Usahawan India Selangor. SITHAM ini juga merupakan ataupun membawa maksud sifat keazaman yang kukuh dalam diri usahawan ataupun pengusaha-pengusaha yang ada. Jadi SITHAM merupakan jenama bukannya satu program khusus tertentu ataupun NGO yang terlibat tetapi ia adalah satu jenama yang singkatannya. Dan ia masih mengekalkan fungsi serta hala tuju yang sama yang telah pun diputuskan di bawah Program Pembangunan Usahawan India Selangor.

Objektif penubuhan SITHAM ini adalah seperti berikut, iaitu menaik taraf kehidupan ekonomi masyarakat India menerusi janaan pendapatan melalui kemahiran sendiri, juga melahirkan usahawan India yang berpengetahuan mulanya sifar kepada boleh berkemahiran di dalam perniagaan mikro dan juga ditransformasikan mereka yang boleh berada kepada tahap yang lebih tinggi di dalam keusahawanan dan juga SITHAM ini juga medium kepada masyarakat India yang berpotensi untuk menjadi daya saing pengusaha-pengusaha masyarakat lain. Jadi Tuan Speaker sebenarnya itulah penerangannya jadi saya harap tidak lagi ada kekeliruan mengatakan bahawa SITHAM ini adalah satu NGO ataupun satu badan yang diberikan oleh Kerajaan dalam menguruskan program ini. Sebenarnya Program Pembangunan Usahawan India ini dipengerusikan oleh saya sendiri selaku EXCO Usahawan dan juga dibantu oleh Jawatankuasa PEMANDU ataupun *Steering Community* manakala pelaksanaannya program ini diurusetikan oleh Unit Perancang Ekonomi Seksyen Sektor, dan kalau kita lihat selain daripada itu Hijrah Selangor juga memainkan peranan penting di dalam program ini dan juga wakil daripada KKI yang telah pun dinamakan oleh KKI sendiri.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat pelaksanaan program dan sasaran peserta yang diletakan. Program ini sebenarnya baru diluluskan, baru di angkat oleh MMKN pada bulan

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Ogos dan ianya mula dilaksanakan pada awal September dan kita lihat ada lima pecahan besar untuk program ini.

laitu pertamanya kita awal September haritu kita membuat satu *road show* kepada 9 PBT dan sasaran kita pada setiap *road show* itu sepatutnya 100 penyertaan tetapi *alhamdulillah* sehingga berakhir 9 PBT tersebut kita dapati 2,142 orang yang telah pun hadir ke taklimat tersebut dan memohon dalam program ataupun terlibat dalam program SITHAM. Tetapi kita lihat kategori permohonan itu terdiri kepada tiga kategori. Iaitu ada yang datang itu belum mempunyai apa-apa program yang ingin terlibat di dalam program perniagaan ataupun ingin dilatih dalam program tersebut.

Yang keduanya ada program yang telah pun ada perniagaan tetapi mereka ingin melihat apakah potensi untuk mereka boleh dibantu untuk meningkatkan perniagaan.

Dan yang ketiga ada pula syarikat-syarikat daripada golongan masyarakat India yang telah pun berjaya yang ingin menawarkan pula berada di dalam program PPUS ini ataupun Program Pembangunan Usahawan India ini untuk sama-sama membantu masyarakat India. Jadi akhirnya program ini selain taklimat kita akan memberikan geran bantuan peralatan dan juga kita ada program GROW yang mana disebut oleh Dato' Menteri Besar tetapi kali ini tahun ini GROW hanya di buat dalam skala yang kecil iaitu GROW ini adalah program singkatan kepada *Get Rich On Way* yang mana program bimbingan dan selain daripada itu kita ada kursus kemahiran pembuatan dan juga latihan pembangunan usahawan.

Jadi untuk peruntukan soalan seterusnya yang ditanya peruntukan 2019 sebenarnya telah pun dibajetkan sebanyak RM1 Juta. *Insyah'Allah* program ini yang berlangsung selama akan dilaksanakan sehingga bulan Disember ini kita sasarkan kos yang akan mungkin boleh dibelanjakan adalah sebanyak RM579,000.00. Saya sebut mungkin sebab kos sebenar akan kita tahu selepas tarikh tamat keseluruhan program yang dilaksanakan. Jadi taklimat *Outreach* kita memperuntukkan sebanyak RM60,000.00, geran peralatan sebanyak RM156,000.00, GROW sebanyak RM218,000.00, latihan adalah sebanyak RM145,000.00. Jadi keseluruhan program ini disasarkan akan yang berakhir November ini akan dapat menggunakan peruntukan RM1 Juta itu sebanyak RM 579,000.00. Sekian terima kasih.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Soalan Tambahan Yang Berhormat Yang terhormat Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih atas penjelasan oleh Yang Berhormat EXCO Batu Tiga berkenaan dengan Program Usahawan Kaum India itu SITHAM. Saya nak sebut balik pun tak pandai. Cuma saya ucap tahniahlah atas Kerajaan Negeri usaha yang dibuat bagi membantu usahawan kaum India dengan peruntukan yang telah diperuntukkan untuk tahun 2019 ialah sebanyak RM1 juta. Cuma saya tengok pelaksanaannya lambat dan lepas tu boleh timbul pula perkataan SITHAM ini tu yang jadi tanda tanya. Dan bila dimaklumkan oleh Yang Berhormat EXCO tadi bahawa penggunaan dana tersebut hanya RM 500,000.00 yang mungkin akan dan kenapa tidak digunakan

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

sepenuhnya sebanyak RM1 Juta yang telah diperuntukkan untuk tahun ini dan tahun hadapan akan ada lagi RM1 Juta yang akan diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk Program Dana Usahawan Kaum India. Adakah baki peruntukan yang tidak digunakan pada tahun ini boleh dibawa pada tahun hadapan dan yang kedua soalnya ialah bagaimana cara mekanisme ataupun penentuan untuk menentukan siapakah yang layak untuk menerima dana ini.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Pelabuan Klang. Banyak soalan tu, saya jawab. Pertama saya nak sebut kenapa lambat ianya sebenarnya bajet itu telah dibajetkan tetapi pelaksanaannya mungkin sebelum ianya diluluskan oleh MMKN itu ianya tidak pasti di manakah patut pelaksana itu, maknanya di bawah STANDCO saya ke ataupun STANDCO Yang Berhormat Kota Kemuning dan pelbagai. Tetapi akhirnya bila diputuskan sahaja bulan Ogos saya mengambil inisiatif untuk terus pelaksanaan itu berlaku. Jadi kita beranggapan sebab ianya dilaksanakan dalam model yang baru pastinya ia tidak kita takut ianya tidak lawas tidak terus boleh kita lonjakan tetapi memandangkan bila berakhir bulan September, 2,142 pemohon telah pun mengemukakan permohonan mereka kita nampak ia agak baik kalau dibandingkan 2 tahun yang lepas permohonan itu *outreach* itu tidak sampai kepada ...Jadi bila kita buat itu kita nampak model itu mungkin boleh dipercepatkan jadi kewangan yang ada itu yang kita sasarkan itu telah pun saya mohon kepada mesyuarat bersama Menteri Besar di dalam mesyuarat HIJRAH untuk kita bawa ke depan jika ia tidak habis. Disebabkan sekarang telah pun *dishortlistedkan* ataupun di senarai pendekkan siapa yang boleh mendapat dana geran, GROW dan latihan ini saya jangkakan kemungkinan besar dana ini boleh diselesaikan pada tahun ini *Insyah' Allah*. Dan baki kenapa lambat saya dah baki pun saya dah jawab tinggal lagi mekanisme pemilihan itu. Bila 2,142 orang ini memohon kita senarai pendekkan selepas itu kita siasat di rumah, kita lihat benarkah mereka ini ada program, ada keupayaan dan sebagainya dan di situ *Insyah' Allah* sebenarnya ia telah selesai pada awal November haritu senarai pendek tersebut dan pada minggu depan kita dah mula menawarkan kepada mereka. Siapa yang layak *Insyah' Allah*. Jadi prosesnya bukanlah begitu mudah bila nak pergi melawat ke lapangan itu kita meminta bantuan daripada komuniti kaum India untuk turun padang dan siasat disebabkan bahasa dan sebagainya lebih memudahkan kerja. Jadi itu sahaja Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker.
Soalan saya nombor 22.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN (N36 BANDAR UTAMA)

TAJUK : MASALAH PENGURUSAN PANGSAPURI KOS RENDAH

Soalan Nombor 22:

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

- a) Kerajaan Prihatin Selangor telah menyediakan berpuluh ribu rumah kos pangsapuri rendah di bawah Skim Rumah Selangorku. Apakah perancangan Kerajaan Negeri sekiranya pihak JMB atau berkaitan tidak mampu menguruskan rumah-rumah ini akibat yuran penyelenggaraan yang terlalu rendah atau tidak dibayar?.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Speaker juga Bandar Utama. Saya akan jawab bersekali dengan soalan 34 Balakong sebab menyentuh perkara yang sama. Jadi soalnya adalah berkaitan dengan ketidakmampuan JMB untuk menguruskan rumah bertingkat akibat daripada yuran selenggara yang terlalu rendah ataupun tidak dibayar. Berdasarkan Akta Hak Milik Strata 1985 iaitu Akta 318 hak milik tanah bagi sesebuah kawasan pemajuan pemajuan strata adalah hak milik semua pemilik dan mereka perlu bertanggungjawab untuk menyelenggara serta mengurus bangunan pangsapuri mereka sendiri. Peruntukan akta berkenaan jelas menyatakan hak-hak dan tanggungjawab pemilik-pemilik petak terhadap pengurusan unit pangsapuri yang mereka beli dan miliki. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk menyelesaikan ataupun membantu meringankan masalah pengurusan pangsapuri kos rendah yang tidak ada kemampuan menguruskan bangunan akibat yuran selenggara yang terlalu rendah ataupun tidak dibayar. Jadi antara inisiatif tersebut ialah memberi pendedahan serta latihan kepada pihak pengurusan atau badan pengurusan bersama JMB berkenaan peranan mereka melalui Akta Pengurusan Strata 2013 iaitu Fasal 757 untuk mengutip tunggakan cas selenggara di kalangan pemilik-pemilik tegar.

Pihak JMB yang ditubuhkan mempunyai kuasa untuk mengutip cas penyelenggaraan daripada pemilik untuk tujuan pengurusan dan penyelenggaraan di bawah Seksyen 21 Sub Seksyen 2 dan Seksyen 33 Akta Pengurusan Strata 2013. Selain itu JMB diberi penerangan berhubung mekanisme membawa pemilik-pemilik tegar ini ke mahkamah atau Tribunal Pengurusan Strata bagi tujuan mendapatkan hutang yuran penyelenggaraan ataupun pengurusan. Inisiatif kedua Kerajaan Negeri juga akan membekalkan sistem pengurusan kewangan strata. Ini Kerajaan Negeri mengeluarkan peruntukan membeli satu sistem kewangan strata dan dibekalkan kepada setiap JMB MC di Negeri Selangor untuk memastikan pengurusan kewangan mereka dijaga dengan baik. Ini dari aspek pengurusan kutipan dan juga perbelanjaan yang diusahakan ataupun dijalankan di pangsapuri berkaitan. Jadi, sebenarnya sistem ini dapat membantu JMB merancang dan meneliti kadar pengenaan yuran selenggara bersesuaian dengan kos yang perlu dibelanjakan untuk mengurus bangunan yang mereka perlu uruskan. Dan, latihan penggunaan sistem itu dilaksanakan secara berperingkat supaya mereka faham dari segi penggunaan sistem dan juga kesan ke atas penyediaan sistem itu dapat disampaikan secara terus kepada pihak JMB. Bagi mereka yang tidak berminat ataupun enggan memikul tanggungjawab mengurus pangsapuri mereka, inisiatif daripada Kerajaan Negeri adalah untuk penubuhan ataupun melantik, program ini kita panggil Pemberdayaan Komuniti ataupun Care Spot yang mengambil peranan ataupun dengan bantuan Pesuruhjaya Bangunan (COB) di PBT-PBT boleh melantik agen pengurusan (MC) untuk mengurus bangunan strata yang tidak ada pihak daripada pemilik petak yang ingin mengambil tanggungjawab tersebut. Jadi, kita jangkakan program ini akan memberi kesan yang positif kerana mereka dibimbing ataupun pengurusan bangunan itu dijalankan selama enam bulan bagi membetulkan keadaan kutipan dan juga perbelanjaan dan selepas itu akan diserahkan semula kepada jawatankuasa

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

atau dibentuk JMB untuk seterusnya memikul tanggungjawab tersebut. Jadi, itu sahaja jawapan bagi soalan 22 dan 34.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya Bandar Utama, silakan.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kepada EXCO kerana menjawab soalan saya dengan begitu teliti sekali. Di sini saya cuma ingin membangkitkan satu persoalan di mana saya tahu terdapat banyak akta, undang-undang, SOP, *guidelines* dan sebagainya yang melindungi kebajikan penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan ataupun bangunan strata. Tetapi kadang-kadang dengan akta ataupun SOP dan *guidelines* sebagainya ianya terdapat juga *lope hole*, dengan izin yang selalu dikesani. Sebagai contoh, sekiranya JMB gagal mengutip hutang kos penyelenggaraan, memang benar pihak JMB boleh membawa kes itu ke mahkamah tetapi kes ke mahkamah itu mengambil masa yang sangat panjang dan juga sekiranya jumlah penduduk yang berhutang dengan JMB itu dalam peratusan yang tinggi ia akan mengambil masa yang sangat lama untuk JMB menyelesaikan perkara itu. Satu lagi contoh untuk yang saya ingin berikan...

TUAN SPEAKER : Pendekkan dan soalan teruskan kepada soalan tambahan.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : OK. Jadi sebenarnya saya cuma ingin bertanya sekiranya peratusan kos pangsapuri kos rendah yang mengalami isu ini semakin meningkat, adakah Kerajaan Negeri kita bersedia untuk bertanggungjawab terhadap kos pangsapuri rendah seperti ini? Itu adalah soalan saya.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Baik. Terima kasih kepada Bandar Utama, memang sentiasa prihatin terhadap penghuni pangsapuri kos rendah dan sederhana rendah. Walau bagaimanapun, kita perlu memberi kefahaman kepada pemilik-pemilik petak bahawa unit-unit ataupun petak ini adalah milik persendirian. Mereka perlu bertanggungjawab terhadap petak yang mereka miliki. Tetapi itu tidak bermakna kerajaan tidak mempedulikan masalah yang mereka hadapi. Oleh itu, langkah untuk satu, memberi kefahaman kepada mereka akan tanggungjawab tersebut juga memberi mereka kemahiran untuk mengurus pangsapuri bertingkat ini, ia diberi dan dengan bantuan sistem mengurus kewangan sama ada dari segi kutipan dan juga perbelanjaan yang perlu dikeluarkan setiap bulan bagi menguruskan bangunan tersebut. Dan, latihan juga diberi selama enam bulan untuk memberi mereka kemahiran tersebut. Kita tidak hanya memberikan mereka sistem tetapi memberi latihan selama enam bulan yang akan dikendalikan oleh MC yang dilantik oleh COB di mana pangsapuri yang dikenal pasti sebagai bermasalah akan melalui program ini. Jadi, sebelum ini juga kerajaan telah mengeluarkan peruntukan yang agak besar untuk melunaskan perbelanjaan mengurus bangunan mereka. Tapi ini sebenarnya tidak berkesan kerana mereka akan selama-lamanya bergantung kepada kerajaan.

Jadi, kita telah mengambil langkah pro-aktif untuk memberi mereka kefahaman serta latihan. Jadi, ini juga akan berterusan sehingga pemilik-pemilik petak seluruhnya juga faham bahawa mereka mesti bertanggungjawab bukan meletakkan tanggungjawab itu di atas bahu JMB semata-mata. Jadi, saya harap Yang Berhormat, yang mempunyai pangsapuri juga mengambil langkah ini supaya pemilik petak ini faham bahawa petak ini

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

adalah milik mereka sendiri. Maknanya mereka boleh menjualnya kalau mereka sudah ingin bertukar ataupun berpindah ke tempat yang lain. Jadi, perlu mengambil tanggungjawablah tidak menyerahkan tanggungjawab itu kepada pihak yang lain. Jadi, itu sahaja penjelasan saya.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 23.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR (N05 HULU BERNAM)

TAJUK : RIZAB Kerajaan Negeri Selangor

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan prestasi terkini akaun bersatu dan dalam simpanan rizab Kerajaan Negeri sehingga September tahun 2019?
- b) Nyatakan perbezaan dari tahun 2017, 2018 dan sehingga September 2019 rizab Kerajaan Negeri Selangor?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Hulu Bernam dan Speaker. Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Sungai Panjang iaitu pada giliran 276.

Ahli Yang Berhormat sekalian, prestasi Akaun Disatukan ataupun *Consolidated Fund* yang dikenali dengan nama Kumpulan Wang Disatukan. Prestasi kewangan terkini Kumpulan Wang Disatukan pada 30 September soalnya berkenaan dengan September mencatatkan peningkatan sebanyak 4.93% iaitu kepada RM2.24 billion ataupun dengan lebih detail saya boleh sebutkan RM2,240.66 juta berbanding hanya RM2.135 billion ataupun RM2,135.37 juta pada tahun 2019 dan sebagaimana *update* yang saya sebutkan di dalam Dewan yang lepas ketika membentangkan belanjawan, angka kita pada Oktober telah mencecah RM2.3 billion juga satu menunjukkan peningkatan untuk menampung kekurangan dan defisit yang telah dikemukakan dalam belanjawan yang lepas. Ahli Yang Berhormat sekalian, bagaimana pecahannya? Pecahannya adalah seperti yang berikut. Sebanyak RM828.79 juta adalah terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM1.4 billion dan Akaun Pinjaman Disatukan adalah sebanyak RM10.09 juta. Inilah yang menghasilkan Akaun Hasil Disatukan ataupun Akaun Bersatu yang disebut oleh yang ditanyakan oleh Hulu Bernam.

Manakala Sungai Panjang bertanyakan tentang bagaimanakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan rizab dalam keadaan baik? Kita telah menyatakan bahawa kita memastikan bahawa memperkemas dan menambah baik terhadap perbelanjaan berhemah dan langkah penjimatan dalam menguruskan perbelanjaan wang awam. Kerajaan Negeri

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

sentiasa menekankan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban serta akauntabiliti dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti perbelanjaan yang dikeluarkan dan semua urusan adalah terbaik ataupun *value for money* melalui kaedah perolehan yang holistik seperti berikut :-

- 1) Mewujudkan sistem tender terbuka di dalam semua perolehan kerajaan.
- 2) Kaedah penilaian secara cut off iaitu penentuan harga munasabah berdasarkan nilai projek.
- 3) Mengeluarkan pekeliling perbelanjaan yang berhemah.

Kerajaan Negeri sentiasa meningkatkan kedudukan kewangan dengan memastikan rizab diurus dengan cekap dan teratur bagi memastikan segala dasar program, projek dan aktiviti yang dirancang bagi pembangunan Negeri Selangor dan kebajikan rakyat dapat dilaksana dengan berkesan. Antara tindakan yang diambil Kerajaan Negeri untuk meningkatkan prestasi kewangan dan aspek kutipan hasil adalah sesi *engagement* yang berterusan di antara Pejabat Tanah dan Galian dan Pejabat Tanah dengan pihak pemohon dan syarikat sekiranya terdapat isu atau masalah dalam menjelaskan premium yang telah ditetapkan, melaksanakan kutipan cukai petak bagi pembangunan berstrata selaras dengan pindaan Akta Hak Milik Strata Tahun 2016 yang telah berkuat kuasa mulai Jun 2018, operasi mengutip cukai tanah tertunggak ke atas penunggak tegar dan van kaunter kutipan hasil cukai tanah bergerak, program perjumpaan bersama penduduk dan Pejabat Tanah dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri bagi urusan permohonan pindah milik hak milik strata dan membuka kaunter bayaran cukai tanah, penguatkuasaan Unit Cukai, Hiburan, Perbendaharaan Negeri Selangor ke atas pengusaha-pengusaha pusat hiburan, panggung wayang, taman tema, litar lumba, pertunjukan pentas bagi memastikan duti hiburan diterima oleh Kerajaan Negeri, mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri membantu Kerajaan Negeri menguruskan lebihan tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum, pengenaan caj royalti bagi pokok getah, kelapa sawit dan kelapa sebagaimana termaktub dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Hutan Selangor dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, pengenaan caj fi premium kawasan permit penggunaan serta caj-caj fi yang berkaitan penggunaan kawasan hutan, hutan simpan kekal dan pengeluaran hasil hutan berdasarkan Kaedah-Kaedah Hutan Selangor 2017, melaksanakan semakan semula kadar-kadar kaedah pusat veterinar 2007, merangka pengenaan fi pemprosesan dan wang cagaran permohonan papan iklan di dalam rizab jalan negeri oleh Jabatan Kerja Raya, melaksanakan Akta 795 berkaitan dengan *Access Benefit Sharing* yang bertujuan untuk memastikan sumber hasil biodiversiti yang dikomersialkan bagi tujuan penyelidikan, perubatan dan kosmetik dipantau dan dikongsikan, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Perhutanan akan memproses permohonan permit dan mengenakan bayaran bagi setiap permohonan yang diluluskan, merangka dan melaksanakan kaedah-kaedah perikanan darat (akuakultur) apabila dikuatkuasakan kelak semua aktiviti yang berkaitan dengan aktiviti perikanan darat (akuakultur) akan dikenakan caj tertentu di mana pada ketika ini tiada sebarang ikatan untuk pengenaan caj. Selain daripada itu, tindakan penguatkuasaan boleh dilaksanakan dengan lebih baik.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Untuk soalan B, ingin saya sebutkan di sini perbandingan jumlah rizab kerajaan ataupun Kumpulan Wang Disatukan tahun 2017 adalah sebanyak RM2.8 billion ataupun lebih tepat RM2.838 billion dan berkurang kepada 2.135.37 iaitu sebanyak 32% pada tahun 2018 ataupun berakhir 2018. Pengurangan jumlah ini adalah disebabkan yang pertama, kutipan yang tidak memberangsangkan. Kita mensasarkan RM2.56 billion pada tahun 2018 tetapi kutipan yang dicatatkan adalah pada RM1.998 billion pada akhir tahun 2018. Selain itu, pihak Kerajaan Negeri dalam tempoh 2017 dan 2018 turut melaksanakan beberapa projek. Antaranya loji-loji rawatan Semenyih dan juga Labuhan Dagang dan penggantian hampir 200 kilometer paip-paip yang melibatkan kos hampir lebih RM600 juta dan sedikit sebanyak ia memberikan kesan kepada nilai ataupun kepada jumlah rizab kita yang berkurang hingga 32%. Namun begitu, atas langkah-langkah tertentu yang telah dilaksanakan pada tahun 2019 ia menunjukkan peningkatan sehingga RM2.24 billion dan pada Oktober 2019 saya boleh sebutkan angkanya ialah pada RM2.3 billion. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat mengatakan 2.3 billion iaitu simpanan rizab sehingga terkini. Berapakah simpanan rizab ketika kerajaan Pakatan Rakyat ambil alih daripada Barisan Nasional ketika itu? Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Pada masuk akaun tahun 2008 yang saya masih ingat adalah pada angka sekitar 800 hingga 900 juta ringgit Malaysia dan di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat dan kemudian Pakatan Harapan angkanya telah lebih 2 bilion dan kita akan pastikan angka ini selamat untuk kelestarian pentadbiran dan kewangan Negeri Selangor. (Tepuk meja). Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker.
Soalan No. 24.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI (N51 SIJANGKANG)

TAJUK : KLUSTERISASI GUGUSAN-GUGUSAN

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status terkini program klusterisasi seperti yang telah diumumkan di dalam pembentangan bajet yang lalu?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Sijangkang dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Setelah pengumuman berkenaan dengan inisiatif klusterisasi Negeri Selangor

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

dibuat pada pembentangan Belanjawan yang lalu terdapat beberapa siri perbincangan dan mesyuarat dan persidangan yang telah diadakan bagi memastikan semua agensi terlibat memahami dan bersedia merealisasikan perancangan di bawah inisiatif ini. Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi telah mengadakan bengkel dan juga bengkel klusterisasi Negeri Selangor pada 28 hingga 29 Mac 2019 dan hasil bengkel tersebut telah dibentangkan dalam retreat EXCO Kerajaan Negeri pada 1 – 2 April 2019.

Seterusnya Unit Perancang Ekonomi telah membentangkan kertas makluman mengenai status kemajuan klusterisasi Negeri Selangor pada Julai dan mencadangkan beberapa perubahan berdasarkan kepada keperluan dan kesesuaian semasa. Perubahan tersebut adalah pertama pemurnian ke atas kluster-kluster asal iaitu kluster industri teknologi tinggi dan sains *park* ditukar kepada kluster sains dan teknologi tinggi. Kluster pertanian dan industri asas tani dan kluster perikanan dan akuakultur digabungkan bersama dan ditukar kepada kluster pertanian dan kluster ekonomi bandar ditukar kepada ekonomi digital. Kluster industri terpilih dan industri perkhidmatan memfokuskan kepada tiga sektor utama iaitu yang pertama industri halal, bioteknologi dan pelancongan kesihatan ataupun madrigal tourism.

Ketiga, 4 kluster yang diketuai oleh Invest Selangor Berhad disuaipadankan semula dengan pelan induk perindustrian Selangor ataupun Selangor *Industrial Masterplan Study*. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan dan proses pemantauan setiap pelan tindakan dirancang bagi setiap kluster, Jawatankuasa Pemandu Kluster Negeri Selangor telah ditubuhkan di peringkat Kerajaan Negeri dan pertama kali bersidang pada 15 Mei 2019 yang lalu. Manakala Jawatankuasa Teknikal Klusterisasi Negeri Selangor telah ditubuhkan di peringkat sektoral.

Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi mengumpul data di peringkat negeri, national dan dunia bagi meneliti kekuatan sedia ada serta sasaran ataupun fokus kluster-kluster yang terlibat dan untuk membolehkan satu mekanisme ataupun ukuran objektif *setting* terhadap pencapaian kluster. Seterusnya pelan tindakan terus dirangka bagi tempuh jangka pendek iaitu 2019 hingga 2020, dua (2) tahun dan jangka panjang 2021 – 2025, lima (5) tahun dan pemantauan kepada pelan tindakan dan aktiviti akan dibuat oleh Kerajaan Negeri empat (4) bulan sekali oleh pembentangan di dalam Majlis Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri ataupun MTES.

Bagi kluster industri Aero Polis dan Aero Angkasa sebanyak 65% industri berasaskan Aero Angkasa berada di Selangor iaitu di Subang dan Sepang dan merupakan pemain utama yang menyumbangkan 34% daripada sejumlah syarikat sebanyak 70 berbanding 200 syarikat yang ada di Malaysia.

Sebanyak 1.7 bilion pendapatan dan 55,000 pekerjaan dijana setiap tahun dan Kerajaan Negeri mensasarkan sebanyak 2 bilion ringgit pendapatan serta 75,000 pekerjaan setahun dijangka menjelang tahun 2025. Buat masa ini, jumlah pengendalian penumpang adalah sebanyak 3 juta setahun dan dijangkakan sebanyak 5 juta penumpang akan menggunakan perkhidmatan penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah, Subang. Kompleks A di Subang juga merupakan had amro pertama di Malaysia yang satu-satunya dilengkapi kemudahan erodrum di rantau asia dengan proses rejuvinasi di dalam kluster ini maka kemudahan dan perkhidmatan akan dapat ditambah baik dan Subang

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

bakal menjadi hub serantau bagi *business evolution* dan hub MRO di Asia Tenggara bertaraf dunia.

Selain itu, Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada kluster pertanian, memandangkan pertanian dan perikanan merupakan sektor yang penting dalam menjamin bekalan makanan ataupun *food security* rakyat di Negeri Selangor dan Malaysia. Keluaran Dalam Negeri Kasar sektor pertanian 2018 adalah sebanyak 1.4% dan bernilai 4.6 bilion dijangkakan pada tahun 2026 KDNK sektor pertanian Selangor dari segi nilai akan meningkat kepada 6 bilion ringgit Malaysia. Peningkatan ini disokong oleh pengeluaran hasil produk-produk pertanian berteraskan penggunaan teknologi moden selain penekanan terhadap prinsip *precision agriculture*, termasuk *good agriculture* ataupun GAP serta pembukaan kawasan-kawasan pertanian baru dengan penanaman produk pertanian bernilai tinggi ataupun *high value agriculture product*.

Sebagai contoh, projek penanaman golden melon di Selangor Fruit Valley seluas 3 ekar yang sedang dalam penyediaan tapak dan akan bermula tahun ini di mana tempoh pengeluaran hasil akan mula diperolehi dalam tempoh 3 bulan. Pengeluaran hasil dijangka bernilai 150 ribu ringgit sekali tuaian dan harga jualan di pasaran bernilai sebanyak RM10.00 hingga RM12.00 setiap kilogram. Dengan tempoh yang singkat, dengan kawasan yang minimum hasil yang diperolehi oleh pengeluar, pengusaha boleh mencecah sehingga 600 ribu ringgit setahun hasil jualan.

Oleh yang demikian, saya percaya sektor pertanian selepas ini bukan sekadar meraih pendapatan sampingan malah turut dijadikan sebagai sumber pendapatan utama dan pengurangan kebergantungan kepada bidang pekerjaan yang semakin mengecil khususnya kepada generasi muda. Tumpuan akan diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kluster-kluster tersebut berkembang dan menjana ekonomi setempat.

Ingin saya jelaskan bahawa projek dan program-program pembangunan industri telah pun berjalan namun begitu adanya klusterisasi akan memberi impak yang lebih besar dan cepat serta lebih terancang bagi menjana ekonomi yang mampan, dinamik dan inovatif akhirnya kesan ini akan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Negeri Selangor.

Saya telah sebutkan beberapa inisiatif yang telah kita laksanakan pada tahun 2019, antaranya klusterisasi pendidikan tinggi dengan melaksanakan *research development and innovation Expo* kali pertama dan mendapat sambutan hampir 200 pempamer di kalangan sekolah dan universiti-universiti dan juga mengadakan serta mewujudkan satu sidang bersama dengan naib-naib canselor dan industri di samping peningkatan kualiti industri pelancongan dengan Negeri Selangor mencatatkan sebagai negeri ketiga terbaik mendapat kutipan hasil daripada pelancongan dan kita diberikan 50% daripada cukai pelancongan pada tahun 2019 iaitu sebanyak 10 juta ringgit Malaysia. Itulah sebahagian daripada pencapaian klusterisasi sehingga kini. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Kalau merujuk kepada pembentangan Belanjawan yang lepas, Sijangkang terlibat dalam klusterisasi sokongan

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

pelabuhan dan juga maritim. Apakah perancangan Kerajaan Negeri ya untuk mengambil kira kedudukan di jajaran Sungai Langat di bandar-bandar lama Teluk Panglima Garang untuk merancang gugusan yang disebutkan tersebut. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Sijangkang di antara isu yang melibatkan kawasan spesifik di Sijangkang ialah melibatkan jeti ataupun mini pelabuhan yang melibatkan beberapa industri hiliran dan industri pembuatan yang wujud di sana ataupun industri perkhidmatan di sana dan pada masa ini Pihak Kerajaan Negeri sedang meneliti untuk *legalized* dengan izin menambah nilai serta memastikan tanah-tanah yang melibatkan jeti yang melibatkan industri ini yang melibatkan industri iron ataupun besi yang melibatkan di kawasan di sana itu dapat dikembangkan dengan menyeluruh. Itulah di antara usaha spesifik yang boleh saya sebutkan melibatkan kawasan Sijangkang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya No. 25.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH (N54 TANJUNG SEPAT)

TAJUK : PROSES PEWARTAAN STATUS TANAH BAGI 52 JETI-JETI NELAYAN DI NEGERI SELANGOR BAGI MEMBOLEHKAN PEMBANGUNAN DAN BAIK PULIH JETI-JETI NELAYAN

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor telah mula melakukan proses Pewartaan Status Tanah bagi 52 Jeti-jeti Nelayan di Negeri Selangor?
- b) Sekiranya Kerajaan Negeri Selangor telah mula melakukan proses pewartaan, apakah status proses pewartaan tersebut dan bila dijangka siap?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Sepat. Tuan Speaker soalan daripada Yang Berhormat Tanjung Sepat adalah berhubung dengan proses Pewartaan Status Tanah bagi 52 Jeti-jeti Nelayan di Negeri Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan jeti bagi keseluruhan jeti-jeti adalah di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Selangor (LKIM) iaitu sebanyak 51 ya bukan 52, 51 buah jeti telah diluluskan secara dasar di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Jeti Negeri Selangor Bil.4/2015 yang diadakan pada 7 Disember 2015.

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen jeti-jeti ini telah mengeluarkan surat pemakluman kelulusan kepada LKIM pada 26 Januari 2016 di mana LKIM perlu mendapatkan kelulusan penggunaan tanah daripada Pentadbir Tanah sebelum Lembaga mengeluarkan lesen jeti.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Mengikut semakan yang terbaharu urusan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Selangor telah siap menjalankan kerja-kerja ukur dan telah mengemukakan permohonan pewartaan dan pengecualian lesen pendudukan sementara (LPS) bagi tujuan pewartaan jeti pendaratan ikan LKIM di Negeri Selangor bagi kegunaan awam untuk kegunaan nelayan kepada Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor pada awal tahun ini dan sedang diproses untuk diluluskan. Sekian.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Terima kasih. Soalan 26.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW (N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : KILANG SISA PLASTIK IMPORT HARAM

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Memandangkan tolakan dari orang awam yang tegas terhadap kilang sisa plastik import haram. Apakah polisi kerajaan Selangor berkenaan perkara sebegini?
- b) Berapa permit telah dikeluarkan untuk kelulusan proses sisa-sisa plastik import?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Tuan Speaker. Kerajaan Negeri melalui PBT dan agensi berkuasa berkaitan sememangnya menjalankan operasi bersepadu bagi menutup kilang plastik haram yang menyumbang kepada pencemaran alam sekitar dan PBT juga berusaha memantau aktiviti ini di kawasan masing-masing daripada merebak ke kawasan baru.

Justeru itu, bagi mengawal aktiviti tersebut yang boleh menyumbang kepada kesan alam sekitar dan kesan nilai ekonomi, Kerajaan Negeri meletakkan syarat kepada PBT supaya mempertimbangkan permohonan lesen yang mempunyai kelulusan permit import atau (AP) sisa plastik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan mempunyai kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Pelek, PBT tiada kaitan dengan pengeluaran Permit Import atau (AP) sisa plastik dan tidak mengeluarkan sebarang Permit Import (AP) kerana ia di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. PBT hanya memproses syarat-syarat teknikal yang melibatkan kelulusan Kebenaran Merancang, kelulusan Pelan Bangunan dan memperolehi cadangan teknikal daripada Jabatan Alam Sekitar terlebih dahulu sebelum Pihak Berkuasa Tempatan mempertimbangkan kelulusan lesen perniagaan tersebut. Sekian, terima kasih.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya No. 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : MENAIKTARAF PUSAT PELANCONGAN

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan projek menaiktaraf pusat pelancongan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2019?
- b) Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri untuk menaiktaraf pusat pelancongan di Selangor pada tahun 2019?

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak 1.5 juta ringgit bagi tujuan menaik taraf produk-produk pelancongan negeri pada tahun 2019. Antara projek-projek yang sedang dan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini ialah :-

BIL	PROJEK	LOKASI	AGENSI PELAKSANA	PERUNTUKAN (RM)
1	Menaik taraf Rumah Rehat Sri Berkat	Bukit Fraser	Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor	1,300,000.00
2	Menaik taraf Paparan <i>Digital Display Board</i> di Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz	Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Klang	Tourism Selangor Sdn Bhd	30,000.00
3	Kerja-kerja Menaiktaraf Kolam Air Panas Di Jalan Kachau Kg Pasir Baru Mukim Semenyih	Semenyih	Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat	63,000.00
JUMLAH KESELURUHAN				1,393,000.00

Dan jumlah keseluruhan telah dibelanjakan untuk menaiktaraf semua pusat-pusat pelancongan di Selangor iaitu sebanyak 1,393,000.00. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seri Kembangan. Tidak hadir. Sg. Kandis.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :
Sungai Kandis No. 29.

Tuan Speaker, soalan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : PEMBAKARAN TERBUKA DI TANAH PERSENDIRIAN

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tindakan kerajaan dalam menangani pembakaran terbuka oleh pekebun bagi tujuan pertanian?
- b) Apakah tindakan kerajaan dalam menangani isu pembakaran belukar di atas tanah yang tidak diketahui pemiliknya terutama di kawasan Revolusi Hijau Johan Setia?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Saya mohon untuk jawab esok pagi boleh sebab panjang sangat.

TUAN SPEAKER : Jawab-jawab. Habiskan jawab.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Boleh habiskan.

TUAN SPEAKER : Saya bagi peluang Yang Berhormat EXCO untuk jawab. Saya bagi. Saya bagi.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Kandis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat Terdapat beberapa jenis aktiviti pembakaran melibatkan pertanian yang diisytiharkan sebagai bukan pembakaran terbuka sebagaimana dinyatakan di dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan) 2003. Senarai aktiviti yang diisytiharkan sebagai bukan pembakaran terbuka adalah seperti berikut.pembakaran apa-apa tumbuhan berpenyakit dan juga tumbuhan berbahaya dan juga kelengkapan pertanian yang berhubung dengan tumbuhan berpenyakit dan tumbuhan berbahaya. Kedua, pembakaran bangkai binatang burung dan juga bahan yang dijangkiti. Ketiga, aktiviti-aktiviti lain yang dinyatakan dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan) 2003 . Walau bagaimanapun, sekiranya aktiviti pembakaran tersebut tidak terkandung dalam Perintah seperti yang dinyatakan di atas, Kerajaan Negeri mengambil tindakan berikut dalam usaha menangani pembakaran terbuka oleh pekebun, iaitu:

- i. Bekerjasama dengan Jabatan Pertanian bagi memastikan pekebun-pekebun menggunakan kaedah selain pembakaran dalam melaksanakan aktiviti pertanian;

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

- ii. Mewar-warkan mengenai larangan pembakaran terbuka di kawasan yang sering terbakar melalui pembinaan papan tanda, pengedaran risalah dan makluman melalui media; dan
 - iii. Menjalankan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah & Daerah dengan mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati melakukan atau membenarkan aktiviti pembakaran terbuka.
- b) Bagi aktiviti pembakaran terbuka yang dilakukan di atas tanah yang tidak diketahui pemilikan atau di atas tanah Kerajaan seperti rizab jalan, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah akan mengambil tindakan sebagaimana termaktub di bawah undang-undang Kanun Tanah Negara. Walaubagaimanapun, tanah-tanah di kawasan Revolusi Hijau Johan Setia keseluruhannya mempunyai pemilikan dan telah dikenalpasti oleh Pejabat Daerah/Tanah Klang. Bagi menangani kes pembakaran terbuka di Johan Setia, Kerajaan Negeri mengambil tindakan seperti berikut:-
- i. Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah & Daerah dengan mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati melakukan atau membenarkan aktiviti pembakaran terbuka termasuk pemilik tanah;
 - ii. JAS, MPK dan PTD Klang bersama-sama menjalankan rondaan di sekitar Johan Setia bagi memantau aktiviti pembakaran terbuka terutama oleh petani-petani;
 - iii. Menjalankan operasi bersepadu bagi membanteras pendatang-pendatang tanpa izin yang menjalankan aktiviti pertanian di Johan Setia yang turut melibatkan pembakaran terbuka;
 - iv. Jabatan Pengairan dan Saliran, dan Jabatan Mineral dan Geosains melaksanakan langkah pencegahan pembakaran terbuka dengan melaksanakan *water management system* melalui pembinaan *checkdam* dan pembinaan telaga air tanah (tubewell) di kawasan tersebut supaya kebakaran dapat dikawal dan dikurangkan;
 - v. Melaksanakan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar kepada orang awam dan para petani bagi memastikan mereka memberi kerjasama dalam usaha-usaha penjagaan alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka.

Sekian, terima kasih.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

TUAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Kajang. Tak ada soalan tambahan. Ahli-ahli Yang Berhormat masa telah menunjukkan 11.34 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2020 semua peringkat.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang kita sambung kemukakan Rang Undang-Undang ini sekarang untuk bahas. Sambungan perbahasan jadi saya bagi masa setiap Ahli Yang Berhormat 15 minit. Silakan Sungai Kandis.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Assalamualaikum w.b.t. dan selamat pagi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberi ruang kepada Sungai Kandis untuk ikut serta dalam perbahasan Belanjawan 2020. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan pasukan kerajaan yang telah berjaya menyediakan ataupun memberikan suatu bajet yang menyeluruh untuk tahun 2020. Tahun lalu ketika saya mendengar pidato daripada Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar beliau menyebutkan perkataan *destruction* saya cuba untuk memahami dan meneliti apa yang dimaksudkan dengan perkataan *destruction* tetapi tidak banyak penulis-penulis Malaysia apa lagi di Selangor yang menulis tentang fenomena ini. Dan kita melihat di negara seberang di Indonesia telah banyak penulis-penulis, ahli-ahli korporat yang memberikan kesedaran kepada masyarakat ahli bisnes, pemimpin negara berkenaan cabaran yang akan dihadapi oleh revolusi 4.0.

Tahun ini kita diberitahu bahawa Gagasan Premier Smart State 2025 target Kerajaan Negeri Selangor dan saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah meletakkan Negeri Selangor di atas landasan yang betul. Dalam bajet yang disediakan kita melihat bahawa Negeri Selangor sedang bergerak untuk menghadapi cabaran *destruction* ini ataupun disebut *innovation* dalam pentadbiran, dalam perniagaan. Justeru itu saya ingin mengembangkan cabaran ini dalam sektor pentadbiran MPKK, kita sebut Smart MPKK. Di mana kampung-kampung yang ada di Negeri Selangor ini yang jumlahnya 368 buah kampung ini dirangkaikan di mana hari ini masyarakat sudah menjadi *connected society* dengan izin Tuan Speaker. Seluruh masyarakat di negeri ini, di Malaysia dan di seluruh dunia telah dirangkaikan melalui sistem internet yang disebut sebagai *internet of things* dengan izin. Jadi dengan adanya Smart MPKK ini seluruh kampung-kampung ini dapat mempromosikan produk-produk kampung. Pengusaha kerepek di Sabak Bernam boleh menjual melalui laman web ataupun mini web dan dapat diakses oleh seluruh pembeli-pembeli di seluruh Malaysia dan seluruh dunia.

Secara tidak langsung ini akan meningkatkan ekonomi masyarakat luar bandar dan tidak perlu lagi mereka bawa barang dagangan mereka di bandar. Hanya duduk di rumah mereka dapat pasaran di seluruh dunia. Sehubungan dengan itu juga, saya ingin mencadangkan supaya masjid-masjid di Negeri Selangor ini juga mempunyai sistem QR code untuk sumbangan derma. Tidak perlu lagi jemaah meletakkan duit di dalam tabung yang selalu kecurian. Walaupun pihak masjid sudah menyediakan peti besi yang terbaik yang paling canggih pun tetapi pencuri-pencuri hari ini mereka mempunyai idea setapak ke depan bagaimana untuk memancing duit di peti-peti besi tersebut. Justeru itu dengan teknologi hari ini dengan telefon setiap jemaah boleh menyumbang kepada masjid dan tidak perlu lagi membawa wang tunai. Itu sebagai saranan untuk memperkemaskan persiapan

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Smart MPKK dan Smart Masjid supaya komuniti kita di bandar dan di kampung dapat diturutsertakan dalam agenda pembangunan Negeri Selangor menjelang 2025.

Yang kedua, Sungai Kandis ingin menyentuh tentang rumah idaman dan rumah Selangorku. Saya setuju dengan pendapat Bandar Baru Klang yang menyatakan tugas kerajaan ialah menyediakan kediaman untuk rakyat tetapi tidak perlu memastikan rakyat memiliki kediaman. Ertinya mereka boleh menyewa rumah kediaman yang ada. Tetapi hari ini kita melihat bagaimana rakyat Negeri Selangor yang memohon rumah Selangorku berjumlah 189,829. Satu jumlah yang besar. Kalau diikutkan pecahan Rumah Type A, (98,241). Rumah Type B (19,007), Rumah Type C (38,141) dan Rumah Type D (34,440). Dan kita lihat berapakan penawaran rumah jenis A yang telah diberikan kepada rakyat Selangor. Setakat ini baru 3,997 buah. Manakala rumah yang siap dibina baru 1,240. Dan rumah yang sedang dibina 911 jadi maknanya kita belum berjaya menyediakan rumah untuk rakyat Negeri Selangor dengan permintaan yang begitu tinggi, rumah yang telah siap dan sedang dibina jumlahnya terlalu kecil. Dalam falsafah Jawa, untuk memberikan kehidupan bahagia ada 3 perkara dengan izin. Yang pertama, sandang, bangan, papan. Atau sandang, bangan, panggor. Yang dimaksudkan dengan yang pertama tadi pakaian, yang kedua makanan dan yang ketiga itu rumah kediaman yang sepatutnya setiap rakyat Negeri Selangor sama ada di bandar atau di luar bandar mempunyai kediaman yang selesa. Tetapi hari ini kita melihat masih ada rakyat Negeri Selangor yang hidup bersesak-sesak di kawasan yang tidak kondusif yang akhirnya melahirkan atau menyebabkan banyak gejala sosial, masalah remaja terlibat dengan dadah, hidu gam, salah lalu seks, jenayah dan sebagainya. Jadi Sungai Kandis mengharapkan agar penglibatan yang lebih serius Kerajaan Negeri khususnya GLC yang membina rumah ini supaya membina rumah di tempat yang strategi. Banyak aduan yang diterima bahawa rumah yang dibina ini jauh daripada tempat kerja mereka. Jadi bagaimana mereka nak membeli rumah tersebut sedangkan rumah prima yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan hari ini bina dalam beberapa minggu sahaja maklumat yang diberikan oleh jurujual kepada saya habis 2000 unit, 3000 unit sebab dibina di tempat yang strategi.

Yang ketiga, berkaitan dengan projek tebatan banjir Sungai Kandis ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang prihatin kepada daerah Klang khususnya daerah Kampung Jawa. Kita tahu Kampung Jawa ini mempunyai sejarah istimewa dengan usianya yang lebih 150 tahun. Ertinya kampung tradisi yang mempunyai sejarah panjang dan tentunya sistem jalannya, sistem paritnya perlukan perhatian dan santunan daripada pihak kerajaan. Jadi dengan usaha untuk menaiktaraf longkang dan parit di kawasan Kampung Jawa ini diharapkan bersekali dengan pendalaman Sungai Klang kerana kita melihat ada kawasan Sungai Klang yang boleh dilintasi dengan berjalan kaki sahaja kalau air surut kerana penuh dengan pasir, sampah dan sebagainya. Jadi diharapkan dengan usaha Kerajaan Negeri Selangor yang telah melantik Syarikat Selangor Gateway untuk Program Selangor Gateway ini untuk pendalaman sungai dan seterusnya menjadikan Sungai Klang ini menjadi jernih sebagaimana air Sungai Nil yang airnya biru, hijau dan begitu nikmat kepada rakyat negara Mesir. Kalau tuan-tuan belum pernah melihat bagaimana indahnya Sungai Nil esok saya akan ajak semua Ahli Dewan dan semua yang ada di dewan ini melihat Sungai Nil di Youtube. Supaya kita dapat menilai sungai kita dengan sungai mereka. Sungai mereka boleh mandi dan digunakan minum tanpa dimasak. Minum begitu saja tapi sungai kita, kata Menteri dia boleh minum. Jadi yang ketiga, berkaitan dengan pembangunan infra tadi suka juga saya ingin mengingatkan agar projek-projek pembangunan ini dijalankan secara komprehensif dan holistik. Maksudnya apabila

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

agensi A ingin melaksanakan projek pembangunan pembangunan dia harus merujuk kepada agensi yang lain. Tidak berlaku lagi seperti mana yang berlaku di Sungai Kandis. Berlakunya penanguhan kerana adanya utiliti yang perlu dialihkan. Apabila utiliti perlu dialihkan pastinya akan menambahkan kos. Baru-baru ini apabila projek sedang berjalan, runtuh pulak jejantas tangguh lagi. Jadi sepatutnya benda ini boleh dielakkan apabila kita ada perancangan dalam semua projek pembangunan infra samada jalan, parit, dan sebagainya. Yang berikutnya berkaitan dengan agenda keusahawanan yang telah diberikan peruntukkan sebanyak 36.8 juta untuk memperkukuh serta penambaan pelaksanaan Program Usahawan.

Seperti yang telah saya sebutkan tadi, ini berkaitan dengan *distrubtion connected society* dengan izin, bahawa semua usahawan-usahawan kita perlu didedahkan dan dilatih dengan sistem pemasaran baharu, supaya mereka tidak lagi mengharapkan jualan di depan rumah, mengharapkan jualan di kedai, tetapi mereka boleh memanfaatkan telefon yang mereka ada ini untuk membuat jualan dengan lebih besar. Beberapa bulan yang lalu, saya mengikuti satu pelancaran satu *platform* disebut Celdex Kerajaan Negeri Selangor, tetapi tidak disebutkan mungkin tidak tahu apa cerita selepas itu. Diharapkan *platform* ini, dapat berfungsi untuk membantu rakyat Negeri Selangor dalam bidang usahawan, supaya usahawan kita di luar bandar dapat ikut serta dalam pembangunan negeri.

Yang kemudiannya berkaitan dengan hijrah ini, ada timbul persoalan ditanyakan kepada Sungai Kandis, berkaitan dengan status hijrah ini, adakah dia Syariah *Compliance* atau tidak. Jadi sebagai Negeri Selangor yang mendaulatkan Islam dan menggunakan pendekatan Maqasid Syariah tentunya Skim Hijrah ini sepatutnya sudah Syariah *Compliance*, supaya peminjam merasa selesa sebagaimana mereka menggunakan perkhidmatan Amanah Ikhtiar dan juga, apa satu lagi TEKUN jadi kalau ini dapat diberi perhatian tentunya lebih berkat dalam urus niaga dan juga usaha Pembangunan Ekonomi. Yang berkaitan yang berikutnya berkaitan dengan Pendidikan. Cadangan untuk menambahkan peserta PTRS ini kepada pelajar-pelajar UPSR, dan juga memberi makanan percuma ini adalah satu idea yang baik dan sangat dialu-alukan dan usaha ini sepatutnya dapat dirasakan bukan sekadar oleh pelajar, tetapi ibubapa pelajar juga harus merasainya. Tetapi bagaimana kita dapat mengikut sertakan ibubapa, jadi saya mencadangkan supaya diadakan Program Kemahiran Keibubapaan, *Parenting* kepada anak-anak yang mengikuti kelas PTRS ini, supaya ibubapa juga dapat merasai sumbangan Kerajaan Negeri Selangor, kepada anak-anak mereka di sekolah, dan juga supaya Program PTRS ini, lebih mempunyai nilai tambah dicadangkan supaya guru-guru yang mengajar bukanlah guru-guru di sekolah yang sama. Kalau boleh guru silang daripada sekolah lain supaya pelajar mendapat input baharu daripada kelas tambahan yang diberikan tadi.

Dan berikutnya berkaitan dengan pendidikan, himpunan mahasiswa Negeri Selangor. Tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah membina jaringan dengan golongan belia khususnya mahasiswa di luar negara. Namun jangan dilupakan juga kepada mahasiswa dalam negara terutamanya, mahasiswa kita di UNISEL. UNISEL adalah Universiti yang lahirnya daripada rahim Kerajaan Negeri Selangor. Yang lahirnya dulu dibidankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor waktu itu. Tetapi kita melihat sejak kebelakangan ini, seperti UNISEL ini kurang diberikan perhatian dan kasih sayang dan tidak ada disebutkan dalam bajet kali ini, peruntukkan khusus untuk

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

membangunkan UNISEL agar ia dapat bangun berdiri setaraf dengan IPT di yang ada di Malaysia. Justeru itu kita melihat kesungguhan pihak UNISEL untuk membangunkan ini, universiti ini. Nampak ketara hari ini, kalau Ahli-ahli Dewan dapat melapangkan masa melihat UNISEL hari ini, UNISEL hari ini bukanlah yang dulu, UNISEL yang sekarang bukanlah yang dulu, ertinya dengan usaha transformasi yang dilakukan oleh pasukan UNISEL hari ini, sepatutnya mendapat perhatian dan sokongan daripada Kerajaan Negeri, kerana ia adalah Universiti kebanggaan kita, yang akan melahirkan ramai intelektual dan *technocrat* dan juga ahli korporat, yang lahirnya atas usaha Kerajaan Negeri Selangor. Justeru itu saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Selangor, sentiasa memberikan perhatian kepada universiti kebanggaan kita ini.

Dan seterusnya berkaitan dengan kesedaran dan pencengahan penyakit kesihatan mental ini. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan usaha Kerajaan Negeri Selangor. Di Kawasan Dun Sungai Kandis ada sebuah pusat penjagaan pesakit mental, ia diusahakan oleh NGO atas kesedaran untuk membantu pesakit mental. Tetapi oleh kerana rumah yang dibangunkan ini adalah rumah kampung yang tidak mempunyai CF dan sebagainya. Akhirnya tidak dapat didaftarkan, bila tidak dapat didaftarkan akhirnya dia tidak mendapat bantuan dan sumbangan daripada mana-mana agensi kerajaan. Justeru itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Selangor, mempunyai sebuah rumah penjagaan untuk pesakit mental ini supaya kes-kes yang melibatkan masalah mental ini, dapat diuruskan dengan lebih baik. Saya difahamkan di rumah tersebut ada seratus orang penghuni. Kemana mereka hendak pergi kalau sekiranya rumah itu terpaksa di tutup kerana tidak mempunyai lesen. Jadi saya kira, tanggungjawab kerajaan untuk ikut sama dalam menangani isu masalah pesakit kesihatan mental ini.

Dan yang berikutnya berkaitan dengan pemasangan *panel solar*. Sungai Kandis menyokong isu pemanasan global dan kita mengutamakan teknologi hijau ini dan saya juga ingin menyarankan supaya masjid-masjid dan surau-surau yang ada di Negeri Selangor, termasuklah bumbung-bumbung parkir, sekolah-sekolah dan dewan di pasang *panel solar* agar ia dapat menjimatkan perbelanjaan dan juga menambah pendapatan dengan lebih tenaga yang dapat di simpan dan seterusnya akan menjadikan Negarakita lebih bersih kerana tidak ada lagi kita membakar arang batu, gas dan akhirnya akan menambahkan lagi *carbon dioxide* justeru itu, teknologi hijau ini sepatutnya mendapat keutamaan dalam program pembangunan Negeri Selangor.

Ada sikit lagi, boleh Tuan Speaker, berkaitan dengan program kitar semula. Program kitar semula ini, nampak baik di atas kertas. Ertinya program ini menggunakan atau *reduce* menggunakan semula barang-barang yang terpakai tetapi hari ini, kita melihat di Kawasan Sungai Kandis adanya, pusat-pusat kitar semula yang menjadi pusat pembiakan nyamuk *aedes*. Menjadi tempat pembiakan binatang-binatang liar dan menghasilkan bau busuk dan pencemaran udara di sekitar Kawasan kejiranan. Justeru itu apabila kita menetapkan dasar ataupun polisi hendaklah kita memastikan penguatkuasaan kepada lesen-lesen ataupun kegiatan-kegiatan yang boleh mengundang intikasi yang lain. Justeru itu, perlu melihat pusat kitar semula ini. Tidak menjadi beban sebagaimana yang dibincangkan berkenaan dengan pusat kitar semula plastik. Yang akhirnya menjadi musibah kepada negeri kita ini.

Kemudian saya terus kepada gejala sosial berkenaan dengan dadah, nampaknya Negeri Selangor, prihatin dengan isu dadah di kalangan generasi muda khususnya, tetapi banyak di tekankan kepada NGO PEMADAM sahaja. Sedangkan kita di Negeri Selangor

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

mempunyai banyak lagi rumah-rumah perlindungan rumah pemulihan yang membantu anak-anak yang terjebak dalam masalah penagihan dadah ini, tetapi mereka tidak mendapat santunan daripada kerajaan. Siapa yang mendokong mereka yang mendokong mereka ialah masyarakat, masyarakat yang membantu membiayai dan membantu untuk program pemulihan ini. Kita sedar bahawa kita ada agensi kerajaan seperti apa nama agensi yang ADK itu maksudnya agensi-agensi ini mungkin tidak dapat untuk menangani semua perkara, tetapi dengan adanya NGO-NGO yang menumbuhkan rumah-rumah perlindungan ini, sepatutnya mereka juga diberikan sokongan dan dokongan supaya dapat membantu menyelesaikan masalah masalah penagihan dadah, dan hari ini masalah, kes hamil luar nikah kajian yang kami buat mendapati bahawa anak-anak ini, mereka mesti ataupun kebanyakannya mengambil dadah sintetik. Bukan sahaja mereka terlibat seks bebas tetapi terlibat dengan dadah. Jadi walaupun kes ini, tidak lah besar, tetapi jumlahnya sangat membimbangkan, kerana tidak pernah turun bahkan terus bertambah. Jadi dengan keperihatinan daripada Kerajaan Negeri Selangor, membantu mengurangkan kes-kes dadah. Saya yakin semua kawasan Dun-Dun yang ada di Kawasan Negeri Selangor ini, ada kes dadah. Pelabuan lagilah antara tempat yang subur dan cepat membiak. Pandamaran dan yang sewaktu dengannya lah. Justeru itu bajet yang diberikan ini saya kira perlu ditambah. Supaya program kesedaran kempen kesedaran, program pemulihan dapat dilakukan oleh dengan kerjasama pusat khidmat rakyat di Kawasan Negeri Selangor ini. Jadi Tuan Speaker..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Sungai Kandis, boleh pendekkan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan. Mohon pencerahan.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sungai Kandis, dahulu kita pernah dengar satu term, yang disebut sebagai *hurm reduction* dan ini adalah satu terma yang memang ketahuilah cara dia tentang di kalangan *medical predicational, hurm reduction*, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, memandangkan dalam peruntukkan kita, nampaknya strategi ataupun peruntukkan untuk *reduction* ini. Tidak begitu kelihatan adakah mungkin kita mencadang supaya *focus* diberi kepada *reduction* ini kerana, mengikut literature yang saya baca *reduction* adalah satucara dan tektik yang cukup kesan untuk mengekang kalau tidak mengurangkan penambahan kes-kes penyalahgunaan dadah. Saya mohon penjelasan.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI: Terima kasih Banting, di atas maklumbalas yang diberikan berkenaan dengan usaha-usaha pencegahan dadah. Jadi selain daripada cadangan yang diberikan oleh Banting tadi. Sebenarnya kita ada pendekatan *spiritual teraphy* yang dilakukan untuk memulihkan semangat dan *spiritual* para penagih dadah ini, namun begitu keberkesanannya mungkin boleh dilihat dalam tempoh yang Panjang mungkin setahun ataupun dua tahun. Tetapi itu sekurang-kurangnya menjadi alternatif kepada masyarakat yang.. anak-anaknya ataupun saudara maranya yang menghadapi masalah ketagihan dadah. Justeru itu, di atas perbahasan belanjawan Negeri Selangor tahun 2020 ini, Sungai Kandis menyokong bajet atau belanjawan yang telah disediakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri besar dan pasukannya sekian, wasalamualaikumwarahmatuwallahibawarakatuh.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih, Sungai Kandis. Seterusnya Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahiwarakatuh. Insyaallah saya cuba memenuhi masa 15 minit walaupun mungkin ada beberapa perkara yang saya nak sentuhkan. Saya mengikuti ucapan sulung pembentangan belanjawan 2019 oleh Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar dan pada tahun lalu dan belanjawan 2020 pada kali ini. Secara umumnya Kerajaan Negeri membawa mesej kedudukan kewangan negeri yang ampuh dan keupayaan kewangan yang stabil. Selangor menjadi penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia dengan peratusan yang terus meningkat dan catatan yang terbaru dan yang tertinggi pada tahun 2018 pada kadar 23.7 %. Jumlah pelaburan yang diluluskan diNegeri Selangor pada 2018 berjumlah 18.947 bilion dan beberapa strategi dan inisiatif memacu pembangunan ekonomi di Negeri Selangor dirangka dalam pembentangan bajet pada tahun lalu diantaranya Gugusan Ekonomi Selangor, Pembangunan Projek Bekalan Air, Pembangunan Pesisir Sungai, Industri Aero Angkasa Hal International Selangor dan sebagainya dan antara yang saya lihat dan Kerajaan Negeri juga memperkenalkan pemurnian hasil negeri melalui aliran pendapatan baharu.

Alir pendapatan baharu melalui hasil dividen GLC dan Perbadanan dibayar terus kepada Kerajaan Negeri dan disasarkan sejumlah 50 juta akan dikutip pada tahun 2019. Dalam sidang yang lepas Dato Menteri Besar sendiri menyebutkan jumlah yang lebih daripada itu dan saya mahukan maklumat apakah jumlah yang sebenar yang diterima pada sehingga kini dan adakah Kerajaan Negeri akan menyasarkan lebih daripada jum itu untuk sebagai sumbangan hasil yang disatukan lebih besar dalam pendapatan pada tahun hadapan. Mungkin inisiatif-inisiatif termasuklah memberikan insentif kepada projek-projek diNegeri Selangor kepada GLC ini supaya akhirnya keuntungan itu akan pulang kepada negeri untuk rakyat di Selangor. Melihat pada kedudukan kewangan negeri pada 31 dis 2017 jumlah kewangan negeri 2.84 bilion ringgit. Kutipan sebenar pada 2017 berjumlah 2.81 bilion dan kalau kita lihat hasil bukan cukai 2017 berjumlah 1.93 bilion kalau kita nak bandingkan pada 31 dis 2018 jumlah kewangan negeri 2.1 bilion yang menunjukkan gugusan daripada rizab Negeri Selangor. Kutipan sebenar berjumlah 1.99 bilion hasil cukai yang tentulah sebahagian besarnya adalah hasil premium yang dibayar kepada Kerajaan Negeri berjumlah 1.06 bilion ringgit. Kedudukan rizab Negeri Selangor pada 18 Oktober 2018 berjumlah 2.32 bilion ringgit. Kutipan hasil sehingga 18 Oktober 2018 berjumlah 1.89 bilion, hasil bukan cukai sehingga 18 Oktober 2019 berjumlah 1.012 bilion. Anggaran hasil 2019 dianggarkan 2.2 bilion dan pada tahun hadapan 2020 juga 2.2 bilion. Ini menunjukkan strategi yang dirancang untuk memacu ekonomi dalam belanjawan 2019 belum menampakkan hasil dan berjaya walaupun sememangnya strategi ini dirangka menjana ekonomi bersifat dalam jangka panjang.

Aliran pendatang baru hanya menyumbangkan sebahagian jumlah yang terlalu kecil. Kerajaan dilihat terlalu berhati – hati dalam menawarkan perbelanjaan tahun 2020 iaitu hanya sekadar 2.333 bilion ringgit. Belanjawan yang mengecil ini dibimbangi mengekalkan tradisi belanjawan tanggungan dan tambahan belanjawan atau belanjawan tambahan seperti yang berlaku pada tahun ini kerajaan terpaksa memohon belanjawan tambahan 123 juta ringgit untuk menyempurnakan belanja pembangunan. Saya merasakan kerajaan seharusnya lebih berani meransang pembangunan ekonomi dengan ekonomi dengan peruntukan pembangunan yang lebih besar dan terus merencanakan kuasa beli rakyat. Saya

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

merasakan bahawa pacuan ekonomi yang direncanakan dalam belanjawan 2019 masih lagi samar-samar. Pejajaran program IPR, Skim Usia Emas, Kiss, Peduli Sihat, dan Pemberian Air Percuma 25meter padu pertama, B40 pula seolah-olah tidak dirancang dengan rapi dan secara tergesa-gesa menyebabkan belanjawan tambahan. Bagi saya ini adalah kegagalan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri seharusnya telah sedia membangunkan pangkalan data yang bersepadu untuk memudahkan lagi perancangan dan pelaksanaan program-program IPR. Saya ingin mengetahui status hybrid data centre. Saya masih berpandangan bahawa kumpulan B40 tidak boleh terkecuali daripada program IPR dan tidak perlu kuota-kuota tertentu mengikut Dun dalam program-program IPR yang direncanakan. Mana yang layak mereka perlu menerima dan tidak terkecuali.

Beberapa perkara yang ingin saya sentuh didalam pembentangan bajet kali ini adalah yang pertama, Inisiatif Smart Selangor. Sebagai sebuah negeri yang termaju di Malaysia saya menyokong Inisiatif Smart Selangor selagi tidak memudaratkan ekosistem social. Aplikasi Smart Selangor merentasi PBT Intelligent Respon Selangor, Smart Selangor Parking adalah antara yang sangat berfaedah. Saya mencadangkan aplikasi E-Wallet harus dibangunkan bagi memudahkan urusan yang berkaitan dengan Kerajaan Negeri terutamanya kepada rakyat dalam program-program IPR. Berkaitan dengan pembangunan infrastruktur terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana naiktaraf jalan masjid dan jalan gamuda kebun baru yang menghubungkan jalan B5 dan juga bandar rimbau yang telah dinaiktaraf menggunakan *System Modified Chemical* atau *Simented* yang saya kira memberi faedah kepada masyarakat penduduk kampung dan juga perindustrian yang menggunakan jalan sama. Cuma saya ingin mengetahui apakah status terkini jejantas dibulatan bandar saujana putra sepertimana yang dijanjikan semasa lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri ke kuala langat yang sehingga kini tiada bayangnya dan masalah kesesakan lalulintas terutamanya diwaktu puncak memberi masalah kepada pengguna-pengguna jalanraya tersebut. Begitu juga status terkini dua jejambat jalan delima klang banting, Batu 12 dan Batu 13 yang saya kira menggunakan jejambat yang sementara yang saya kira juga tidak ada perkembangan hingga kini yang saya kira harus diberikan perhatian. Berkaitan dengan pembangunan projek bekalan air laporan menunjukkan air atas muka bumi hanya tinggal 2 % sahaja yang boleh diminum disebabkan pemanasan global. Walaupun masih tiada masalah diselangor daripada sumber air minuman tetapi kejadian pencemaran sumber air minuman sangat membimbangkan. Empat kejadian pencemaran berlaku pada tahun 2019. Apakah tindakan yang lebih serius dalam isu ini? Tindakan agensi yang berautoriti saya lihat secara bersepadu masih lagi belum berjaya. Contohnya semasa taklimat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor kejadian pencemaran bau air Sungai Semenyih, Jabatan Alam Sekitar melaporkan pemakluman pada pukul 7.17 malam untuk tindakan sedangkan pihak Syabas dan Indah Water mengenalpasti dan IWK telah mengesan seawal pukul 2.30 petang pada hari yang sama. Saya merasakan ini harus ditambah baik kerana apabila tindakan secara bersepadu, cepat, ia akan menyelesaikan banyak perkara yang mungkin akan menjadikan tiada jalan penyelesaiannya. Berkaitan bil air saya lihat bil air terkini ada penggenapan kepada jumlah penggunaan bil air. Apakah akhirnya jumlah ini akan disebut kepada hasil kepada air Selangor ataupun kalau kita lihat begitu banyak pemegang atau meter yang saya kira jumlahnya akan begitu besar apabila berlaku penggenapan ini yang seharusnya tidak berlaku seperti itu.

Berkaitan dengan Program Tuisyen Rakyat saya ingin menyebutkan bahawa melentur buluh biarlah dari rebungnya tambahan meliputi persediaan pelajar UPSR pada tahun 2020. Khusus program melibatkan semua pelajar terutamanya pelajar orang asli di Negeri

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Selangor kerana saya melihat orang-orang asli ini agak tertinggal daripada sudut pendidikannya. Kalau di Negeri Selangor mempunyai lebih 20 ribu penduduk orang asli kita oleh lihat berapa ramai anak-anak yang berada di peringkat sekolah rendah yang harus perlukan pendidikan supaya kesedaran pendidikan itu akan sampai kepada mereka. Kalau kita lihat penyediaan biasiswa tabung hanyalah sehingga peringkat sekolah menengah sebab itu saya mengatakan Negeri Selangor harus mengambil inisiatif supaya pendidikan ini dimulakan pada peringkat sekolah rendah itu sendiri.

Y.B TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih pada Sijangkang. Saya memohon maaf kerana sepatutnya saya berdiri lebih awal untuk bertanya soalan. Saya telah meneliti ucapan perbahasan daripada Yang Berhormat dan ada disebut tentang dasar kerajaan yang dirancang untuk tahun 2019 masih belum mencapai sasaran dan sebagainya menunjukkan kegagalan dan macam-macam lagi. Saya kurang setuju dan saya ingin bertanya dan apakah pernah kalau kerajaan gagal tetapi kerajaan masih dapat melancarkan bukan sahaja lebih banyak malahan bagi program yang dahulunya kita tidak dapat menambahkan kuota dan peruntukkan untuk tahun depan. Yang kedua, untuk bulatan jejantas di bulatan Bandar Saujana Putra, Yang Berhormat saya kira perkara itu Yang Berhormat dijemput untuk hadir dalam mesyuarat antara Adun, Ahli Parlimen dengan Majlis Daerah dan ada dibekalkan laporan dan perkembangan terkini. Saya difahamkan Pengerusi JK Abas, Yang Berhormat Morib bekalkan saya dan pernah membentangkan satu laporan berkenaan tentang perkara itu. Jadi saya rasa sebenarnya ada dan sepatutnya di bawah makluman Yang Berhormat sepatutnya ada perkembangan terkini dan bukan tiada perkembangan pun dan kemudiannya tentang jambatan bailey di sepanjang Jalan Klang Banting saya maklum tentang perkara itu dan saya rasa teguran Yang Berhormat itu tepat cuma persolan saya ialah perkara itu bukannya berlaku pada tahun ini atau tahun depan. Ianya berlaku bila Yang Berhormat masih lagi dalam kerajaan dan Yang Berhormat masih lagi memegang portfolio infrastruktur. Jadi saya ingin bertanya adakah perlu juga Yang Berhormat kena tegur Kerajaan Persekutuan pada masa itu dibawah UMNO dan BN kerana tidak memberi perhatian yang serius untuk menyelenggara dan menyelesaikan masalah ini sehingga selama saya menjadi Adun di Banting saya terpaksa menegur setiap kali dan memohon peruntukan. Jadi sekarang ianya dapat di uruskan pada masa itu saya rasa ianya bolehlah diselesaikan dengan lebih awal dan tidak perlu kita bangkitkan lagi isu ini disini. Jadi saya mohon penjelasan Yang Berhormat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Sijangkang.

Y.B DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih. Banting, ini adalah sebahagian dari teguran saya. Terutamanya yang berkaitan dengan perbelanjaan atau belanjawan yang dibentangkan yang mana saya lihat ada beberapa program termasuk inisiatif peduli rakyat yang saya sebutkan kalau Kerajaan Negeri dulu merancang supaya pemberian air percuma 20meter padu kepada B40 untuk dilaksanakan pada tahun ini ternyata tidak dapat dilakukan pada tahun ini dan ini benda yang realiti dan saya juga menyatakan ia perlu dirancang dengan sebaik mungkin, jangan dilakukan secara tergesa-gesa. Berkaitan dengan jejantas bulatan Bandar Saujana Putra, saya sedia maklum tetapi, sehingga kini masih lagi menjadi persoalan kepada rakyat dan saya terangkan apa keputusan yang kita dapat dari Majlis Daerah Kuala Langat dan juga penyata daripada Jawatankuasa. Cuma saya nak minta Kerajaan Negeri terutama Yang Amat Berhormat Menteri Besar nanti semasa menggulung memberikan jawapan yang agak tuntas supaya rakyat di luar sana faham apa yang sebenarnya berlaku.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Berkaitan dua jambatan yang berada di laluan Klang Banting ini itu bukan berlaku semasa saya menjadi EXCO Infrastruktur ianya di penghujung pada kerajaan yang lepas walaupun saya bersama-sama dalam kerajaan sudah tentu ada inisiatif yang dilakukan yang mana mungkin pada ketika itu tiada peruntukan untuk dilakukan dalam masa yang tersingkat tapi kita sedia maklum bahawa peruntukan-peruntukan pihak kerajaan pusat sudah difikirkan. Sebab itu saya mengatakan disini supaya Kerajaan Negeri yang mana kerajaan pusat adalah satu kerajaan yang sama bagaimana inisiatif ini boleh diambil dengan sebaik mungkin dirancang dan disusun untuk dilaksanakan dengan kadar yang lebih baik. Seterusnya adalah berkaitan bantuan sekolah Negeri Selangor. Tahniah kepada Kerajaan Negeri memberi bantuan penambahbaikan infrastruktur berjumlah 26 juta cuma saya merasakan bahawa keperluan sekolah agama rakyat ini adalah lebih besar daripada apa yang diperuntukkan pada hari ini.

Saya mencadangkan supaya ada peruntukkan yang mempertimbangkan mengikut perkapita ataupun jumlah pelajar kerana saya melihat ada beberapa sekolah termasuklah Sekolah Kafa dikawasan bandar yang begitu sesak satu kelas sampai pelajarnya 40 orang. Itu pun satu kelas dibahagi dua. Bagaimana dengan keselesaan untuk anak-anak ini belajar dan sebab itu saya merasakan kalau boleh dilihat semula peruntukan ini kalau ada bajet kewangan yang lebih berikanlah kepada sekolah-sekolah ini supaya akhirnya memberikan keselesaan yang ianya juga sebagai satu keperluan kepada anak-anak kita untuk masa depan.

Seterusnya yang saya ingin sentuh adalah berkaitan dengan penanam pokok dalam bandar, RM500,000.00 diperuntukkan untuk menanam 5,000 pokok di sekitar bandar utama dan saya kira ini satu jumlah ataupun inisiatif yang sangat baik walaupun semalam disebutkan oleh Bukit Lanjan semalam satu pokok lebih kurang RM100.00. Tapi saya mengharapkan program-program ini bukan sahaja sekadar menanam pokok tetapi juga bagaimana soal peruntukan pengurusan penanaman pokok ini daripada sudut *trimming* dan sebagainya selepas itu. Dan, saya harap ia dirancang dengan cukup baik. Begitu juga dengan soal landskap. Saya lihat landskap-landskap yang ada di Selangor terutamanya di bawah Kerajaan Tempatan yang mana kadang-kadang kita tengok tanam pokok di pembahagi jalan yang sudah tentu menyukarkan untuk proses menyiram dan pokok-pokok yang ditanam ini perlu siraman harian untuk pokok-pokok ini hidup tetapi akhirnya gagal dilakukan yang ia juga akan memberikan kos yang begitu tinggi dan ia sangat tidak baik kepada PBT-PBT yang mempunyai kekuatan kewangan yang tidak begitu besar.

Perkara yang seterusnya adalah konsep taman dalam bandar. Konsep perumahan yang baru, model jaringan hijau bagi melestarikan kehidupan komuniti, projek perintis taman rakyat akan dilaksanakan oleh MBSA. Saya ingin mengambil perhatian isu yang dibawa kepada saya oleh Persatuan Penduduk Jalan Plumbum 101 dan 103, Seksyen 7, Shah Alam berkaitan laluan LRT3, pakej G606... GS06 memohon untuk menyemak semula pakej GS06 sedia ada sebab didakwa mencerooboh kawasan perumahan dan merampas kawasan permainan yang dikategorikan sebagai kawasan hijau dalam Rancangan Tempatan MBSA 2020 (Pengubahan). Taman perumahan ini adalah perumahan yang pertama berkonsepkan *gated and guarded* di Bandar raya Shah Alam. Saya difahamkan ada pelan jajaran alternatif yang boleh diambil kira yang pernah dicadangkan oleh PRASARANA. Perkara yang seterusnya berkaitan dengan pusat kitar semula PBT, Program Kitar Semula Kampung Tradisi, pengurusan sistem pepejal kawasan desa dan

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Sukarelawan Hijau. Realiti berlaku pada hari ini pengasingan kitar semula berlaku dilakukan oleh kontraktor-kontraktor pengurusan sampah domestik. Pusat kitar semula bukan baru tetapi ianya adalah terbukti gagal walaupun telah banyak pusat pengumpulan bahan kitar semula ini dibina. Mentaliti rakyat belum bersedia walaupun tidak salah sekiranya mahu diperkenalkan semula. Saya lebih tertarik sekiranya diperkenalkan sistem pengasingan bahan kitar semula dimulakan di rumah dan mungkin lebih praktikal. Pengurusan sisa pepejal domestik menjadi isu yang agak hangat. PBT mendakwa kos yang sangat kecil diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri, tempat letak kebuk di bahu jalan, pengoperasian persendirian yang mengambil peluang, pengoperasian persendirian mengambil peluang untuk melambakkan sampah-sampah mereka di kawasan-kawasan penempatan sisa pepejal ini dan pembakaran di kawasan-kawasan longgokan sampah.

Saya mencadangkan Majlis MPKK lebih cakna, kerajaan memberikan peruntukan yang lebih besar dan PBT memberikan penguatkuasaan dan menyediakan kawasan pengumpulan yang lebih sesuai. Saya mengambil kesempatan di sini dalam isu berkaitan dengan Sahabat Sungai yang mana digalakkan untuk ramai sukarelawan-sukarelawan terlibat. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Taman Rekreasi Paya Bakau Sijangkang yang berjaya menjadikan tempat pembuangan sampah haram kepada pusat rekreasi dan pelancongan yang diiktiraf di kawasan PBT pernah menjadi juara Sungai Angkat Peringkat Negeri Selangor. Seterusnya saya ingin juga menyentuh berkaitan dengan Skim Smart Sewa, program golongan muda pendapatan hingga RM5,000.00. Setakat ini berapa buah rumah dimiliki sama ada oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Syarikat Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (THSSB) atau Kerajaan Negeri yang terlibat dalam program ini? Penyewa atau pembeli yang telah menduduki dan adakah apa-apa dasar Kerajaan Negeri jenis Rumah Selangor yang terlibat di dalam program ini kerana saya melihat rumah yang terlibat dalam program ini dimiliki dengan harga milikan RM200,000.00. Program Inisiatif Roda Darul Ehsan, peruntukan RM1 juta, 3,000 anak muda miskin bandar, subsidi RM350.00 seorang anak muda mengambil kursus latihan motor. Saya mencadangkan program ini diangkat sebagai program from *Zero To Hero*, program secara pakej lesen motor dan memiliki motor untuk berjaya dalam trend di ekonomi dan dikendalikan oleh Hijrah dan bukan MSN. Saya khuatir kalau kita hanya mungkin memberikan subsidi dalam sudut untuk mendapatkan lesen motor tetapi akhirnya dia tidak menjadi satu kerjaya kepada mereka. Mungkin pengolahan sistem itu boleh dilakukan oleh Hijrah. Seterusnya....

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Boleh pendekkan Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya ingat, untuk yang terakhir itulah. Saya mengucapkan sangat terima kasih kepada Kerajaan Negeri, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang mana merealisasikan janji untuk memberikan bantuan khas kewangan berdasarkan pencapaian KPI jabatan dan prestasi individu. Cuma apa yang ingin saya tanyakan adalah bagaimana pula *assessment* kepada ahli-ahli politik dan juga lantikan politik? Adakah ada apa-apa KPI yang digunapakai? Adakah kehadirannya di dalam mesyuarat, taklimat dan juga program-program kerajaan ada dijadikan sebagai satu KPI? Saya mengambil menekankan soal ini adalah antaranya beberapa contoh yang saya hadapi walaupun saya kadang-kadang tidak hadir dalam beberapa program ataupun agenda atas jemputan-jemputan tertentu tetapi saya melihat sebagai contoh kehadiran saya dalam jemputan Mesyuarat MTES berkaitan dengan taklimat isu pencemaran bau air Sungai Semenyih yang mana saya kira jemputan itu menjemput semua Ahli-ahli Dewan

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Negeri tetapi saya lihat yang hadir Sungai Pelek dan Sungai Ramal ada, tapi tidak dihadiri dan saya kira ini perkara yang sangat penting. Mesej atau taklimat yang harus dapat secara langsung oleh Ahli-ahli Dewan Negeri. Keduanya, berkaitan dengan kehadiran saya dalam Mesyuarat Taklimat Pembentangan Hasil Penyelidikan dan Perbincangan Meja Bulat Tahap dan Indeks Keberkesanan Program Mikro Kredit Dalam Pemberdayaan Ibu Tunggal di Negeri Selangor. Dan, begitu juga yang saya kira yang hadir Timbalan Speaker, kemudian Pembantu EXCO dan tidak ada ADUN-ADUN yang lain yang saya kira ini juga mesej yang harus sampai kepada Ahli Dewan Negeri kita sebagai *concern* kita sebagai Ahli Dewan Negeri dan akhirnya saya kira saya tidak berapa setuju ataupun tidak setuju dengan cadangan daripada Banting agar Ahli Dewan Negeri terlibat dalam menilaikan prestasi penjawat awam kerana saya kira mereka mempunyai sistem sendiri dalam penilaian-penilaian penjawat awam tetapi saya setuju sekiranya Ahli-Ahli Dewan Negeri dilibatkan dalam penilaian lantikan-lantikan politik. Sekian, terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Sijangkang. Seterusnya Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Bismillah hirrahman nirrahim. Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas Belanjawan 2020 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor. Pertamanya, saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor, kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor yang telah membentangkan bajet dengan tema 'Selangor Negeri Unggul, Kehidupan Bermartabat' dan seterusnya telah menggariskan lima strategi iaitu menjana pertumbuhan dan pemberdayaan ekonomi negeri, merencana agenda pendidikan, mewujudkan Selangor yang selamat, sihat dan sejahtera, menjamin kelestarian alam sekitar dan menjuarai kemampunan sosial.

Alhamdulillah pada setiap tahun peruntukan untuk agama Islam adalah yang tertinggi dan sentiasa diambil perhatian berat oleh Kerajaan Negeri Selangor dan pada tahun ini telah digariskan untuk menyemarakkan Pendidikan Islam sebanyak RM230 juta yang mana RM199 juta diperuntukkan untuk pembayaran gaji guru-guru KAFA serta kakitangan kontrak dalam sektor pendidikan. RM37 juta telah diperuntukkan untuk sekolah-sekolah agama termasuk Maahad Tahfiz dan Program Fast Track SPM PUFUZ sebanyak RM900,000.00 dan untuk pemantapan agama Islam sebanyak RM375 juta telah diperuntukkan untuk Elaun Jawatankuasa Masjid dan Surau dan peruntukan mengurus Jabatan Agama Islam Selangor serta peruntukan pembangunan Jabatan Agama Islam Selangor. Ini menunjukkan pihak kerajaan sentiasa prihatin kepada pembangunan dan perkembangan agama Islam sesuai dengan Agama Persekutuan dan juga Agama Negeri dan ini sekali gus menolak tohmahan fitnah yang mengatakan bahawa Islam sedang terancam di bawah pentadbiran Pakatan Harapan. Saya ulangi, ini sekali gus menolak tohmahan dan fitnah yang mengatakan bahawa Islam sedang terancam di bawah pentadbiran Pakatan Harapan.

Saya percaya banyak usaha yang telah dan sedang dan akan dijalankan secara berterusan untuk memartabatkan kedudukan agama Islam khususnya di Negeri Selangor yang kita kasihi ini.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Morib.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Taman Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Terima kasih Timbalan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Morib. Tadi kita dengar Yang Berhormat Morib ada menyebutkan soal berkaitan dengan peruntukan untuk agama Islam yang naik kepada RM375 juta. Cuma situasi ataupun apa yang kita alami sekarang ini di Negeri Selangor ini, kita yang dipilih. Kita ini dipilih dalam pilihan raya sebagai Wakil Rakyat. Tidak ikut jalan belakang. Dipilih oleh rakyat secara sah dan kita angkat sumpah. Tapi yang menjadi masalah sekarang ini kepada wakil-wakil rakyat ini. Kita di Negeri Selangor ini seolah-olah macam kita tidak dibenarkan untuk menggunakan masjid dan juga surau. Bukan kita hendak bersyarah politik. Bersyarah politik ini di Tanjung Piai. Bersyarah politik ini di luar. Kita Wakil Rakyat ini pun kita tahu di mana kita hendak bercakap politik, di mana kita hendak bercakap soal berkaitan dengan perkembangan agama Islam dan kita ini cuma hendak menggunakan institusi masjid dan juga surau ini hendak buat program untuk masyarakat dan rakyat khususnya untuk anak-anak kita yang hendak berhadapan dengan peperiksaan SPM, UPSR, PMR dan sebagainya. Ini pun kadang-kadang tidak dibenarkan oleh pihak pengurusan masjid. Hendak buat program. Balai raya tidak muat. Balai raya ini boleh muat dalam 50 orang, 100 orang sahaja. Kita hendak buat dalam skala yang besar, yang itu. Dan, di masjid ini mudah. Jangan bangun dulu Morib.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Pendekkan.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Jadi, saya hendak tanya. Saya hendak...jangan ganggu Sungai Burong, jangan ganggu. Sungai Burong jangan ganggu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terus kepada persoalan.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Morib ini. Adakah Yang Amat Berhormat Morib ini bersetuju?

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Yang Amat Berhormat Morib?

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Yang Berhormat. Yang Berhormat bersetuju apabila kita Wakil-Wakil Rakyat ini tidak dibenarkan untuk menggunakan institusi masjid dan kita akur sebenarnya dengan titah perintah daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang tidak membenarkan maksudnya kita untuk menjalankan sebarang aktiviti politik di masjid dan juga di surau. Minta pandangan Yang Berhormat Morib.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Terima kasih kepada Taman Templer. Ya, bajet untuk Pembangunan Islam ini daripada keseluruhan RM237 juta dan RM375 yang mana jumlahnya adalah RM612.78 juta iaitu 26% daripada keseluruhan bajet. Dan, apa yang ditanya oleh, yang disinggung oleh sahabat saya tadi adalah satu perkara yang harus diberikan perhatian yang serius. Satu perkara yang perlu diteliti yang mana sebagaimana yang kita maklum Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan merupakan Ketua Agama Islam di Negeri Selangor. Sebagai Ketua Agama Islam, Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

mengeluarkan titah yang memperingatkan pegawai dan jawatankuasa kariah masjid agar masjid-masjid di Negeri Selangor bebas daripada digunakan sebagai gelanggang politik kepartian yang boleh menyakiti dan memecahbelahkan perpaduan ummah. Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga memperingatkan agar adab-adab di dalam masjid hendaklah dijaga daripada percakapan yang berunsur cacian, fitnah, menyakiti hati dan menghina Islam. Ya, titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku jelas terpampang di papan-papan kenyataan di setiap masjid yang ada di Negeri Selangor. Ini sesuai dengan ajaran Islam yang melarang perbuatan mengadu domba, mencaci dan menyebarkan fitnah sebagaimana yang diperingatkan oleh Allah S.W.T. (Ayat Al-Quran). “dan janganlah engkau patuhi setiap orang suka bersumpah dan suka menghina”. (Ayat Al-Quran) “suka mencela ke sana ke mari, ke sana ke sini menyebarkan fitnah. Surah Al-Kalam ayat ke-10 dan yang ke 11. Diriwayatkan bahawa Huzaifah Radiallahu Wanhu mendengar Rasulullah s.a.w bersabda ya maksudnya tidak masuk syurga orang yang suka mengadu domba. Hadis Riwayat Muslim. Namun apa yang menyedihkan masih kedapatan pihak yang berkaitan di peringkat pengurusan masjid yang seakan tidak mengendahkan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku apabila membenarkan pengkuliah, penceramah dan khatib, jemputan yang sentiasa menyelitkan unsur-unsur politik kepartian dalam kuliah, ceramah dan khutbah mereka malah ada yang menggunakan kata-kata yang berunsur fitnah dan tohmahan kepada pihak yang tidak sepatutnya seialiran dengan pegangan politik mereka terutama terhadap pihak kerajaan sendiri dan hal ini bukan sahaja dilihat melanggar titah arahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, malah boleh dianggap sebagai menghina Pihak Berkuasa Agama yang mana kita lihat dewasa ini begitu ramai penceramah ataupun kuliah yang menggunakan platform ini untuk menyebarkan fahaman politik mereka sebagaimana yang telah di...

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Ya.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Nak tanya pandanganlah daripada Yang Berhormat Morib ni. Terima kasih Timbalan Speaker yang membenarkan saya untuk mencelah. Tadi ada disebutkan oleh Yang Berhormat Morib soal ingkar, tak patuh kepada arahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor ini, nak minta pandangan daripada Yang Berhormat Morib ini. Apa tindakan yang sewajarnya yang kita lalukan kepada pihak pengurusan Masjid yang ingkar yang tak nak dengar titah arahan Sultan Selangor ini. Minta pandangan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Ya, sudah tentu pihak yang berwajib, pihak yang bertanggungjawab khususnya dalam pentadbiran agama di peringkat daerah dan peringkat negeri untuk memantau perkara ini dan saya percaya telah banyak aduan-aduan yang telah dikemukakan ya hatta kalau melibatkan di pihak kerajaan yang dipihak kerajaan sendiri menggunakan masjid kita pun boleh terima keadaan tersebut tapi saya tak pastilah mungkin ada ataupun mungkin tak ada. Tetapi setahu saya tak ada. Di pihak kerajaan sendiri pengkuliah-pengkuliah menggunakan platform masjid ini untuk berpolitik tetapi di pihak pembangkang begitu ghairah sekarang ini untuk melakukan perkara tersebut ya (Ayat Al-Quran). Kita biasa dengar ayat ini daripada surah An-Nisa, Ayat 59. “wahai orang yang beriman, taatlah Allah dan rasulnya dan kepada para pemimpin di antara kamu. Ia nya bukanlah bertujuan untuk menyekat perkembangan ilmu yang sangat dituntut di

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

dalam Islam tetapi untuk mengawal agar tidak berlakunya gejala yang boleh merosakkan demi kemaslahatan ummah dan banyak aduan dan rungutan yang telah diterima daripada ahli jemaah masjid terhadap fenomena tidak sihat ini. Namun banyak aduan dan rungutan ini tidak ke mana-mana dan tiada pihak-pihak berkaitan di peringkat pentadbiran Agama Islam tidak bertindak atau menjalankan tugas secara profesional bagi membendung gejala yang semakin memecahbelahkan umat ini. Hal ini sudah tentu bertentangan dengan etika perjawatan awam yang menetapkan agar penjawat awam menjalankan tugas secara profesional berdasarkan arahan semasa Pihak Berkuasa di mana arahan-arahan ini berdasarkan peruntukan undang-undang dan peraturan yang sedia ada.

Sehubungan dengan itu, diharapkan agar pihak berkenaan dapat mengambil berat tentang gejala yang kita yang tidak dibendung yang akan menimbulkan kebencian sesama umat Islam sehingga boleh menyebabkan bibit perpecahan bukan sahaja di antara umat Islam malahan antara penduduk yang berbilang bangsa di negeri ini. Titah arahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku perlu diambil berat selain peraturan-peraturan berkaitan yang perlu dikuatkuasakan, dengan peruntukan yang ada semua pihak yang berkaitan dengan pentadbiran agama Islam, pada pemegang taruh, pemegang tauliah perlu diberikan penjelasan mengenai dasar-dasar kerajaan...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Morib. Sijangkang ingin mencelah.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Morib, terima kasih Timbalan Speaker. Jadi, Morib menyebutkan keterlibatan pihak pembangkang terutamanya dalam bercakap soal politik kepartian di masjid-masjid ini, saya nak tanya Morib berapa banyak laporan-laporan ataupun Morib sendiri ada tak hantar laporan kepada JAIS untuk diambil tindakan setakat ini?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Ada, saya tidak pun melalui saya. Ada. Tiadalah secara terus, melalui Ketua Kampung ya dan kadangkala penceramah-penceramah ini memang sebut ya dalam masjid pun sebut DAP, sesuai ke?. Saya nak tanya sesuai ke sebut perkataan DAP dalam masjid. Tak ada kena mengena pun kan?. Dalam masjid pun nak sebut DAP ya. Jadi penjelasan mengenai dasar-dasar kerajaan tentang agama Islam terutamanya mengenai gagasan rahmatan lil alamin.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Sekejap-sekejap ya Banting.. yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam untuk diangkat sebagai dasar pada 14 Mac 2019 serta mendapat perkenan Majlis Raja-Raja Melayu dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu kali ke-254 pada 4 Julai 2019. Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat apakah cara-cara yang boleh digunakan selain daripada melaporkan kepada JAIS sekiranya terdapat aktiviti-aktiviti ataupun isi kandungan ceramah yang tidak, ya, tak dengar, ya saya kuatkan suara. Sekiranya tidak apakah cara kita boleh pakai mengikut pendapat dan pengalaman Yang Berhormat Morib, cara-cara yang boleh digunakan untuk meneliti dan juga menyemak ataupun apa-sapa sahaja aktiviti ataupun isi

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

kandungan yang bertentangan dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada, sekiranya ada.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok, Silakan Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Ya sudah tentu ada cadangan-cadangan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan rakaman dan seumpamanya. Jadi, namun itu adalah agak bukan mustahil tetapi agak membebankan kepada pentadbiran masjid mengadakan rakaman atau seumpamanya. Namun apa yang lebih penting adalah dari segi kesedaran ataupun perkara yang harus difahami oleh pentadbiran masjid dan juga sekiranya aduan-aduan tersebut memanglah aduan tersebut memerlukan bukti selalunya aduan sekiranya ada aduan mereka mengehendaki kalau ada rakaman atau seumpamanya. Namun sekiranya aduan itu telah berkali-kali, maka pihak pentadbiran yang memberikan tauliah kepada mereka haruslah mengambil perhatian yang serius terhadap mereka yang telah diadukan berkali-kali terhadap perkara tersebut, juga nak menyentuh berkaitan dengan pendidikan yang mana ya Kerajaan Negeri telah memperuntukkan bajet sebanyak...

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Morib, bagi laluan sekejap. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker yang baik sikit daripada yang sebelum ini. Yang Berhormat Morib, saya ingin minta pandangan Yang Berhormat Morib sama ada ketidakterlibatan ADUN-ADUN dalam memilih ataupun menemu duga, ataupun memilih, semak secara akhir dengan pemilihan nazir-nazir ini menyumbang kepada ketidakakuran masjid-masjid ini?. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Itu saya serahkan kepada kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membuat keputusan tersebut yang mana ia sudah tentu kami di pihak ADUN kalau ada diberikan ruang untuk memberikan pandangan sekurang-kurangnya dijemput dalam temu duga tersebut adalah lebih baik yang mana bukanlah kita hendak mempolitikkan masjid tetapi kita sedikit sebanyak sebagai wakil rakyat haruslah mengetahui dan memahami keadaan sebenar apa yang sedang berlaku di dalam pentadbiran masjid sebagaimana yang telah disebut oleh ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Boleh pendekkan. 2 minit sahaja lagi.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Morib bagi saya seminit je.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Seminit je. Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Morib bagi Jeram lah. Morib bagi Jeram.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kita beri pada Jeram dulu.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Sila-sila duduk. Nampak dia kata cepatlah dia kata. Jadi terima kasih Yang Berhormat Morib. Sebenarnya bagi sayalah pandangan saya berkenaan dengan ceramah orang-orang parti PAS dalam surau, masjid dan

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

sebagainya tidak memberi kesan. Sebab apa saya berkata demikian?, hasilnya kita nampak seorang je dekat dalam dewan ini. Jadi tidak memberi kesan kita tak perlu risau cuma saya boleh beri pandangan saya pada Yang Amat Berhormat sekiranya ada aduan ya yang terus menerus tidak mengikut arahan ataupun titah perintah Tuanku Sultan ya maka kita tidak perlu memberi sebarang peruntukan daripada Kerajaan Negeri kerana tidak mengikut arahan. Itu yang pertama, yang keduanya sekiranya mereka berterusan In Sha Allah mungkin hasilnya yang satu yang dalam dewan ini pun tak akan ada sebab apa masyarakat ataupun rakyat boleh menilai. Saya tak nafikan di kawasan saya sendiri ya tidak ada sebarang jemputan, ada 1-2 yang neutral yang memanggil saya dalam program-program surau tetapi yang selebihnya tidak memanggil tetapi bagi saya tidak memberi kesan sebab kita sebagai wakil rakyat kita tahu tanggungjawab kita dan apa yang perlu kita buat untuk, ini bukan soalan, ini bukan soalan tambahan. Ini saya bagi pendapat dan minta penjelasan daripada Morib ya. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Minta pencelahan-celahan. Soalan celahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Morib. Sikit je.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Morib tinggal 1 minit je.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Boleh berikan pada Meru?. Tapi Morib tinggal 1 minit sahaja.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Sikit sahaja. Nak tanya sikit pandangan Morib. Terima kasih Puan Speaker. Setuju tak saya katakan antara punca masalah ini yang berlaku masalah di masjid di surau ini sebab masih ramai pegawai-pegawai Jabatan Agama Daerah ini daripada pihak pembangkang yang memanipulasikan perkara ini sehinggakan pihak kerajaan sendiri seolah-olah disabotaj dan mereka juga menggunakan platform ini untuk kepentingan politik mereka. Minta pandangan daripada Morib.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Jawab Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Sebagaimana yang telah saya sebut tadi, soal pendirian politik itu adalah masing-masing. Namun, soal profesionalisme dan juga soal perkara yang diadukan itu hendaklah diambil tindakan ya, walaupun Jeram ada pandangan dia sendiri ya mungkin saya berbeza pendapat sedikit yang mana pengaruh daripada pengkuliah-pengkuliah ini saya kira adalah besar juga walaupun kita katakan mungkin kita anggap benda itu kecil tetapi pengaruh mereka yang menggunakan ayat Al-Quran dan juga memberikan mendapat penghormatan di dalam masyarakat saya kira sedikit sebanyak menjejaskan dan juga menyalahafsirkan dan memberikan maklumat yang salah terhadap Kerajaan Negeri Selangor dan berkaitan seterusnya berkaitan dengan infrastruktur saya berasa amat bangga dan gembira dengan peruntukan yang besar walaupun secara amnya peruntukan untuk pembangunan sedikit diturunkan namun Kerajaan Negeri tidak gagal dan bersungguh-sungguh untuk memastikan bajet untuk Jabatan Kerja Raya, Jabatan JPS dan lain-lain juga jabatan yang melibatkan infrastruktur

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

menerima bajet sebanyak RM264 juta, juga untuk pendidikan kita Kerajaan Negeri menggariskan 14% daripada bajet untuk program-program pendidikan ya, program BITARA, program IKHTISAS, Tuisyen Rakyat dan lain-lainnya dan sedikit saya nak sentuh berkaitan dengan Tuisyen Rakyat yang mana program Tuisyen Rakyat ini dahulunya dilaksanakan oleh pegawai-pegawai ataupun lantikan daripada Pusat Khidmat dan Kerajaan Negeri tetapi kini diserahkan kepada pihak PPD, kita harapkan kerjasama yang lebih erat antara PPD dengan Pusat Khidmat dan wakil rakyat untuk memastikan program ini kita dapat kerjasama yang baik. Yang mana pada tahun ini saya rasa tidak ada dapat jemputan ataupun tidak ada maklumat langsung berkaitan dengan PTRS di kawasan saya.

Juga untuk Program Ikhtisas yang telah memperuntukkan sebanyak RM20 Juta yang mana disebut penjenamaan semula Kolej Antarabangsa INSPEN kepada Pusat Pembangunan Latihan Kemahiran dan Teknikal Negeri Selangor yang memberi fokus kepada latihan, kemahiran dan kursus profesional yang berorientasikan industri dan beroperasi di bawah unit di bawah institute kemahiran teknikal dan Ikhtisas Negeri Selangor dan untuk Kolej INSPEN ini kita telah dapat aduan daripada kakitangan yang berkaitan dengan pentadbiran. Jadi saya harapkan mereka yang bertanggungjawab dari segi *Board of Director Chairman* termasuk Dato' Menteri Besar sendiri dapat memberikan perhatian yang serius terhadap Kolej INSPEN ini yang mana kita memperuntukkan bajet yang begitu besar. Sudah tentu kita harapkan kita harapkan program ini akan dapat memberikan Program *TVET* ini akan dapat memberikan manfaat yang sebaik-baiknya kepada masyarakat. Jadi saya kira setakat itu sahaja daripada saya..terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker dan saya menyokong bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Sekian, terima kasih. Assalamualaikum.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Morib. Saya persilakan Batang Kali.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Tolak ada teknik dia tadi tu. Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker yang memberikan saya ruang untuk membahaskan belanjawan yang dibentangkan oleh.. 5minit je yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor. Saya tidak cadang untuk mengambil masa yang panjang kerana kita sedia maklum bahawa semenjak Kerajaan Pakatan Harapan dan hari ini semenjak Kerajaan Pakatan Rakyat dan hari ini Pakatan Harapan begitu banyak IPR-IPR yang dibuat oleh Kerajaan Negeri yang sebelum ini tidak pernah termimpi oleh kerajaan terdahulu. Jangan kacau. (Gelak)

Dalam pembentangan Yang Amat Berhormat pada hari Jumaat yang lepas, Yang Amat Berhormat ada memaklumkan bahawa tidak ada satu pun wilayah di Negeri Selangor yang akan ketinggalan dalam mengalami aspek pembangunan ini. Dalam hal yang ini dalam hal yang sedemikian, saya ingin merujuk kepada jambatan Batang Kali Yang Amat Berhormat dimana jambatan ini menjadi penghubung yang sangat penting di antara Utara dan ke Selatan dan ini ialah satu-satunya jalan persekutuan yang digunakan oleh masyarakat Batang Kali mahupun pelancong-pelancong yang ingin ke Genting Highland misalnya mereka menghadapi kesesakan yang amat macet (yang selalu pergi indon tau la...)

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

menghadapi kesesakan yang sangat macet di situ ada kalanya sampai ke Simpang Rasa jem tersebut.

Jadi sebagai sebuah kerajaan yang prihatin saya rasa yakin dan percaya dalam bajet kali ini akan diubahsuai sedikit dan dimasukkan tentang jambatan Batang Kali ini. Selain daripada itu, sebagai sebuah kerajaan yang peduli rakyat tentang skim perumahan yang di yang terbengkalai di Kampung Gos Kan yang satu ketika peserta-peserta yang seramai 42 orang itu, dan hari ini 36 orang daripadanya sudah pun mendapat geran terhadap lot-lot tanah mereka dan saya rasa kerajaan mungkin di bawah EXCO Perumahan Lembaga Perumahan Selangor ataupun yang berkaitan akan dapat meluluskan secara segera infra di...di tempat tersebut.

Satu lagi yang saya ingin mohon daripada EXCO yang berkenaan ialah bila mana *Jom Shopping* ini di DUN Batang Kali sesuatu DUN yang sangat luas dan besar kalau boleh diadakan 2 *mall* misalnya untuk diadakan *Jom Shopping* ini, tidak hanya tertumpu sekarang ini dibuat di Batang Kali sahaja. Jika orang-orang daripada kawasan MK, Bukit Beruntung, Sungai Buaya misalnya yang ingin ke Batang Kali *Econsave* ianya akan membelanjakan paling kurang RM20 untuk pergi dan balik. Bila beli barang dapat *voucher* RM100 perbelanjaan benar yang boleh dibuat hanyalah RM80. Jadi kalau boleh dibuat sekali dibuat sekali satu hari misalnya satu di Batang Kali dan satu lagi di *Mall* di Bukit Sentosa. Jadi itu antara yang saya ingin mohon daripada EXCO-EXCO yang berkenaan.

So, saya tidak ingin memanjangkan kerana ramai lagi yang ingin berbahas kerana yang lain-lainnya sudah cantik, sudah indah dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor. Saya ingin satu lagi, yang ingin sayasebut ialah bila mana Majlis Daerah Hulu Selangor merupakan di antara Majlis Daerah yang tertinggi dengan kutipan hasilnya di seluruh Malaysia. Jadi saya yakin dan percaya Majlis Daerah Hulu Selangor akan lebih memberikan perhatian kepada kerja-kerja yang.. kerja-kerja yang bersesuaian untuk seluruh rakyat tidak ketinggalan dalam mewarnai kehidupan Negeri Selangor terutamanya soal-soal penjaja, peniaga-peniaga kecil dan sebagainya. Semoga mereka mendapat ruang yang kondusif, dapat dipromosikan perniagaan-perniagaan mereka dengan hanya ataupun dengan hanya kita menghalang mereka daripada meniaga di tempat-tempat tertentu tanpa menyediakan ruang dan peluang yang sesuai untuk mereka berniaga. Sekian, saya dengan rasa rendah diri menyokong bajet ini dengan sedikit pindaan-pindaan yang mungkin boleh Yang Amat Berhormat pertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Batang Kali. Seterusnya Seri Setia.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Alhamdulillah... Bismillahirrahmanirahim...Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.. Salam Sejahtera terima kasih yang baik budi, senyuman yang manis Puan Timbalan Speaker yang memberi ruang kepada saya. Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada pihak kerajaan mahupun dari pihak pembangkang terlebih dahulu izinkan saya menzahirkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi dan mengucapkan tahniah di atas pemasyhuran ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong iaitu Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Bilah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Selain itu, ucapan tahniah kepada Perdana Menteri Malaysia Yang Amat Berhormat

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Tun Dr. Mahathir Mohamad yang telah melancarkan *Blueprint Wawasan Kemakmuran Bersama 2030* bagi menggantikan Wawasan 2020 bagi memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju dalam aspek ekonomi, politik, kebudayaan dan keharmonian. Wawasan 2020 juga adalah satu visi, yang dicetuskan Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1991 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju bersama rakyatnya yang berbilang kaum.

Tuan Speaker dan sahabat Ahli-ahli Yang Berhormat, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor kerana telah berjaya membentangkan dan mewujudkan 1 belanjawan yang lebih tersusun dan teratur dalam semua hal bagi mencapai sasaran Selangor *Smart State 2025*. Lebih-lebih lagi, di dalam perang dagang yang sedang meruncing ketika ini di antara Amerika Syarikat dan juga Republik Rakyat Cina.

Tuan Speaker, Selangor adalah penyumbang tertinggi di dalam KDNKK Kerajaan Malaysia bagaikan ayah dan anak kerajaan pusat dan Kerajaan Negeri tidak boleh dipisahkan. Begitu juga beberapa jabatan yang bersangkutan paut di antara Kerajaan Negeri dan kerajaan pusat. Antaranya adalah Jabatan Pertanian Negeri Selangor, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor dan lain-lainnya.

Jabatan-jabatan ini, sememangnya mempunyai kementerian yang khusus dan tentunya jabatan-jabatan di setiap negeri di bawah kementerian tersebut akan menerima peruntukan khas dari kerajaan pusat dan boleh dikatakan jabatan-jabatan tersebut menerima peruntukan yang tinggi dari Kerajaan Negeri sehingga memberi impak tambah nilai yang tinggi kepada setiap perancangan belanjawan.

Tuan Timbalan Speaker, merencana agenda pendidikan unggul. Dalam ucapan belanjawan 2020, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ada menyebut tentang Bantuan Sekolah Negeri Selangor iaitu penambahbaikan yang dilaksanakan pada tahun 2020 yang melibatkan Sekolah Agama Rakyat serta Sekolah Jenis Kebangsaan.

Ingin saya maklumkan di kawasan DUN Seri Setia, yang mempunyai kepadatan penduduk dan juga menghadapi permasalahan Sekolah Agama Rakyat yang daif dan sempit. Saya perlu membawa perhatian dalam Sidang Belanjawan kali ini, berkaitan Sekolah Agama Rakyat di DUN Seri Setia. Sekolah Agama Rakyat yang saya maksudkan adalah terletak di Lembah Subang. Ini yang kita sedia maklum, dan kita tahu bahawa kawasan Lembah Subang adalah kawasan yang padat penduduknya dan di sinilah wujudnya satu-satu Sekolah Agama Rakyat yang menggabungkan Lembah Subang 1 dan Lembah Subang 2.

Pada bulan lepas, saya sendiri telah pergi melawat sekolah ini selepas ditenggelami air banjir yang melibatkan seluruh kawasan bilik darjah serta bilik guru. Sekolah Agama Rakyat ini juga, menghadapi permasalahan kepadatan murid-murid dan ada juga hampir 60 orang murid dalam 1 kelas. Yang menyedihkan saya, apabila waktu rehatnya mereka terpaksa makan dan minum di tepi longkang.

Selain itu juga, keadaan bilik darjahnya juga amatlah daif serta kekurangan kerusi dan meja. Sekolah Agama Rakyat di Kampung Limbungan pula mempunyai kepadatan pelajar yang ramai yang menggabungkan antara 3 tempat dihimpunkan dalam 1 tempat dan saya menyarankan agar ianya juga diberi perhatian bagi segi pembesaran sekolah tersebut.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Tuan Timbalan Speaker, saya mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih di bawah inisiatif hadiah anak masuk universiti pada tahun 2020. Alhamdulillah pada tahun hadapan pendapatan minima seisi rumah telah dinaikkan daripada RM3,000.00 ke bawah kepada RM5,000.00 ke bawah.

Selain itu, Program Tuisyen Rakyat Selangor adalah satu usaha yang baik yang diwujudkan menjadi salah satu medium pembelajaran kepada pelajar-pelajar SPM dan kini ianya telah diperluaskan kepada pelajar yang menduduki UPSR. Saya menyokong apa yang dinyatakan oleh sahabat saya tadi yang mengatakan bahawa 'Bagaimanakah Pelaksanaannya Program tersebut dan Dijalankan' dan ianya tidak diperjelaskan secara terperinci dan saya minta supaya dapat diperjelaskan dan diperbincangkan lebih lanjut lagi tentang isu ini.

Tuan Speaker. Puan Speaker. Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Bas *Smart* Selangor. Isu yang akan saya ketengahkan pula adalah tentang Bas *Smart* Selangor untuk pengetahuan rakan-rakan semua, saya amat mengharapkan bantuan dan pertolongan daripada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan bagi menyediakan Bas *Smart* Selangor di kawasan Kampung Lindungan dan Desa Mentari. Permohonan ini telah saya bawa semasa saya menjadi Ahli Majlis MBPJ lagi dan juga semasa sidang DUN yang lepas. Tetapi jawapan yang diberikan adalah di bawah peruntukan Majlis Bandar Raya Petaling Jaya. Majlis Bandar Raya pun tidak ada peruntukan tambahan. Memandangkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri kini adalah di bawah satu bumbung, maka sekali lagi saya kemukakan permohonan ini tanpa rasa jemu dan putus asa. Ada lagi Tuan Timbalan Speaker. (Gelak)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Seri Setia. Sila duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari. Dengan ini saya menangguhkan sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan akan disambung semula ke pukul 2.30 petang.

(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 1.00 PETANG)

(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)

(TUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula dengan perbahasan rang undang-undang perbekalan 2020. Dipersilakan Yang Berhormat Seri Setia untuk meneruskan perbahasan.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Di kawasan DUN Seri Setia yang mempunyai hampir 55,000 orang pengundi, kini hanya mempunyai dua (2) klinik kesihatan sahaja. Sebelum ini jumlahnya

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

sebanyak tiga (3) buah klinik kesihatan. Tetapi kini telah menjadi dua (2) buah sahaja. Klinik yang saya maksudkan telah ditutup khidmatnya adalah di klinik kesihatan di Kg. Lindungan. Saya difahamkan bahawa klinik ini ditutup atas beberapa sebab yang melibatkan pemunya premis tersebut iaitu Majlis Bandar Raya Petaling Jaya dengan Pejabat Kesihatan Daerah Petaling. Saya berharap ia dapat diberi pertimbangan dan penyelesaian yang sebaik-baiknya demi kebaikan penduduk setempat, yang kini terpaksa bersesak di klinik kesihatan Kelana Jaya dan juga klinik kesihatan Taman Medan, yang sememangnya padat dan ramai dengan pesakit-pesakitnya.

Puan Timbalan Speaker, PBT merupakan golongan yang, yang akan menjadi penyambung legasi di masa hadapan. Pada pandangan saya, kekurangan interaksi di antara PBT, pihak ADUN dan juga Ahli Majlis memang berlaku. Tambahan pula, kurangnya mereka-mereka ini dalam membuat sesuatu program. Saya ingin menyarankan perlu ada pemerhatian, juga kepada mereka-mereka. Kerana kita tahu PBT ini sebagai penggerak belia di masa hadapan. Dan mereka dapat berfungsi untuk memastikan mereka-mereka ini atau anak-anak muda dapat mengetahui tentang dasar kerajaan ini.

Di bawah program Food Bank Selangor, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor yang akan melaksanakan program ini di kawasan PPR dan juga kawasan miskin bandar. Di kesempatan ini, yang diberikan oleh Puan Timbalan Speaker kepada saya, saya juga ingin bertanya. Alhamdulillah, YB Exco pun baru sampai, ha... Bilakah hendaknya diselesaikan permasalahan penduduk PPR Lembah Subang ini. Angin yang bertiup mengatakan Kerajaan Negeri akan mengambil alih PPR tersebut daripada Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat pula, bila pula nak menyerahkannya. Tetapi masalahnya, angin yang bertiup, pokoknya tidak bergoyang. Siapa yang akan menggoyangkannya. Dan sampai bilakah masalah ini akan berlarutan dan akan ditanggung oleh penduduk dan juga ADUN kawasan tersebut.

Segak bergaya petah berkata,
Itulah dia ADUN Seri Setia,
Belanjawan ini merangkumi semua,
Baik yang tua mahupun muda.

Dengan ini saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan TUAN TIMBALAN SPEAKER, dan saya menyokong pembentangan belanjawan tahun 2020 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor. Sekian terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Jeram.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih, Seri Setia, kita beri kepada wanita. Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Assalamualaikum dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Puan Speaker kerana memberikan peluang kepada Bandar Utama akhirnya, bagi membahaskan belanjawan Negeri Selangor 2020. Puan Timbalan Speaker, pertama sekali saya mengucapkan syabas kepada Menteri Besar dan Kerajaan Negeri kerana telah membentangkan belanjawan 2020 yang mencerminkan keprihatinan terhadap rakyat dan masa hadapan negeri Selangor. Puan Timbalan Speaker, saya mahu memulakan perbincangan saya dengan membawa isu kawasan DUN Bandar Utama. Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pengairan dan

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Saliran Negeri Selangor kerana peruntukan sebanyak RM84.4 juta, bagi projek penaiktarafan termasuk RM52.19 juta bagi projek pembangunan tebatan banjir di Pendamaran, Kuang dan Sungai Labu. Saya ucapkan tahniah kepada Pendamaran, Kuang dan Sungai Labu kerana saya jangka masalah banjir kilat di kawasan berkenaan semestinya akan berkurangan sekiranya tidak selesai.

Namun saya berharap Kerajaan Negeri Selangor tidak melupakan keadaan teruk di Sg. Kayu Ara, yang sepatutnya di naiktarafkan sejak berpuluh-puluh tahun yang lepas. Namun sehingga kini tiada sebarang berita. Akibatnya, walaupun Bandar Utama berada di tengah bandar, penduduk-penduduk di kawasan Bandar Utama, masih perlu hidup dalam ketakutan dan sengsara setiap kali hujan lebat ataupun banjir kilat menempuh rumah mereka secara tiba-tiba. Akibat kelewatan penaiktarafan sungai Kampung Sg. Kayu Ara yang melalui kawasan DUN Bandar Utama, pada bulan, 9 Oktober yang lalu, Kampung Cempaka dan SS4D di bawah DUN Bandar Utama mengalami banjir kilat yang teruk. Lebih daripada 80 rumah terjejas di Kampung Cempaka dan 40 buah rumah di SS4D. Jadi jumlahnya 120 buah rumah. Ketika itu banjir kilat yang telah mencatat ketinggian lebih daripada 5 kaki. Ini telah merosakkan banyak barangan rumah dan perabot keluarga-keluarga yang terlibat. Melalui hasil lawatan tapak dan juga perbincangan dengan JPS Selangor, saya dimaklumkan bahawa rancangan tebatan Sg. Kayu Ara telah diluluskan sebagai salah satu skop projek di bawah Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Damansara, yang telah diluluskan pada RMK 11, bermula tahun 2016. Kos aktiviti Sg. Kayu Ara adalah RM20 juta berbanding yang diluluskan RTB Lembangan Sg Damansara sebanyak RM64 juta. Namun sehingga kini projek ini masih belum dijalankan.

Puan Timbalan Speaker, saya berharap Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Selangor akan memandang serius terhadap perkara ini. Kepada penduduk-penduduk di Kg Cempaka bukanlah daripada kalangan penduduk yang berpendapatan tinggi. Malah ramai di antara mangsa-mangsa banjir adalah mereka di bawah kategori B40. B40 yang kebanyakannya mereka bukan di bawah RM4,000.00 ke bawah, namun RM1500.00 ke bawah. Bayangkan setiap kali musim hujan, penduduk akan mula risau tentang peralatan rumah ataupun perabot rumah yang akan rosak. Setiap kali hujan lebat, penduduk-penduduk di sini perlu mengalih motor mereka, mengalih kereta mereka ke tempat lain bagi mengelakkan banjir kilat. Sekiranya mereka tiada di rumah, mereka perlu tergesa-gesa balik ke rumah, bagi menyelamatkan harta benda mereka. Saya di sini berharap Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Selangor dapat mengambil perhatian dan melahirkan perasaan simpati terhadap mereka, mangsa-mangsa banjir kilat ini. Sudah sebegitu lama kami dimaklumkan oleh Kerajaan Persekutuan terdahulu peruntukkan daripada Kerajaan Persekutuan tidak ada ataupun cukup bagi menyelesaikan isu ini. Saya berharap selepas ini, dengan penukaran Kerajaan Persekutuan dan era Malaysia baru ini, masalah banjir kilat yang dibawa DUN Bandar Utama di akibatkan oleh Sg. Kayu Ara, juga boleh mendapat perhatian. Dan saya harap dana dapat disalurkan bagi membantu isu ini. Bandar utama ingin menegaskan isu rakyat seperti banjir kilat ini, tidak boleh ditangguhkan atau diperlekehkan. Setiap banjir kilat, mangsa-mangsa ini akan kehilangan harta. Mereka akan tinggal dalam ketakutan dan kesengsaraan. Saya percaya sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang benar-benar prihatin kepada rakyatnya, kita tidak akan membiarkan terus penduduk-penduduk ini menderita.

Puan Timbalan Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah kepada oleh Negeri, apabila kita bersetuju untuk mengambil perolehan 20 sen caj beg plastik, yang sebelum ini diambil para pekedai. Saya berharap Kerajaan Negeri Selangor boleh meneruskan usaha-usaha

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

baik seperti ini. Dan pada pendapat saya, kaji selidik bagi meneroka kaedah-kaedah yang kreatif bagi mempertingkatkan kemampanan serta hasil negeri Selangor pada tahun dan masa yang akan datang seharusnya dilakukan dengan lebih kerap dan pantas. Trend yang terkini apabila angka kedai bubble tea, dengan izin, yang dibuka di kawasan bandar, seperti Bandar Utama meningkat secara mendadak. Kini terdapat 100 jenis jenama kedai bubble tea, dengan izin, yang berbeza di bawah negeri Selangor. Dengan peningkatannya kedai-kedai tersebut, kita akan dapati semakin banyak cawan plastik bubble tea, dengan izin, yang mencemarkan alam sekitar, dibuang merata-rata tempat. Mungkin Kerajaan Negeri juga boleh mengurangkan penggunaan cawan-cawan plastik ini dengan memberikan insentif cukai kepada kedai, kepada pemilik-pemilik kedai, yang menggunakan kertas. Seterusnya mengenakan cukai tambahan ataupun dengan cara-cara lain kepada pemilik-pemilik kedai yang menggunakan cawan plastik. Dengan cara sebegini, kita dapat memastikan alam sekitar kita lebih terjaga. Dan pada masa yang sama membantu menjaga hasil pendapatan, sekiranya ada yang menggunakan produk-produk plastik ataupun kurang mesra alam. Dan perkara seperti ini harus dipertimbangkan secara pantas, pada saat ni juga, ketikanya ia masih popular. Jangan kita menunggu sehingga lima tahun yang akan datang, baru kita mengambil keputusan untuk mengambil tindakan terhadap para pekedai yang menggunakan cawan plastik bubble tea, dengan izin.

Jadi saya harap Kerajaan Negeri selepas ini, boleh memberikan perhatian terutamanya terhadap isu ini, kerana semakin banyak kedai-kedai bubble tea, dengan izin, yang muncul dan yang telah mulakan perniagaan mereka di bawah negeri Selangor.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya memandangi tinggi juga usaha murni Kerajaan Negeri Selangor yang dulu memperkenalkan inisiatif peduli rakyat. Dan kini pula melakukan perjajaran semula, bagi memastikan bantuan Kerajaan Negeri benar-benar sampai kepada golongan yang betul-betul memerlukannya seperti B40, warga emas, OKU dan sebagainya. Sokongan rakyat terbukti teguh apabila Kerajaan Pakatan Harapan berjaya meningkatkan kerusi Dewan Negeri sehingga 50 buah kerusi pada Pilihan raya Umum yang lepas. Di sini saya cuma ingin mencadangkan penambahbaikan supaya kualiti perkhidmatan yang dihulurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor akan meningkat di masa hadapan. Salah satu perkara yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah mengenai publisiti secara, serta cara pengendalian program-program IPR oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kini Kerajaan Negeri telah mewujudkan pelbagai jenis program-program yang khas bagi membantu warga-warga negeri Selangor. Oleh itu publisiti dan pelaksanaan program-program tersebut harus juga ditambah baik. Sekiranya kita tidak mampu mewartakan informasi tentang program-program ini kepada masyarakat umum secara efektif, kita tidak mampu mencapai objektif bagi membantu warga-warga Selangor yang betul-betul memerlukan bantuan, kerana informasi ini tidak sampai kepada mereka.

Saya ingin mengambil Skim Mesra Usia Emas, ataupun yang lebih dikenali SMUE sebagai contoh. Setiap kali di bawah pusat khidmat DUN Bandar Utama, kami perlu menghubungi anggaran 400 warga emas yang berdaftar dengan SMUE. Jadi bagi mereka yang mempunyai telefon bimbit, pegawai saya akan menghantar SMS, dan sekiranya mereka hanya mempunyai talian tetap, pegawai saya akan menelefon mereka. Namun begitu, apabila ramai di kalangan mereka yang tidak menjawab telefon, ataupun menganggap SMS yang dihantar kepada mereka itu adalah scam, program ini tidak dapat dijalankan dengan lancar. Apabila program SMUE ini dijalankan berdasarkan bulan hari jadi, warga emas yang terlepas, akibat tidak percaya dengan mesej SMS ataupun tidak angkat telefon,

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

menjadi marah. Mereka merasa, mereka terkesan kerana kehilangan peluang untuk mendapat insentif SMUE ini dan perlu menunggu sehingga tahun yang seterusnya. Namun begitu kita juga telah menerima cadangan, bahawa voucher SMUE itu boleh dilakukan pada bulan yang seterusnya. Tetapi ia tidak bermaksud tiada isu-isu lain yang timbul, kerana apabila penerima voucher SMUE itu meningkat pada bulan yang seterusnya, pusat khidmat DUN Bandar Utama, juga perlu memastikan kita mempunyai kakitangan ataupun pegawai yang cukup untuk memastikan program ini berjalan dengan lancar. Oleh itu, saya ingin mencadangkan sekiranya voucher SMUE ini boleh di terima oleh warga emas ini pada bila-bila masa saja, sepanjang tahun. Dan bukanlah pada bulan hari jadi sahaja. Kerana ini mungkin dapat menyelesaikan isu *efficiency* yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Selangor serta menambah kepuasan hati warga emas. Keduanya sekiranya SMS ini dihantar oleh Kerajaan Negeri sendiri melalui nombor rasmi, mungkin warga emas lebih percaya kepada mesej ataupun informasi yang diterima. Apabila pegawai saya menghantar SMS ataupun WhatsApp melalui telefon bimbit mereka sendiri, sering kali disalah fahamkan sebagai scam yang dilakukan oleh penipu. Program SMUE ini hanyalah salah satu contoh daripada banyak lagi program IPR yang boleh kita tambah baikkannya. Selain itu saya juga yakin masih terdapatnya ruang bagi meningkatkan satu publisiti terhadap platform atau medium informasi Kerajaan Negeri Selangor. Saya mendapati kini Kerajaan Negeri Selangor dapat menaiktarafkan laman web program-program IPR kepada sipr.selangor.gov.my ini merupakan satu langkah yang baik kerana ini merupakan satu langkah yang baik kerana laman web sebelum ini tidak begitu cekap namun saya berharap pihak Kerajaan Negeri akan meningkatkan usaha yang lebih banyak bagi mempromosikan laman web ini. Sekiranya laman web ini bakal menjadi medium utama bagi warga Selangor untuk mendapatkan informasi, Kerajaan Negeri seharusnya mempromosikannya dengan menggunakan media arus perdana seperti televisyen mungkin radio dan sebagainya. Serta menjadikan ia budaya warga Selangor untuk melawat laman web tersebut setiap kali kita mempunyai perubahan program-program terhadap IPR atau pun mempunyai pengemaskinian. Sehingga kini saya telah banyak menjalankan banyak sesi bertemu penduduk dan rata-rata masih kurang tahu tentang skim air Darul Ehsan yang terkini. Dan kebanyakan mereka ini tidak tahu tentang kewujudan laman web IPR yang baru ini.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker akhirnya sebagai seorang ADUN di bawah negeri yang paling maju di Malaysia ini, saya bangga apabila Kerajaan Negeri dalam sebelas tahun memerintah ini, berjaya menyelesaikan pelbagai jenis masalah rakyat. Ketika kualiti hidup warga Selangor semakin bertambah, saya berharap Kerajaan Negeri juga meletakkan lebih banyak tumpuan kepada menyediakan ruang aktiviti atau riadah yang cukup untuk warga emas kita. Sering kali kini kita diingatkan tentang isu kesihatan mental yang semakin serius malah merupakan penyakit kedua tertinggi di Malaysia pada tahun 2020 selepas penyakit jantung. Namun jangan kita lupa masalah penyakit mental ini bukan wujud pada anak muda atau orang dewasa sahaja, banyak juga warga emas yang dijejaskan oleh masalah kesihatan mental kerana sering kali terperap di rumah dan tidak mempunyai teman atau aktiviti yang boleh dilakukan. Jadi kita mahu melakukan pencegahan terhadap isu seperti ini. Seperti tadi yang dibangkitkan oleh Sungai Kandis, yang di kawasan beliau perlu menyediakan lebih banyak tempat penjagaan untuk pesakit-pesakit yang menghidap penyakit mental. Betapa baiknya sekiranya kita dapat mencegah sebelum perkara itu berlaku. Jadi kini di banyak negara maju pusat aktiviti warga emas yang khas telah ditubuhkan oleh Kerajaan mereka bagi memastikan warga emas di negara mereka akan mempunyai tempat-tempat untuk berkumpul dan menjalankan aktiviti-aktiviti warga emas. Saya tahu di bawah Selangor, JKM juga telah mengadakan usaha yang

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

hampir sama dengan menggalakkan penubuhan PAWE. Jadi pada sesiapa yang tidak tahu PAWE. PAWE itu adalah singkatan untuk Pusat Aktiviti Warga Emas. Namun begitu JKM tidak diperuntukkan dana untuk memiliki mana-mana bangunan untuk dijadikan sebagai PAWE. Biasanya JKM perlu bekerjasama dengan Kerajaan Tempatan, ADUN, atau MB bagi mendapatkan tempat untuk penubuhan PAWE. Ini bermaksud PAWE yang ditubuhkan itu berkemungkinan besar hanya untuk sementara sahaja. Jadi apabila wakil rakyat mengambil keputusan untuk tidak meneruskan program tersebut dan tidak membayar sewa ataupun sekiranya Kerajaan Tempatan mengambil keputusan untuk menarik kembali Dewan Komuniti yang dipinjamkan sebagai PAWE, JKM tidak boleh berbuat apa-apa. Kadangkala saya faham Kerajaan Tempatan juga mungkin mempunyai objektif yang berbeza apabila membina Dewan Komuniti yang baru siap dibina. Walaupun terdapat permohonan-permohonan dari Persatuan Penduduk, kadangkala PBT tidak bersetuju untuk memberikan perkhidmatan yang percuma kerana ingin mendapatkan keuntungan daripada penyewaan dewan tersebut. Jadi saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri Selangor adakah kita serius dalam mengaktifkan komuniti kita dan warga emas kita. Sekiranya ya, apakah polisi dan peruntukkan untuk mereka dilihat cukup bagi menyediakan tempat-tempat beraktiviti atau beriadah untuk mereka. Kita dapat lihat pada belanjawan kali ini Kerajaan Negeri telah berusaha mengurangkan jurang bajet defisit meneruskan polisi penjajaran semula inisiatif.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bandar Utama, boleh beri laluan.

Y.B. PUAN JAMALIAH BT JAMALUDDIN : Ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya tertarik dengan PAWE kerana kawasan saya pun ada satu PAWE bagi Daerah Kuala Langat dan Parlimen Kuala Langat terletak di kawasan saya. Saya juga meneliti jawapan yang dibekalkan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan juga Keluarga di Parlimen tempoh hari. Saya difahamkan setiap PAWE dibekalkan kalau tidak silap saya dibekalkan RM33,000 satu tahun, untuk pelbagai bentuk dan perbelanjaannya. Adakah Yang Berhormat juga, saya menyambut baik dan memohon ucapan Yang Berhormat dimasukkan di dalam ucapan saya kelmarin. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat adakah kita perlu juga tengok semula peruntukkan yang dibekalkan daripada Kerajaan Persekutuan dan memohon sekiranya Kerajaan Persekutuan memberikan peruntukkan tambahan ia perlulah ditambah kerana sebab saya mengatakan macam ini ialah, kementerian bercadang untuk membina PAWE, satu PAWE di setiap kawasan Parlimen. Maksudnya ada lagi PAWE yang belum lagi ditubuhkan. Maksudnya, sekiranya tidak, telah pun diperuntukkan, dan tidak ditubuhkan atau tidak sempat dibina, maka sekiranya ada peruntukkan ataupun peruntukan yang tidak sempat digunakan pada tahun itu, ia haruslah sewajarnya digunakan untuk memperkasakan PAWE-PAWE yang berdekatan, yang terletak bersebelahan sama ada bandar dan desa. Supaya kekangan dari segi hak milik tanah, ruang dan sebagainya bolehlah diguna di atasi buat sementara waktu, sekurang-kurangnya. Jadi itu adalah cadangan saya, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BT JAMALUDDIN : Apabila kita berbicara tentang PAWE ini, sebenarnya pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasihlah kepada Kerajaan Persekutuan. Kerana sebelum ini, sebelum kita memenangi pilihan raya yang

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

lepas, kita tidak mempunyai usaha langsung untuk membangunkan pusat aktiviti warga emas ini. Dan kerana usaha Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri, kita dapat melihat, at least, dengan izin, ataupun sekurang-kurangnya kita mempunyai usaha ke arah ini. Apa yang Bandar Utama ingin bangkitkan adalah, saya harap pada masa yang akan datang, usaha ini akan diteruskan dengan secara lebih meningkat. Kerana pada pendapat saya, tidak kiralah, sekiranya setiap PAWE diperuntukkan dengan sejumlah dana untuk menjalankan aktiviti. Perkara ini tidak akan dapat terjadi ataupun berlaku sekiranya kita tidak mempunyai ruang untuk menjalankan aktiviti ataupun untuk menjalankan program tersebut. Jadi apa yang Bandar Utama ingin cadangkan adalah, pada masa yang akan datang, saya berharap Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan, apabila membincangkan tentang mengembangkan pusat aktiviti warga emas ini, haruslah juga melihat kepada ruang dan juga tempat-tempat yang sesuai untuk menubuhkan PAWE dan juga memperuntukkan dana yang secukupnya bagi membina dan supaya JKM dapat memiliki PAWE-PAWE tersebut.

Akhirnya saya tidak ingin memperpanjangkan perbahasan saya. Saya Cuma ingin menyatakan sokongan saya terhadap belanjawan 2020 kerana Kerajaan Negeri telah mengurangkan jurang bajet defisit meneruskan polisi penjajaran semula inisiatif peduli rakyat, yang meletakkan fokus pada B40, dan melaburkan dana terhadap projek-projek yang mampu merangsang pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Akhir kata saya harapkan pendapat Bandar Utama akan dipertimbangkan dan saya ingin mengakhiri perbahasan saya dengan menyokong belanjawan 2020. Sekian, terima kasih.

DEWAN : Jeram...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Bandar Utama. Seterusnya, Sungai Burung.

DEWAN : ha.. tengok.. Bukan tak sayang...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Salam satu Malaysia. (Ketawa).

Kuala Kubu Baharu ingatkan ya.. terima kasih, tak ada masalah.. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan, Puan Timbalan Speaker. Terlebih dahulu Sungai Burung ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul pembekalan belanjawan Selangor tahun 2020 yang telah dibentangkan dan telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada 01 November yang lalu. Sungai Burung telah meneliti, belanjawan tersebut dengan penuh tekun dan rapi, dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah menyediakan buku belanjawan, teks belanjawan yang sangat menarik ini. Boleh dibaca dengan mudah, dan boleh diikuti dengan jelas.

Walau bagaimanapun, Puan Speaker, pada Sungai Burung, bajet ini tidak ada bezanya dengan bajet-bajet yang terdahulu, yang telah pun dibentang di Dewan ini. Dan ia melihat hanya bajet biasa sahaja. Tak nampak yang luar biasanya bajet ini. Dan dilihat, tidak nampak pun, bukan tak nampak dilihat, tak nampak pun. Ya. Saya dah meneliti dengan

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

teliti, ya. Pelabuhan kelang. Tapi saya tak nampak bezanya, bajet ini dengan bajet tahun yang lepas. Bajet yang daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang terdahulu. Malah kalau kita lihat, bajet ini agak mempunyai banyak kelemahan dan kekurangan, ya. Walaupun Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, ada menyebut bahawa perancangan dan polisi, bajet ini hendak dijadikan seperti kereta api laju N700 Nozumi. Kereta api laju N700 Nozumi ini, bermaksud memberikan harapan, tapi bagi keretapi N700 Nozumi yang ada di negeri Jepun, ya, dia sangat mempunyai keupayaan tinggi. Bergerak dengan laju, dan memberikan harapan kepada penumpang-penumpang untuk sampai kepada matlamatnya, destinasiya pada waktu yang tepat. Dengan betul. Malangnya, kalau kita lihat keupayaan kerajaan bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, ya, untuk membawa bajet ini, laju sebagai private of groot sama dengan kerajaan Barisan Nasional amatlah disangsikan. Ini kerana kita lihat, sumber bajet itu iaitu rezabnya, semakin tidak dapat ditingkatkan malah kita lihat semakin berkurangan. Saya masih ingat lagi, ya, bajet rezab yang terbaik, yang telah dapat ditingkatkan oleh Kerajaan Negeri Selangor ialah zaman Yang Amat Berhormat Tan Sri Khalid, menjadi Menteri Besar. Di mana telah berjaya meningkatkan rezab pada tahun 2015 hingga RM3.26 billion. Tapi malangnya di bawah dua Menteri Besar ini, rezabnya bukan semakin meningkat tetapi sebaliknya menurun. Pada tahun 2016, jadi RM3 billion, 2017 RM2.8 billion, 2018, RM2.14 billion, turun RM700 juta sebagaimana disebutkan oleh Ketua Pembangkang semalam.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan, Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Okey, haa..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Banting, terima kasih, ya. Saya amat terperanjat dengan hujah Yang Berhormat Sungai Burung, kerana Sungai Burung telah pun menjadi ADUN lebih lama dari saya. Satu penggal sebagai kerajaan, tiga penggal sebagai ADUN pembangkang. Semasa saya mula menjadi ADUN sejak tahun 2008, di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat di situ pernah ada tegur juga. Bila tak bertambah. Saya masih ingat Yang Berhormat di situ. Apa gunanya wang kerajaan bertambah-tambah, kutip cukai banyak-banyak daripada rakyat tapi tak nak guna. Jadi rentetan daripada itu, kerajaan melancarkan berbagai-bagai bentuk jenis, bentuk dan berbagai-bagai jenis program-program kerajaan, kebajikan, dan sekarang Yang Berhormat tegur pula. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, logik mana yang betul, Yang Berhormat?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Sungai Burung.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya tak kata kalau bajet rezab itu tidak boleh diguna. Saya kata Menteri Besar yang baru sekarang ini tak mampu bagi contoh dengan Menteri Besar yang lama. Kalau Menteri Besar menggunakan berbagai-bagai kaedah. Apa yang ingin saya nyatakan ialah kelemahan perancangan polisi di bawah Dato' Menteri Besar yang ini tidak nampak membuat inisiatif-inisiatif yang baru. Saya tengah menjawab ni Banting.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : OK.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tidak menunjukkan inisiatif dan kaedah yang baru ya untuk meningkatkan rezab negeri

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Burung, Morib ingin mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Burung boleh mencelah ada tiga pencelahan yang mana Sungai Burung benarkan?

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Boleh bagi lah sekejap.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Bukit Gasing saya bagi. Ketawa.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Gasing, sila Bukit Gasing.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Lepas ni Gombak Setia pulak.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Penat bagi semalam.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Ini bukan kelemahan memang kita telah tunjukkan bila kerajaan telus *rezab* itu naik. Apabila *rezab* itu naik kita tambah program demi kebaikan rakyat dan hasilnya cukup jelas bilangan ahli kerajaan ADUN kerajaan pada hari ini jauh lebih besar daripada dua pilihan raya yang lepas. (Tepuk meja). Kalau Sungai Burung nak kata memang ada inisiatif yang lain yang tidak dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor, saya minta tolonglah buat bajet alternatif seperti mana dulu kami Pembangkang kami buat bajet alternatif tunjukkan kepada rakyat apa idea-idea tersebut yang Sungai Burung ada yang kita tidak laksanakan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Sungai Burung.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Kita boleh kemukakan bajet alternatif. Ketua Pembangkang dah sebut semalam apabila kita mengambil alih ya kerajaan ini dalam PRU15 nanti kita akan sediakan bajet yang jauh lebih baik dan kita akan naikkan rezab ini. Jangan bimbang ya. Dan mengenai kemenangan

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Sungai Burung mohon mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Kemenangan yang berlaku dalam Pilihan Raya yang lepas adalah kerana ya kerana janji-janji apa orang kata menanam tebu di bibir mulut yang begitu indah mengaburi rakyat sehingga rakyat terpaut untuk mengundi Pakatan Harapan pada masa itu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Burung, Morib ingin mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Boleh nanti saya nak kena

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : sikit aje.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : kalau Templer boleh ambil alih Timbalan Speaker bagi masa yang panjang tak pe.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Yang Berhormat Timbalan Speaker. Sungai Burung, Sungai Burung

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ok, nanti saya bagi jawapan

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Burung.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Sikit aje Sungai Burung.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Bagi saya bercakap ya, tak habis lagi. Itu baru pasal *rezab*.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Ini pasal *rezab* lah ni.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Pasal *rezab* lah ni. Saya nak cakap sikit aje. Pasal *rezab*. Saya nak celah sikit aje. Pasal *rezab*.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Pun begitu kita lihat ada juga inisiatif-inisiatif yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar yang baru

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Burung. Mohon pencilahan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : seperti apa orang kata, meminta GLC, memberikan sumbangan kepada hasil negeri.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Nak bagi ke tidak. Sungai Burung.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Sungai Burung bagilah peluang tu Morib dengan Gombak tu Sungai Burung.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Gombak Setia.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dipersilakan Gombak Setia.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Terima kasih Sungai Burung.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Morib sila duduk.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Terima kasih Sungai Burung atas peluang yang diberikan. Puas saya panggil-panggil, seru-seru Sungai Burung datang akhirnya muncul juga petang ini. Jadi Sungai Burung saya nak tanya sebab Sungai Burung mula hari ini, ini dengan mengkritik Kerajaan Negeri yang kononnya gagal mempertahankan *rezab* negeri yang begitu besar sebelum ini. Dan saya ingin bertanya kepada Sungai Burung apakah Sungai Burung merasakan *indicator* kebaikan ataupun kejayaan sesebuah kerajaan itu adalah apabila ia mampu menyimpan *rezab* yang besar tanpa membelanja kepada rakyat dan sekiranya Sungai Burung merasakan ianya

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

sedemikian saya nak tanya apakah Sungai Burung merasakan dengan *rezab* yang begitu besar bagaimana kita boleh melonjakkan ekonomi negeri ini.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Faham. Analoginya mudah sahaja. Untuk bagi kereta api nuzum ni laju mesti punya enjin ada power. Sumber enjin power ini adalah rezab. Kena ada sumber yang besar, banyak kalau tak ada ini macam mana you nak belanja? Itu yang saya nak kata, 3 bilion boleh bawak perbelanjaan yang besar. Tapi kalau dah makin menurun tahun ini 2 bilion diunjurkan lagi akan turun lagi

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Ok bagi sikit lagi Sungai Burung kalau begitu.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Dengan senario ekonomi yang saya akan bentangkan ini, kita tak tahu lah ya. Nanti kedudukan *rezab* di negeri Selangor ini.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Yang Berhormat Sungai Burung.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Boleh bagi Gombak Setia.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Puan Speaker saya nak pergi kepada pengeluaran negeri kasar. Belanjawan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Burung, Gombak Setia, ingin mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya dah jawab satu. Saya bagi penerangan nanti saya bagi peluang. Saya dah jawab tadi. Nak berbelanja banyak itu kena ada keupayaan yang besar. Keupayaan yang besar kena ada

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Ya bagi kita jawab semula.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tak ada jawab. Minta penjelasan

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Bagi ruang. Saya tidak minta penjelasan

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya dah bagi penjelasan. Sila duduk.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Saya tidak minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Sila duduk. Sila dudukkkkk... ketawa.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Lain macam. Mentang-mentang ada burungnya petang ni.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Puan Speaker, tolong ajar ADUN baru ini suruh duduk. Saya tak benarkan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik. Sila duduk.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Belanjawan Selangor 2020 merupakan pembentangan kedua oleh Yang Amat Berhormat Sungai Tua selepas menggantikan Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa yang lepaskan jawatan bagi memberikan keutamaan dan perhatian yang penuh kepada usaha menjaga ekonomi di Putrajaya ya. Nampaknya impian Kerajaan Negeri ya adalah tinggi melangit iaitu ingin menyumbangkan ya sehingga 30% KDNK, keluaran dalam negara kasar menjelang tahun 2030 tapi pada hakikatnya ya dalam tempoh 10 tahun pentadbiran Pakatan Harapan negeri Selangor tidak pernah sekali pun menyumbang melebihi daripada 25% KDNK negara. Paling tinggi pada era Tan Sri Khalid Ibrahim pada tahun 2013 dengan Selangor menyumbangkan 23.7% KDNK Malaysia

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Yang Berhormat Sungai Burung. Yang Berhormat Sungai Burung.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Burung, Gombak Setia ingin mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tapi keadaan ekonomi negara yang menguncup. Harga komoditi menjunam dan kos sara hidup yang meningkat. Puan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Burung, Gombak Setia ingin mencelah. Boleh.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tak bagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila duduk Gombak Setia.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Sorry ya.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Tak boleh, tersangkar.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Nanti dulu ya. Bagi habis kan sikit lagi. Saya nak cerita ni ada kaitannya ni ya. Kaitan dengan ekonomi negara yang menguncup ni dengan harapan untuk meningkatkan 35% ni saya tak yakin akan menjadi kenyataan ya. Lima puluh lima (55) hari lagi kita akan menghirup udara 2020. Antara yang dinantikan ialah pencapaian kejayaan negara melalui dasar Wawasan 2020 yang telah diilhamkan oleh Perdana Menteri Keempat. Hari ini menjadi Perdana Menteri Ketujuh. Namun seperti telah kita tahu ya, Wawasan ini telah pun gagal. Tun semasa melancarkan Wawasan Kemakmuran. Wallahualam. Ketawa.

Perdana Menteri yang menanti kita tak tahu lah ya. Tun semasa melancarkan Wawasan Kemakmuran bersama 2030 memperkenalkan bagi menggantikan Wawasan 2020. Sebagai sebuah kerajaan bukan pengenalan dasar yang harus di banggakan sebaliknya ialah pelaksanaan strategik dasar dan pencapaian hala tuju wawasan yang tersebut kerana rakyat mahu melihat hasil dan bukannya retorik ataupun omong kosong.

Puan Timbalan Speaker, pada tahun... pada Mei yang lalu, Bank Negara Malaysia telah menurunkan kadar faedah institusi perbankan dari 3.25% kepada 3%. Ia merupakan gambaran jelas bahawa ekonomi negara semakin lemah. Kesan daripada itu nilai ringgit jatuh kepada RM4.2 berbanding dengan Dollar Amerika Syarikat. Dalam tempoh beberapa bulan kebelakangan ini kita lihat di dada-dada akhbar tempatan dengan tajuk utama

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

menyiarkan berita yang kurang sihat bagi pertumbuhan ekonomi negara. Antaranya pelabur asing menjual saham berjumlah RM1.04 bilion. Bursa saham jatuh di bawah 1,600 mata. Syarikat besar menutup operasi di Malaysia. Anak muda hilang pekerjaan dan harga barangan semakin naik. Hidup makin tertekan. Harga rumah melonjak dan pelbagai lagi.

Hakikatnya sekiranya hari ini Ahli-Ahli Dewan ya pergi ke jalan-jalan utama dan *highway* yang mempunyai billboard besar dengan izin kebanyakannya kosong dan tidak beriklan. Setiap hari kita melihat ya ada aje orang yang diberhentikan kerja ya. Kita dapat lihat buktinya jumlah pemandu-pemandu ehilling ataupun teksi-teksi grab ya yang hari ini, hari ini ya Bandar Baru Klang. Healing, x pe lah, healing ya lah tapi orang Jawa punya lorat ni dia tak masalah hah... Profesor saya ya di universiti tak ada masalah, lorat saya dia boleh faham. Jadi tak ada masalah lah. Lorat lah. Jangan dipertikaikan untuk mengambil mileage mudah ya. Ketawa.

Kita lihat hari ini ya dengan keadaan itu hari ya hari-hari kita dengar orang hilang kerja ya. Keadaan semakin orang kata tertekan ya dan sekiranya Kerajaan Negeri mengurangkan bantuan-bantuan ya kepada golongan ini maka saya amat bimbang kesan ini akan bertambah buruk lagi. Mengikut statistik yang direkodkan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) berjumlah 24,600 pekerja telah diberhentikan oleh majikan bagi tempoh Januari hingga September tahun ini. Manakala pada tahun 2018 sebanyak 21,500 orang telah diberhentikan. Statistik juga menunjukkan Selangor menjadi negeri yang tertinggi menyumbang kepada kadar pengangguran. Kadar pengangguran negara adalah 6.8%.

Bagi petani dan pekebun kecil di luar bandar keadaan mereka lagi bertambah teruk. Kehidupannya lagi bertambah susah. Kehidupannya macam kais pagi makan pagi, kais petang makan petang kerana harga komoditi kelapa sawit dan getah terus merudum. Bantuan-bantuan kerajaan yang sebelum ini mereka perolehi telah diberhentikan ataupun dikurangkan sedangkan perbelanjaan harian mereka tidak pernah menurun malah meningkat dengan kenaikan harga barangan. Dasar penghapusan GST bukan nampak dapat mengurangkan harga barang sebagaimana di gembur-gemburkan sebelum Pilihan raya lalu oleh Pakatan Rakyat tapi hari ini pelaksanaan SST telah menyebabkan juga harga barangan yang berterusan dan menyebabkan kesusahan kepada petani.

Oleh kerana kelembapan pentadbiran Putrajaya Selangor

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Sungai Burung mohon pencerahan tentang SST tidak menurunkan harga barang tadi tu. Boleh bagi saya ruang.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya nak teruskan lagi ya. Banyak lagi ni.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Sekejap aje. Sekejap aje. Cuma nak tanya aje.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Burung hanya ada 2 minit lagi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Hah... 2 minit lah ya itu nak jawab lagi celahan-celahan. Minta maaf lah... lain kali ya.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Tak pe kita bagi, kita bagi ramai-ramai Sungai Burung terangkan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ini sangat penting daripada isu Belanjawan yang ingin saya sentuh ya. Ada dua perkara, pertama ialah tentang kelestarian alam sekitar ya. Banyak saya lihat bajet keutamaan diberikan kepada kelestarian alam sekitar oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Besar ya. Tetapi ya alam sekitar ini adalah sumber kehidupan dan kemuliaan kurniaan Allah Subhanallah taala yang kita tinggal hidup seumpama sempurna bagi generasi lampau sebelum diserahkan ke generasi seterusnya. Oleh itu, kerosakan yang ada di muka bumi ini akibat perbuatan manusia sendiri yang rakus dengan pembangunan ini menyebabkan kerosakan alam sekitar.

Firman Allah Subhanallah taala dalam surah Al-Rom, ayat ke 41 yang bermaksud, telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia. Timbul nya yang demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebagai sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang telah mereka lakukan supaya mereka kembali insaf dan bertaubat.

Dalam bajet 2016, Kerajaan Negeri telah menyatakan, saya nak rekodkan ya. Menyatakan kegagalan untuk melihat sungai sebagai sumber ekonomi dan pusat pertumbuhan kerana kos pengurusan sungai yang semakin meningkat ekoran aktiviti pembuangan sampah haram di dalam sungai.

Kemudian dalam bajet 2020, Yang Berhormat Dato' Menteri Besar pula menyatakan Kerajaan Negeri menyatakan pembangunan pesat dan pelbagai aktiviti ekonomi di persekitaran sungai menyebabkan kemerosotan kepada kualiti air.

Dua kenyataan ini menggambarkan Kerajaan Negeri masih samar-samar tentang hala tuju dan kaedah yang sesuai untuk membangunkan sungai di Selangor. Selain untuk memastikan kelestarian alam sekitar. Masalah pembuangan sampah sarap, sisa toksik ke dalam sungai boleh menyebabkan sumber air mentah terjejas sebagaimana yang telah berlaku di Sungai Semenyih dan di Sungai Selangor yang telah menjejaskan tujuh wilayah dan 1.192 juta pengguna akaun di negeri Selangor. Kita Yang Berhormat Dato' Menteri Besar, kita tak perlu pergi jauh kepada negeri Johor untuk melihat pencemaran sungai di Selangor. Sebenarnya sungai di Selangor ini pun telah tercemar ya oleh berbagai-bagai insiden. Yang terbaru ialah pencemaran bau. Di sungai Selangor, pencemaran bau, di sungai buluh kerana itu ya tumpuan harus lah diberikan untuk memastikan ya bahawa sungai-sungai di Selangor dapat dipulihkan segera.

Kerajaan Negeri Selangor ada menggariskan dasar pembersihan dan pembaikan pembangunan sungai Selangor sejak daripada zaman mengambil alih kerajaan. Sungai Klang misalnya ya berbagai dasar polisi telah dirancang daripada pembangunan sungai Klang sebagai kesinambungan ya *river of life*. Pelantikan konsultan, kajian-kajian yang telah dibuat dasar melantik beberapa 5 buah PBT untuk melaksanakan pembangunan keseluruhan Sungai Klang. Sungai Burong ingin pertama bertanya hari ini, apakah langkah-langkah yang telah apa orang kata konkrit dilaksanakan bagi memastikan Sungai Klang itu boleh cantik dan bersih sebagaimana diharapkan.

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB : Yang Berhormat.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

- TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Burong.
- Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Sungai Burong.
- TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Burong, pencerahan.
- Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Bolehlah, saya ingat Speaker boleh bagi tambahan.
- Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Saya nak tanya Timbalan Speaker boleh tak bagi laluan ini supaya masa saya di tambah sedikit?
- Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Tak apa, kita bagi setengah jam lagi. Semalam pun tak datang, kita ganti semalam punya waktu.
- Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih bagi laluan kepada sahabat Hulu Kelang.
- Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih. Terima kasih kakang.
- TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Hulu Kelang.
- Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** River Of Life projek siapa? Dan apakah kedudukan projek itu.
- Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ya.
- Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** River Of Life projek siapa? Dan apakah kedudukannya sekarang?
- TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Sungai Burong.
- Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** River Of Life itu bukan di Selangor. Yang saya cerita ini Sungai Klang. Daripada tempat hujung River Of Life sampai ke muara Sungai Klang. Di mana program perancangan, polisi telah diletakkan ya. Tindakan-tindakan ya, kajian pun telah dibuat. Khabarnya pembangunan di sungai ini pun telah pun akan dilaksanakan.
- Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Ok. Saya Gombak Setia sekejap.
- Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tetapi, saya nak melihat, ini wawasan yang besar. Sebagai orang kata, Menteri Besar yang boleh dapat sesuatu benda inisiatif yang baru. Kita, saya sebenarnya
- Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Yang Berhormat Sungai Burong.
- TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Burong. Gombak Setia.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Seronok kalau dapat nanti, Y.A.B. Menteri Besar bagi contoh. Inilah muara Sungai Klang yang bersih.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Orang boleh datang melihat air yang bersih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Beri laluan untuk..

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ikan boleh hidup. Ha...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Gombak Setia.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Sungai Burong, boleh bagi saya laluan, Pelabuhan Klang laluan berkenaan dengan Sungai Klang.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya setuju dengan program-program ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Burong nak bagi siapa? Gombak Setia ataupun Pelabuhan Klang.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ha..Pelabuhan Klang ok.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Kita nak bagitahu fasal Sungai Klang ini. Pelabuhan Klang. Ha.. Saya nak mintak nih Sungai Burong. Sungai Burong dah datang ke Sungai Klang belum sekarang ini.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Gombak Setia lepas ini ya.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Sekarang ini kalau tengok di Sungai Klang sekarang memang dah bersih. Dah banyak dah penambahbaikan yang kita dah buat dah. Sekarang ini memang dah ada sebuah kapal mesin 'Ocean Clean up'. Memang ada beroperasi 24 jam di Sungai Klang. Di kawasan Masjid Bandar Diraja. Saya rasa Sungai Burong dah lama tak datang tengok Sungai Klang ini. Dia tak datang. Semalam dia tak datang kan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Iyalah..

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Saya harap Sungai Klang boleh datang dan boleh rujuk kepada Cikgu Bandar Baru Klang. Bandar Baru Klang. Ha itu kawasan Y.B. Bandar Baru Klang.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Boleh...Bolehlah.. Bandar Baru Klang boleh bawa.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : sekarang ini kita dah bina, dah tengok dah Sungai Klang sangat-sangat bersih.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ok, saya faham. Pelabuhan Klang pun boleh bawa. Bukan kita nak tengok 'dredging' duduk korek. Saya nak melihat gini kalau boleh ada 'crusier'.. ha.. Ada kapal layar yang masuk Sungai Klang daripada Pelabuhan Sungai Klang sampai ke...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Burong, satu minit lagi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : ... itu dia.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Burong. Satu minit lagi..

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Y.B. Sungai Burong, 'Insyallah'. Tak lama lagi akan ada. Tak lama lagi akan ada selepas Sungai Klang dibersihkan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : 10 tahun. He..he..he..he..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Burong, pendekkan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Bolehlah kita berjanji. Harapan saya. Saya cabar Menteri Besar ini. Ha.. itu.. Tapi kita lihat hari ini, aduan-aduan rakyat datang, bawa TV 3, bawa media, tengok sungai-sungai kotor, busuk.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Itu makna, kita telus.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Sungai Buloh bau busuk, kilang plastik mencemarkan sungai. Ini hakikat. Ha..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Pendekkan. Satu minit lagi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Oh.. Satu minit. Saya ada satu perkara lagi..Ya, ya.

(Dewan bising)

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ya, ya. Mana nak laju, rezab tak cukup. Ha..ha..ha..ha.. Ok, Timbalan Speaker ya... Baru-baru ini telah tular dalam media sosial dengan kenyataan seorang Ahli Parlimen Kerajaan yang menyatakan persetujuan penerimaan zakat diagihkan kepada Bukan Islam di Negara ini. Ternyata kenyataan

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

tersebut ya, telah timbul berbagai reaksi. Namun, Mufti di Negeri Selangor ya. Telah menyatakan bahawa wang zakat ini hanya untuk asnaf di Negeri. Untuk mereka yang layak hanyalah asnaf daripada 4 November 2019. Satu kenyataan akhbar Yang Amat Mulia Sultan Selangor, selaku Ketua Agama Islam bagi Negeri Selangor dengan tegas menjelas, menyatakan bahawa wang zakat hendaklah diagihkan kepada lapan (8) golongan asnaf termasuk asnaf fakir miskin dan mualaf serta baru di kalangan umat Islam sahaja. Dan dalam keadaan sekarang ekonomi yang semakin mendesak, golongan-golongan ini yang semakin ramai yang belum mendapat akses dengan bantuan bantuan-bantuan. Maka, Sungai Burong menyokong ya.

(Dewan bising)

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Menyokong titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya apa ini. Golongan asnaf ini yang disebutkan hanyalah mereka ini yang layak untuk menerima zakat di Negeri Selangor. Jadi Saya ingat setakat itu ya, ucapan Sungai Burong pada bahagian, Pada Bajet pada kali ini. Sekian, terima kasih. 'Wabilahiitaufik walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi taalah wabarakatuh'.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Sungai Burong. Seterusnya. Meru.

(Dewan bising)

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOHKOTAR : 'Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh'. 'Bacaan ayat / doa'. Seandainya Allah Taala menurunkan Al-Quran yakni amanahnya ke atas gunung ganang, sudah pasti gunung ganang itu akan hancur berkecai kerana takutkan Allah S.W.T. Itulah perumpamaan, mudah-mudahan kamu berfikir. Terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Timbalan Speaker yang telah memberi ruang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan Belanjawan 2020 Negeri Selangor pada tahun ini. Saya ingin melakarkan ucapan tahniah kepada Menteri Besar dan pasukannya kerana telah membentangkan satu belanjawan yang seimbang, dalam suasana dunia bergelut dengan perang dagang yang meruncing antara Amerika Syarikat dan China yang serba sedikit memberi kesan yang besar kepada ekonomi dunia termasuk Negara kita. Sebagai negeri terkaya di dalam Malaysia, dan juga penyumbang terbesar kepada KDNK Negara, sudah pasti cabaran Negeri Selangor dan juga tanggungan Kerajaan Negeri Selangor amat hebat untuk mengekalkan kedudukan ini.

Seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam belanjawan yang dicadangkan untuk tahun 2020, sebanyak 2.33 Bilion telah dicadangkan untuk tahun 2020. Beberapa aspek perlu dilihat di sini bahawa Kerajaan amat bergantung. Seperti mana yang kita ketahui kepada premium tanah dan hasil yang berkaitan dan kini tiba masanya untuk Kerajaan memikirkan kaedah baru dan juga strategik yang baru bagi memastikan hasil negeri dapat dikekalkan malahan dapat ditambah pada masa yang akan datang. Kerajaan Negeri telah mengumumkan penstrukturan semula IPR dan Skim Air Percuma dan ini merupakan salah satu tindakan yang amat wajar pada masanya supaya sasaran sebenar dapat dinikmati pada mereka yang berhak dan pada masa yang sama dapat menjamin kestabilan, kebajikan dan juga manfaat negeri terjamin dan berdaya maju pada masa kini dan juga pada masa akan datang. Walaupun isu ini dipolitikkan oleh setengah pihak dengan memberi gambaran yang tidak tepat. Namun suka saya ingatkan

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

pada pihak Kerajaan Negeri supaya lebih agresif untuk memberi pemahaman dan penerangan kepada rakyat dengan lebih jelas dan perlu kita akui beberapa kelemahan kita yang perlu kita perbaiki untuk kebaikan kita bersama.

Kita menyambut baik dan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Selangor kerana telah berjaya mengambil alih Konsesi Air Selangor setelah bertarung dengan pihak yang berkenaan selama hampir lebih 10 tahun. Dalam Belanjawan 2020 ini, Kerajaan Negeri Selangor mencadangkan untuk menyalurkan sebanyak RM 124 juta untuk menggantikan paip usang sepanjang 150km. Ini tindakan yang amat perlu malahan tindakan ini bukan sahaja wajib dilaksanakan, tetapi banyak lagi paip-paip yang perlu diganti kuantitinya. Yang boleh dikatakan keseluruhan paip-paip yang ada di Negeri Selangor ini usang dan amat perlu diganti. Seperti mana yang kita ketahui, beberapa kes pencemaran air sungai seperti Sungai Semenyih dan lain-lainnya telah mencacatkan reputasi Kerajaan Negeri. Perkara yang mustahak dan penting ini perlu diberi perhatian serius oleh pihak Kerajaan Negeri dan perlu kita membuat secepat dan juga tindakan. Siasatan dan juga tindakan. Terima kasih ya Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tercakap Jawa. Kepada pihak-pihak yang mungkin telah melakukan sabotaj atau pengkhianatan yang mana pihak Kerajaan Negeri perlu bertindak tegas dan mengambil tindakan pada pihak yang terlibat, termasuk agensi yang lalai atau leka dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Dalam konteks pelaburan saya di sini mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat EXCO Pelaburan kita yang terus mengekalkan nilai pelaburan yang tinggi di dalam negeri kita. Namun beberapa kelemahan-kelemahan contohnya pemprosesan permohonan itu harus disegerakan kerana bagi peniaga masa itu cukup penting yang akan memberi kesan kelewatan itu menyebabkan mereka tawar hati untuk meneruskan pelaburan di dalam negeri kita. Walaupun isu ini mungkin dianggap terpencil, tetapi boleh menghilangkan minat pelabur dan ini akan merosakkan reputasi Kerajaan Negeri itu sendiri kerana bagi para pelabur dan peniaga seperti mana yang saya sebutkan tadi, masa memainkan peranan penting bagi mereka dan dalam pada masa yang sama juga, saya mengharapkan bahawa pihak-pihak kerajaan yang berkenaan akan terus lebih agresif dan melibatkan juga ADUN-ADUN untuk terlibat secara langsung dalam aktiviti-aktiviti pelaburan supaya dapat diberikan pendedahan dan juga dapat memperkenalkan kawasan mereka untuk diperkenalkan di peringkat yang lebih tinggi.

Berkaitan dengan isu PBT, saya mendapat aduan setengah PBT lewat membuat pembayaran terhadap kerja perkhidmatan KDEB. Ini dibimbangi kelewatan ini akan mengganggu operasi pembersihan yang mana kita sedia maklum aspirasi Kerajaan Selangor untuk memastikan 'Keep Selangor Clean' berjaya dengan izin. Sewajarnya KDEB dipermudahkan urusannya memandangkan ia merupakan anak syarikat Kerajaan Negeri yang setakat ini bagi saya telah melaksanakan tugas mereka dengan baik. Namun dengan perkembangan semasa, dengan pertambahan penempatan baru, bilangan penduduk dan jumlah sampah yang pasti akan bertambah, yang sewajarnya bilangan kutipan sampah dan strategik pembersihan perlu dipertingkatkan. Saya menyedari kos akan bertambah. Namun harus kita ingat, kegagalan kita menguruskan sampah semata-mata ingin berjimat-cermat akan memberi kesan yang besar kepada kesihatan dan kesejahteraan warga Selangor itu sendiri. Malahan penyakit berjangkit akan tersebar seperti denggi yang kita sedia maklum, kita menjuarainya setiap tahun. Isu sampah ini, isu yang cukup besar yang perlu

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

diberikan perhatian serius oleh Kerajaan Negeri yang saya yakin bukan masalah ini hanya berlaku di DUN saya, tetapi juga melibatkan DUN-DUN wakil rakyat yang lain.

Dan antara perkara yang kita perlu ambil serius adalah soal pendidikan kepada warga ataupun kepada rakyat Negeri Selangor itu sendiri. Pendidikan ini perlu dimulakan daripada awal. Saya mengambil contoh bagaimana yang telah dilakukan oleh Kerajaan Jepun sewaktu saya mengadakan lawatan ke sana secara tidak rasmi. Nanti kata rasmi guna peruntukan pula, perlu dijelaskan. Yang mana saya melihat sendiri bagaimana sikap penduduk mereka masing-masing bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan. Di Bandar raya Tokyo, bagi.. nanti lupa idea. Duduk dulu. Sekejap lagi, sekejap lagi.

(Dewan bising)

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Tak ada, nampak takut, besar sangat.

(Dewan bising)

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Ha ya. Ok, Kerajaan Jepun, bagaimana mereka, sikap rakyat mereka, yang telah dididik daripada kecil, daripada pra sekolah soal kebersihan. Soal kebersihan bagaimana di Bandar raya Tokyo itu sendiri, kita susah nak jumpa sampah dalam masa yang sama nak jumpa tong sampah pun susah. Dan saya sendiri melihat di hadapan mata saya, bagaimana adanya warga asing yang membuang sampah merata-rata. Datang penduduk rakyat Jepun, warga Jepun mengutip sampah itu dan masukkan dalam poket mereka tanpa berkata apa-apa. Dan bila saya bertanya kepada teman saya, kenapa tak tegur ke, tak marah dan sebagainya, dan dia kata tak perlu nak tegur dan marah. Kalau ditegur dan marah, mereka akan melenting. Jadi mereka memberikan pendidikan dengan perbuatan. Bukan dengan kata-kata yang akhirnya warga asing ataupun mereka orang-orang luar sendiri akan terikut dengan cara kehidupan mereka dengan menjaga kebersihan.

Jadi perkara ini boleh dipraktikkan di dalam negara kita, dengan kita sendiri memberi penekanan, pendidikan soal kebersihan ini daripada kecil lagi. Khususnya kepada anak-anak kita yang belajar di sekolah rendah ataupun prasekolah, di prasekolah itu sendiri. Malahan di Jepun, sewaktu pra, prasekolah, mereka tidak mengajar anak-anak mereka membaca dan mengira, tetapi mereka menekankan soal moral dan akhlak supaya mereka menjadi manusia yang berdisiplin. Yang ini yang tidak wujud di dalam negara kita dan mungkin kita boleh gunakan sedikit peruntukan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Kursus Pendidikan Moral dan Akhlak. Kursus berkaitan dengan kebersihan ini daripada peringkat bawah.

Perparitan yang tidak terurus dengan baik juga menyumbang kepada permasalahan sampah ini. Malahan kalau di Meru ini faktor perparitan yang tidak diurus antara faktor utama berlakunya banjir kilat. Disini juga saya ingin merakamkan, jutaan terima kasih dan penghargaan yang amat sangat kepada Y.A.B Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Selangor yang telah memberikan peruntukan khusus untuk DUN Meru untuk membaiki prasarana, perparitan dan saliran dan juga beberapa kawasan lain. Mudah-mudahan murah rezeki Menteri Besar dan juga pasukannya. Dan diharapkan tahun hadapan ditambah lagi peruntukan.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Namun perlu di ingatkan, pembaikan infra semata-mata tanpa kesedaran masyarakat tidak akan mendatangkan kesan seperti yang diharapkan. Pihak kerajaan dan agensi berkaitan, pihak swasta mahupun individu-individu perlu didedahkan kesedaran soal kebersihan ini dengan menganjurkan program-program kesedaran samada secara tradisional ataupun moden seperti ceramah, risalah khutbah jumaat dan tindakan undang-undang yang tegas. Disiplin perlu diterapkan diperingkat awal lagi seperti mana yang telah saya nyatakan tadi. Menyentuh soal Pendidikan, Modal Insan adalah aset yang sangat penting untuk pelaburan Modal Insan pada masa akan datang. Pertambahan bajet pada tahun ini dalam sektor ini menunjukkan Kerajaan Negeri amat menitik beratkan soal pendidikan.

Sebagai contoh Ringgit Malaysia 10 juta - Program Tuisyen Rakyat membuktikan Kerajaan tidak mengabaikan rakyat yang berpendapatan rendah untuk turut berjaya dalam bidang ini. Pendidikan awal serta peringkat tertinggi diperuntukkan, untuk melahirkan generasi hadapan yang cemerlang. Namun, sedikit mengecewakan, bagi saya apabila belanjawan kali ini, tidak menyentuh langsung berkaitan dengan institusi pengajian yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor itu sendiri iaitu UNISEL.

Yang sewajarnya mendapat perhatian serius Kerajaan Negeri untuk membantu dan meningkatkan prestasi dalam persada dunia. Fasiliti dan kemudahan bertaraf antarabangsa telah tersedia, tetapi malangnya, sebelum ini Universiti menanggung hutang ratusan juta ringgit atas kelemahan urus tadbir yang mana ketika ini dimaklumkan, hutangnya hanya tinggal 40 juta ringgit, telah berjaya diuruskan. Tetapi kita melihat kejayaan ini hanya sebelah mata.

Namun, Alhamdulillah dalam lawatan saya dan juga beberapa ADUN yang bersama ke UNISEL baru-baru ini, pihak pengurusan baru telah berjaya mengurangkan hutang UNISEL dengan cukup drastik. Bagi saya pihak Kerajaan Negeri perlu membuka mata dan bagi perhatian yang serius untuk membantu pihak UNISEL untuk mengatasi masalah mereka, supaya UNISEL akan menjadi sebuah institusi yang unggul di Negara ini.

Saya yakin UNISEL akan berjaya ke arah itu, dengan bantuan yang serius dari pihak Kerajaan seperti peruntukan kewangan dan bantuan-bantuan yang lain. Untuk makluman, macam bantuan dari segi Geran untuk membuat *research* (dengan kebenaran), langsung tidak pernah diberi kepada Pihak UNISEL. Malahan, bantuan terakhir direkodkan kepada pihak UNISEL RM 2 juta telah diberikan pada tahun 2018. Tahun lepas tiada sebarang bantuan dan diharapkan pada tahun hadapan, adalah bantuan yang boleh diberikan kepada pihak UNISEL untuk memajukan dan juga menyelesaikan permasalahan mereka.

Yang mana, kalau kita lihat beberapa perkara atau pun isu yang timbul menyebabkan pihak UNISEL, tidak dibenarkan untuk membuat kerjasama dengan pihak institusi luar dan tidak dibenarkan mengambil pelajar antarabangsa sedangkan ini antara perkara yang memberi pendapatan yang besar kepada pihak Universiti itu sendiri.

Jutaan tahniah juga kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor yang terus mengekalkan Program IPR kepada rakyat. Saya mencadangkan program seperti Skim Peduli Sihat, KISS dan bantuan yang disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah, bukan sahaja diteruskan malahan disebarluaskan bagi pelaksanaannya dan sewajarnya golongan inilah yang wajib di bantu dahulu untuk memastikan hak mereka terus terbelah.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Antara permasalahan serius yang wujud di dalam DUN Meru, selain daripada masalah banjir yang telah menjadi identiti wajib bagi DUN Meru, adalah berkaitan isu peniaga haram warga asing yang berselindung di sebalik warga tempatan. Disesetengah tempat, sekiranya pihak-pihak yang berkenaan boleh hadir dan melihat, kita akan merasakan di kawasan itu seolah-olah berada di luar negara.

Kita tidak berada di Malaysia. Ada tempat-tempat kalau yang kita pergi di DUN Meru, kita ini seolah-olah berada di Bangladesh, seolah-olah berada di Nepal, malahan pekerja-pekerja asing ini dengan sewenangnyanya, mereka membuka pasar malam tanpa sebarang kawalan. Ada rumah-rumah yang dijadikan sebagai rumah makan dan kedai runcit. Walaupun pihak MPK berkali-kali telah mengadakan tindakan seperti serbuan dan sitaan pada waktu pagi, petang mereka dan buka balik. Dan kalau kita lihat, tindakan mereka bukan sahaja mencabar pihak berkuasa tetapi menunjukkan betapa seriusnya permasalahan ini sehingga mereka berani membelakangi undang-undang dan juga mereka berani untuk mengenakan tindakan sedemikian kepada pihak...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Pelek ingin mencelah.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Okey Silakan.
Jangan tanya yang pelik-pelik ya...(ketawa)

Y.B TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Apa kata Meru, kalau orang asing yang tidak sepatutnya berniaga, kalau di dapati menggunakan lesen, apa kata PBT mengambil tindakan termasuk patahkan lesen itu. Apa pandangan Meru?

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih kepada Sungai Pelek. Ini yang saya nak sambung atau jelaskan di sini. Yang mana kita lihat, yang menjadi permasalahan utama, kebanjiran peniaga warga asing tanpa kebenaran apabila adanya warga tempatan yang melindungi mereka ataupun memberi premis mereka sebagai tempat berniaga. Sebagai contoh, apabila pihak PBT, datang untuk membuat pemeriksaan dan tindakan, PBT ini hanya boleh mengenakan tindakan sekiranya mereka tiada lesen atau pun yang berkaitan.

Tetapi, mereka tidak boleh menangkap ataupun sebagainya dan pada ketika itulah, pemilik kedai akan datang, dia kata "okey, ini pekerja dia...", jadi pihak PBT tidak boleh buat apa-apa. Sebab itu saya amat menyokong tindakan pihak Kerajaan, dengan melaksanakan inisiatif penyerapan Skim Penguatkuasaan PBT kepada Skim Polis Bantuan. Ini satu idea yang cukup baik, yang memberi kuasa yang lebih besar kepada pihak PBT untuk mengenakan tindakan kepada warga tempatan yang melindungi warga asing ini.

Saya mengharapkan kita sama-sama memikirkan mungkin untuk mewujudkan undang-undang baru yang boleh dikenakan ke atas warga tempatan yang memberi perlindungan kepada warga asing ini berniaga. Sebab perkara ini perkara yang cukup serius. Bukan sahaja mengganggu kehidupan masyarakat tempatan, tetapi menghalang warga tempatan untuk berniaga. Dan sewajarnya perkara ini diambil serius...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Meru, dua (2) minit lagi...dua (2) minit lagi...

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : ...dan juga diberikan tindakan yang tegas kepada pihak yang berkenaan.

Selain isu yang disebutkan tadi, isu jalan juga merupakan isu yang cukup popular di Meru. Antara penyebab utama kerosakan jalan-jalan di Meru adalah disebabkan oleh kualiti jalan tidak sesuai digunakan oleh kenderaan berat. Struktur bumi yang bertanah gambut juga menjadi penyebab jalan mudah rosak. Saya mencadangkan kepada pihak JKR, dapat memikirkan solusi untuk tidak membenarkan lori lebih muatan untuk melalui jalan tersebut dan tidak membenarkan melalui jalan-jalan kampung.

Saya mengucapkan jutaan tahniah kepada Pejabat Daerah Klang dan juga Pejabat Daerah Petaling yang telah memberi kerjasama yang cukup baik kepada pihak saya yang mana setiap aduan, mereka bertindak dan juga terus mengenakan tindakan tegas kepada mereka yang menyalahgunakan permit lori dan sebagainya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menegur, untuk tindakan, yang mana kalau kita lihat kualiti kerja pembaikan jalan yang dilakukan amat mengecewakan. Sebagai mana kalau Yang Berhormat sekalian boleh melihat di *youtube*, bagaimana Pelabuhan Klang, baru-baru ini dengan hanya kakinya sahaja, maka terungkailah tar itu. Maknanya, kualiti itu amat rendah. Kualiti turapan sekadar sambal lewa sahaja dan saya sendiri rasa ini satu pembaziran dan kerugian yang besar kepada Kerajaan yang menghabiskan duit jutaan ringgit untuk membuat pembaikan tetapi, dengan sikap tidak acuh daripada pihak kontraktor menyebabkan kita berbelanja banyak tetapi hasilnya tidak memuaskan satu perkara yang kita perlu ambil serius dan pantau. Dan mungkin ada pihak-pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan untuk mendapat keuntungan lebih. Yang ini juga perlu diambil perhatian.

Dan yang terakhir, saya nak menyentuh sedikit berkaitan isu agama dan sukan. Alhamdulillah Kerajaan Negeri Selangor tidak melupakan tentang pemantapan syiar Islam di dalam Negeri ini.

Peruntukan Elaun Untuk Jawatankuasa Masjid Dan Surau menunjukkan prihatinnya Kerajaan Negeri dalam memastikan kebajikan dan gerak kerja penggerak syiar ini terbela dan diteruskan. Namun, agak mendukacitakan apabila sesetengah pihak menggunakan masjid dan surau sebagai medan politik yang mana ia bukan sahaja mencemarkan islam dan mewujudkan perpecahan, malahan melanggar Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor supaya bebas dari politik kepartian dan juga menjadikan tempat ibadat ini sebagai tempat menyatupadukan ummah.

Alhamdulillah baru-baru ini difahamkan, pihak JAIS telah menerima Ketua yang baru, yang difahamkan juga Pengarah JAIS yang baru terdiri daripada bekas kakitangan mereka sendiri. Saya mengharapkan, ada perubahan yang besar dan juga memastikan kakitangan JAIS ini akan melaksanakan amanahnya dengan telus dan jujur dan tidak menjadikan ia sarang pembangkang untuk menyalahgunakan masjid dan juga surau.

Dan juga dari soal agama, saya mengharapkan, Kerajaan Negeri seiring dengan Kerajaan Persekutuan dalam menerapkan konsep-konsep *Rahmatan lila'lamin* di dalam Negeri

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Selangor itu sendiri yang mana supaya kita dapat menurunkan peruntukan-peruntukan Kerajaan Persekutuan ke dalam Negeri Selangor itu sendiri.

Dan yang terakhir berkaitan dengan Sukan. Anak muda Selangor adalah generasi yang akan memimpin kita pada masa akan datang. Aktiviti riadah yang berkualiti perlu disediakan bagi mengisi masa mereka dengan aktiviti yang berfaedah. Banyak infra sukan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan tetapi tidak diselenggara dengan baik. Saya cadangkan setiap DUN disediakan peruntukan khusus untuk menyediakan prasaranan sukan yang baik untuk warganya. Saya memohon Kerajaan Negeri untuk menyalurkan bantuan dan membina pusat sukan atau riadah di DUN Meru yang mana sehingga kini, DUN Meru tiada langsung pusat riadah. Adapun padang bola dan gelanggang sukan di taman perumahan yang uzur dan tidak diselenggara. Sedangkan situasi ini amat diperlukan di Meru.

Bagi memastikan Selangor kembali sebagai Gergasi Bola Sepak Negara. Program khusus untuk melahirkan pemain bola sepak yang berkualiti, harus dimulakan dari awal lagi. Peruntukan mencari pemain dan program latihan secara serius perlu difikirkan oleh Kerajaan Negeri dengan Presiden baru iaitu Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor akan dapat menjayakan hasrat ini. Pasukan JDT yang kasihi oleh Menteri Besar Selangor boleh dijadikan contoh...haa, terkejut dia (ketawa), iaitu Tengku Mahkota Johor telah Berjaya membawa JDT sebagai sebuah pasukan yang amat berkualiti pada masa kini.

Saya yakin, dengan sokongan penuh yang kita berikan kepada Raja Muda Selangor, akan merealisasikan pasukan Selangor kembali sebagai pasukan yang amat digeruni di Negara ini... (tepek meja).

Dengan itu, disebabkan masa tidak mengizinkan, saya menutup perbahasan saya dengan sokongan penuh kepada Belanjawan Selangor 2020. Sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Meru. Seterusnya saya menjemput Bukit Melawati.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatu dan salam sejahtera. Terima kasih Puan Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada Bukit Melawati untuk membahaskan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Negeri Selangor untuk tahun 2020 pada sesi kali ini.

Puan Timbalan Speaker, syabas saya ucapkan kepada Y.A.B Sungai Tua di atas pembentangan ucapan belanjawan Negeri Selangor bagi Tahun 2020 berjumlah 2.33 billion dengan defisit yang jauh berkurangan, berbanding tahun lalu iaitu 133 juta ringgit. Syabas juga kepada Dato' Pegawai Kewangan Negeri dan seluruh pasukan beliau yang bertungkus lumus memastikan perbelanjaan yang berkhemah dan berintegriti ini dapat dihasilkan disamping memenuhi hasrat rakyat.

Adalah suatu yang dijangkakan untuk sesebuah Kerajaan mengalami defisit bajet dalam keadaan ekonomi yang mencabar dan gawat. Namun, hakikat bahawa Kerajaan Negeri Selangor merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK Negara berjumlah 23.7% dan

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

bercita-cita untuk terus menyumbang pada kadar yang lebih besar iaitu 30%, wajar diraikan dan dihargai oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

Kita berganding baru dalam membangun bangsa dan negara, maka bantuan dan perhatian Kerajaan Persekutuan dalam menyuntik dana khususnya bagi perbelanjaan pembangunan amatlah diharapkan.

Dalam ruang perbelanjaan yang agak terhad ini, adalah dilihat wajar Kerajaan Negeri untuk mengurangkan perbelanjaan bagi sektor yang kurang mewujudkan peluang pekerjaan dan memberikan fokus serta tumpuan kepada sektor yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi dan mencipta peluang pekerjaan baharu. Penciptaan peluang pekerjaan membolehkan rakyat mempunyai kuasa membeli yang lebih tinggi dan dapat berbelanja dengan lebih selesa kerana hal ini akan merangsang pertumbuhan ekonomi malah menyumbang kepada kesejahteraan dan kegembiraan rakyat. Dan kegembiraan rakyat ini dapat diukur melalui *global happiness index*. Justeru itu langkah Kerajaan Negeri untuk meneroka industri euro angkasa dalam bidang latihan, pembuatan dan perkhidmatan di negeri ini yang dijangka mencatatkan peningkatan sebanyak 8% pada akhir tahun 2019, merupakan antara pelaburan yang wajar disokong.

Ini kerana untuk jangka masa yang panjang, dijangka penciptaan 32,000 pekerjaan berpendapatan tinggi serta pendapatan tahunan sejumlah 55.2 bilion di sasarkan untuk dicapai menjelang 2030 kelak, bakal memberikan manfaat yang besar kepada Kerajaan Negeri yang akhirnya dapat dinikmati oleh rakyat.

Puan Timbalan Speaker, saya juga berpendapat bahawa Kerajaan Negeri wajar memberikan perhatian kepada Kumpulan M40. Tidak bermakna kita mengetepikan Kumpulan B40 tetapi perlu ada program dan dasar baharu untuk memberdayakan ekonomi masyarakat kelas menengah yang merupakan kumpulan terbesar di Negeri Selangor iaitu mewakili 43% pada kadar pendapatan isi rumah di Negeri Selangor. Menurut data daripada Khazanah Research Institute pada tahun 2014 berbanding dengan Kumpulan B40 mewakili 22.3% dan manakala T20 mewakili 34.8%.

Pembedayaan ekonomi serta sistem sokongan bagi kelangsungan hidup yang mampan dan lestari oleh rakyat, dalam kalangan Kumpulan M40 juga tidak kurang mustahaknya kerana kumpulan ini adalah kumpulan yang terbesar dalam masyarakat. Namun menerima manfaat paling sedikit selain wajib membayar cukai. Saya pohon pihak Kerajaan Negeri untuk menyenaraikan apakah inisiatif atau program yang telah disediakan untuk manfaat rakyat Selangor dalam kalangan M40 ini. Ya mungkin tidak ramai yang perasan atau pun maklum kerana tidak di ketengahkan.

Puan Timbalan Speaker saya bergerak kepada tajuk pencemaran Sungai Buloh. Pada 22 dan 23 Oktober yang lalu, isu pencemaran Sungai Buloh ini telah mendapat perhatian segmen aduan rakyat yang telah disiarkan di Buletin Utama TV3. Merupakan antara isu yang masih belum diselesaikan oleh pihak Kerajaan Negeri. Pencemaran ini menjejaskan imej Kuala Selangor sebagai destinasi pelancongan serta menjejaskan aktiviti pendapatan para nelayan. Pencemaran ini telah memberi pelbagai kesan langsung kepada penduduk sekitar serta para nelayan. Antaranya bau yang busuk akibat sungai yang hitam serta pembuangan sampah daripada aktivis sekitar. Air sungai yang tercemar dan berbau ini juga mengakibatkan habitat hidupan sungai mati serta kebun kerang yang rosak yang tidak

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

dapat mengeluarkan hasil. Dan apabila air surut pula, menjadikan kawasan pembiakan nyamuk yang menyebabkan ramai penduduk yang jatuh sakit serta kemungkinan pembuangan sisa bahan kimia atau sisa buangan penternakan ke dalam sungai.

Saya amat kesal kerana isu yang berlarutan sejak sekian lama ini tidak diambil tindakan yang serius dengan kadar segera walaupun bacaan indeks kualiti air IKA, menunjukkan trend penurunan di Lembangan Sungai Buloh dan kini merupakan sungai yang paling tercemar di Negeri Selangor. Data daripada Jabatan Alam Sekitar menunjukkan indeks kualiti Lembangan Sungai Buloh yang merosot sejak tahun 2013 iaitu pada kadar bacaan 60 pada 2013 turun kepada 56 pada 2014. Pada 2015, 63 seterusnya 61, 2017 64, 2018 turun kepada bacaan 59 dan yang terkini Februari 2019 pada bacaan 53. Dan ini adalah pada tahap sungai yang tercemar. Dan Sungai Selangor yang tercemar selepas Sungai Klang, Sungai Klang pada bacaan 68 tetapi Sungai Buloh pada kadar 53. Namun saya ingin ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Kajang serta beberapa agensi berkaitan seperti LUAS dan Jabatan Alam Sekitar yang banyak memberikan kerjasama dan maklum balas dalam melihat isolasi terbaik kepada permasalahan ini. Sejak perkara ini dibincangkan dalam mesyuarat bersama EXCO Alam Sekitar, pihak LUAS terutamanya sentiasa memberikan maklum balas dan menjalankan siasatan segera agar isu ini dapat ditangani dengan baik. Syabas saya ucapkan.

Dan saya memohon agar pihak Kerajaan Negeri dapat memberikan maklum balas terkini atas status siasatan dan pemantauan ke atas isu pencemaran Sungai Buloh setakat hari ini serta bagaimana pelan tindakan Sungai Buloh dapat mengawal dan mencegah isu ini daripada berulang lagi. Saya menggesa pihak Kerajaan Negeri untuk menubuhkan satu *task force* khas yang terdiri daripada semua jabatan berkaitan. Jabatan Alam Sekitar, LUAS, Majlis Daerah Kuala Selangor dan semua pemegang taruh, agar kita dapat mencari punca sebenar dan menyelesaikan isu ini *once and for all* dengan izin. Selain itu juga ya Bukit Gasing.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Melawati, silakan Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Saya tertarik dengan isu pencemaran sungai sebab saya pun sangat-sangat hendak melihat sungai kita jernih dan bersih. Tetapi isu pokoknya ialah *all this face water*, air yang terpakai, air yang kotor ini daripada premis rumah, premis kedai, premis pasar, premis kilang yang ini masuk ke dalam longkang dan longkang mengalir ke dalam sungai. *So, this is not of* nak cari satu orang yang merosakkan sungai, *it this* beribu-ribu orang, *nor are we as law makers, we are as elected raps, willing to stuck the enforcement* dengan izin terhadap premis-premis ini sebab saya kira separuh daripada restoran di Negeri Selangor ini akan kena saman kalau kita hendak *strict* terhadap air kumbahan ini. Dan kalau air daripada dapur, air daripada mana-mana sinki kena masuk ke dalam Indah Water dan bukannya masuk ke dalam longkang. Bersediakah kita untuk *enforcement* ini.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing, dalam isu pencemaran Sungai Buloh ini kita sebenarnya telah mendapati beberapa faktor. Ini semua adalah kerjasama pihak Jabatan yang telah menjalankan siasatan kerana Lembangan Sungai Buloh ini amat panjang merentasi 2 daerah. Petaling Jaya dan juga daerah, *sorry* dari Petaling dan juga Kuala Selangor sepanjang 524km, eh *sorry* 64.1km. Jadi di Sungai Buloh pencemaran ini agak spesifik kerana terdapat bau busuk dan hitam

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

setelah atau pun selepas kawasan perindustrian Ijok di mana antara punca kemungkinan adalah perkilangan, ada 2 yang telah dikenal pasti dan juga kawasan perladangan ataupun penternakan. Jadi Puan Speaker, saya teruskan, saya juga ingin mengetahui pihak Kerajaan dapat memberikan status kajian kebersihan Lembangan Sungai Buloh serta kajian inventori aktiviti guna tanah dalam 50 meter *reserve* Sungai Buloh pada ketika ini. Apa statusnya kerana saya memohon pihak Kerajaan dapat memaklumkan Dewan yang mulia agar rakyat khususnya yang terkesan dengan pencemaran ini dapat maklumat yang sebenar. Dan mungkin juga pihak Kerajaan Negeri boleh membawa teknologi baru *interceptor* yang baru dimulakan di Sungai Klang untuk dibawa ke Sungai Buloh bagi melihat bagaimana alat kutipan sampah ini dapat membantu ke arah penambahan kebaikan dan kebersihan kualiti air Sungai Buloh.

Dalam Belanjawan 2020 juga telah dikatakan bahawa pihak Kerajaan Negeri melaksanakan pendekatan pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu atau Integrated Riverbasemen Management yang memerlukan penglibatan semua pihak bagi menjamin kelestarian sumber air dan selaras dengan Sustainable Development Goals di peringkat global dan sehingga kini dianggarkan 16 *friends of river* diwujudkan di Lembangan Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang. Saya ingin mencadangkan agar pihak Kerajaan Negeri dapat menjadikan Sungai Buloh juga sebagai kawasan tumpuan aktiviti *friends of river* sebagai langkah menjaga kebersihan dan kelestarian kehidupan sungai.

Puan Timbalan Speaker, saya menyambut baik cadangan Kerajaan Negeri untuk membuka lebih banyak kawasan pertanian yang berteraskan kepada konsep tanaman berpenghasilan tinggi *high value crock* iaitu dengan optimum kan kawasan kecil bagi penghasilan yang tinggi melalui penggunaan teknologi moden bagi meningkatkan pendapatan negeri. Sejumlah RM23.59 juta telah diperuntukkan bagi tujuan pertanian dan saya amat tertarik dengan konsep *Smart Farming* yang bakal diketengahkan selaras dengan trend ke arah revolusi pertanian 4.0. Untuk masa itu saya ingin menawarkan pihak Kerajaan Negeri untuk melihat potensi ini di daerah Kuala Selangor dengan cadangan penubuhan sebuah pusat R&D pertanian yang menyediakan fasiliti teknologi moden serta sebagai pusat bimbingan pertanian dengan kerjasama sektor swasta dan pihak universiti yang boleh mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi kepada anak muda dan graduan universiti. Dan ini dapat mengekalkan bakat anak muda dan menjana ekonomi setempat yang mana ia dapat mengurangkan kadar migrasi anak muda ke bandar. Malah ini juga dapat menarik golongan profesional untuk melibatkan diri dalam sektor pertanian.

Dan konsep tanaman berpenghasilan tinggi ini dapat menawarkan sumber ekonomi kepada penduduk kampung di Kuala Selangor dan seluruh negeri. Saya sentiasa menyokong usaha ke arah peningkatan penghasilan bekalan makanan dalam negeri dan mengurangkan kebergantungan import kerana ini membolehkan kawalan harga makanan dan mewujudkan peluang ekonomi dalam negeri. Namun kita harus mempelbagaikan sumber tanaman makanan bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi dalam sektor pertanian.

Puan Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM9.7 juta untuk tujuan pembangunan industri pelancongan di Negeri Selangor. Saya bersetuju dengan langkah membangunkan pangkalan data pelancongan Negeri Selangor yang sepatutnya telah lama dibangunkan bagi tujuan yang lebih strategik untuk menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Selangor kerana perancangan dasar dan polisi strategi akan lebih

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

tepat dan berkesan melalui maklumat berdasarkan pengumpulan data atau Data Information.

Namun saya ingin bertanya adakah Kerajaan Negeri telah mempunyai sebuah Blue Print Pelancongan atau Tourism Master Plan. Saya fikir kita amat memerlukan sebuah pelan induk pelancongan sebagai persediaan kita untuk tahun Melawat Selangor 2021 yang merangkumi Pelan Strategik Pembangunan dan Promosi Pelancongan Kebudayaan dan Warisan di negeri ini serta melihat infrastruktur pembangunan yang lebih baik bagi menyokong usaha ini. Dan jangan dilupakan daerah Kuala Selangor mempunyai pelbagai keunikan pelancongan untuk ditawarkan seperti tempat bersejarah Kota Melawati, Kota Tanjung Keramat, Bukit Raja, Makam Diraja Bukit Melawati, Rumah Api selain klip-klip Kampung Kuantan, Taman Alam sasaran Galeri dan Sky Mirror. Semuanya ini di bawah DUN Bukit Melawati, jadi jom melancong dan melawat Kuala Selangor.

Tuan Timbalan Speaker, perkara akhir yang ingin saya bangkitkan adalah berkaitan pencegahan dan pengurusan banjir. Banjir dan Selangor tidak dapat dipisahkan, jika tidak Meru, Kuala Selangor jika tidak Kuala Selangor, Subang Jaya. Sama ada banjir kilat mahupun banjir akibat fenomena air pasang besar, perkara ini seolah-olah menjadi bencana tahunan di Negeri Selangor. Baru-baru ini daerah Kuala Selangor mengalami bencana banjir akibat fenomena air pasang besar dan hujan lebat setiap hari serta faktor lain yang melibatkan limpahan air Sungai Buloh ke Kampung Parit Mahang, Kampung Ijok, Kampung Jaya Setia dan limpahan air Sungai Selangor ke Kampung Tanjung Siam yang menjejaskan sehingga 912 orang penduduk.

Saya berharap agar pihak Kerajaan Negeri dapat berperanan dengan lebih efektif dalam mendesak Kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Buloh yang telah tertangguh sebelum ini. Saya pasti hasrat dan perancangan pihak Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu banjir telah lama dibincangkan. Namun mengapa mengambil masa terlalu lama sehingga rakyat berdepan dengan banjir setiap tahun.

Tahun lalu, penduduk Kampung Asahan terpaksa bermalam seminggu di Pusat Pemindahan. Tetapi alhamdulillah tahun ini setelah projek pam air yang baharu dengan teknologi *screw pump* bernilai 4.4 juta telah siap dan beroperasi. Alhamdulillah Kampung Asahan tidak dilanda banjir tetapi Kampung Tanjung Siam pula dilanda banjir. Jadi saya ingin bertanya apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi penyelesaian isu banjir di Negeri Selangor ini. Khususnya di Daerah Kuala Selangor kerana kita berdepan dengan masalah banjir setiap tahun. Saya tidak mahu lagi ada penduduk kampung yang berdepan dengan bahaya dan risiko banjir pada tahun hadapan mahupun penghujung tahun ini.

Mesti ada mekanisme pencegahan apabila Unit Bencana Negeri telah mendapat ramalan awal fenomena air pasang besar sebagai contoh dan jumlah tadahan air hujan bagi setiap bulan atau setiap hari maka sewajarnya pihak mampu untuk memikirkan langkah-langkah pencegahan sebelum banjir ataupun fenomena itu melanda.

Sama ada kita nak buat *Retention Point* ataupun Parit Monsun semua ini harus dibuat lebih awal bukannya dah jadi banjir baru dicadang nak buat. Tahun depan kita tak pasti lagi dah buat ke belum kerana saya alami ini setiap tahun. Penduduk Kuala Selangor alami setiap

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

tahun. Jadi kos dan kerugian itu sebenarnya adalah lebih besar berbanding sekiranya kita invest ataupun laburkan dalam projek pencegahan tu..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Melawati, boleh pendekkan.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Yang terakhir, point yang terakhir, jadi dengan melihat keadaan ini saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri dapat menyalurkan peruntukan yang sewajarnya kepada pihak Unit Bencana atau jabatan berkaitan untuk menjalankan *R&D On Counter Measures Against Disaster* dengan izin khususnya penyelidikan saintifik dan teknikal dalam aspek pencegahan bencana serta keperluan projek-projek pembangunan dengan izin *to enhance the states ability to defend against disaster* dan melihat bagaimana Kerajaan Negeri dapat bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam hal ini. Dengan itu, Tuan Timbalan Speaker, Bukit Melawati memohon menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Bukit Melawati. Saya persilakan Sentosa. Silakan Sentosa.

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker yang saya hormati kerana memberikan Sentosa mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet Tahun 2020 yang dibentangkan. Tahniah dan syabas juga saya ingin ucapkan dalam dewan yang mulia ini kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor dan pasukan beliau yang berjaya membentangkan sebuah bajet yang holistik merangkumi semua lapisan masyarakat dalam Negeri Selangor. Terlebih dahulu saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau kerana telah menyelaraskan dan juga meluluskan elaun bulanan bagi ketua komuniti kaum India sebagaimana elaun Ketua Kampung Tradisi dan Ketua Kampung Cina sebanyak RM1,200.00.

Perkara ini dapat memberikan nafas baru kepada pemimpin-pemimpin akar umbi kaum India yang berkhidmat untuk masyarakat dalam membantu Kerajaan Negeri menangani isu-isu rakyat prihatin di luar sana.

Untuk makluman semua, KKI ataupun Ketua Komuniti India telah menunggu lebih daripada tempoh lima tahun bagi penyelarasan elaun ini. Kalau boleh *back dated* cantiklah. Baik. Penyelarasan elaun ini juga membuktikan bahawa Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tidak meng-anak tirikan pemimpin kaum India yang bersama memajukan serta menggembeling tenaga dalam pentadbiran perkhidmatan Kerajaan Negeri bagi melestarikan usaha sama bersama Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada EXCO Yang Berhormat Kota Kemuning yang juga telah berusaha keras di belakang tabir dalam usaha sama ini.

Kedua ialah berkenaan Bas Smart Selangor. Pengenalan RM1.00 tidaklah membebankan warga asing disamping kita juga dapat membezakan penggunaan ataupun pengguna warga tempatan berbanding warga asing. Bas Smart Selangor kini mempunyai lebih kurang 41 laluan di 11 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan termasuk Sentosa yang baru-baru dilancarkan. Cadangan saya ialah untuk memperkenalkan bas mini. Kita dapat menampung lebih banyak permintaan orang ramai di kawasan-kawasan perumahan, rumah kos rendah, kampung dan juga taman-taman yang lebih kecil berbanding kepada

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

jalan-jalan utama yang dapat dilalui dengan mudah dan juga saya percaya bas mini ini mungkin tidak menjejaskan kualiti jalan kerana saiznya lebih besar dan berbanding Bast Smart Selangor yang sedia ada yang lebih besar sekarang.

Perkara ketiga yang ingin Sentosa sentuh ialah mengenai pencegahan dan kawalan demam denggi. Sentosa mengambil kira perkara ini sangat serius dan perlukan perhatian yang sepenuhnya agar memastikan Negeri Selangor tercinta ini bebas dari Denggi sepenuhnya terutamanya Bandar Klang Diraja yang merupakan dalam kedudukan yang tinggi dan Sentosa mendahului minggu *epidemic* denggi mengikut statistik yang dikeluarkan oleh PKD Daerah baru-baru ini. Walaupun pelbagai aktiviti kesedaran serta gotong-royong telah dijalankan bersama namun Denggi ini amat sukar untuk dibanteras. Hal ini adalah kerana kurangnya kesedaran daripada masyarakat sendiri dan kebanyakan kawasan dipenuhi dengan penduduk warga asing yang tidak memahami *sentiment* dan budaya masyarakat Malaysia. Sentosa berharap penguatkuasaan yang serius harus dikuatkuasakan bagi membanteras masalah ini. Penggunaan tong sampah di setiap rumah, di setiap kedai, kedai-kedai komersial mesti dikuatkuasakan kerana kebanyakan tempat di rumah dan kedai-kedai tidak ada tong sampah dan di Majlis Perbandaran Klang telah memperkenalkan untuk membatalkan lesen kalau tidak ada tong sampah. Ini harus digalakkan.

Tuan Timbalan Speaker, perkara keempat yang ingin Sentosa sentuh berkenaan bajet kali ini adalah berkenaan dengan JKR. Sentosa mohon agar kawasan pembersihan yang dibawah seliaan JKR dipindahkan kepada PBT masing-masing agar pihak KDEB dapat melakukan pembersihan sepanjang jalan-jalan ini mahupun longkang besar. Hal ini adalah kerana skop kerja ataupun SOP JKR untuk pembersihan adalah enam bulan sekali dan perkara ini mengundang pelbagai masalah dan birokrasi atau pun. I nak tanya, saya nak tanya adakah JKR kekurangan bajet untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan? Melalui pemindahan ini kita dapat menyelia kerja-kerja pembersihan dari semasa ke semasa melalui pihak berwajib PBT.

Kelima ialah berkenaan Sukarelawan Hijau. Ini amat, cadangan yang amat cantik dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta, Sentosa percaya Kerajaan Negeri Selangor komited dalam menangani isu alam sekitar. Kita boleh menggunakan *platform* ini untuk memberikan kesedaran serta menjaga alam sekitar melalui aktiviti penanaman pokok dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, program-program yang berunsurkan kesedaran harus dititik beratkan dari bangku sekolah agar anak-anak muda di Negeri Selangor terutamanya akan lebih prihatin terhadap alam sekitar dan melahirkan sebuah generasi yang *sustainable* dengan izin. Berhubung dengan inisiatif Pusat Kitar Semula, Sentosa dengan berbesar hati mengalu-alukan tindakan ini. Hal ini adalah kerana walaupun Selangor maju tetapi pengurusan sampah di Selangor masih dalam keadaan yang boleh dipersoalkan. Dengan adanya pusat seperti ini, di bawah kawal selia PBT masing-masing Kerajaan Negeri dapat menjamin persekitaran kehidupan yang berkualiti.

Peruntukan sebanyak RM600 ribu ini mampu memberikan suntikan *energizer supplement* dengan izin kepada PBT di negeri untuk lebih komited dan menumpukan perhatian dalam menangani isu sampah.

Seterusnya, saya ingin juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor terutamanya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana memperkenalkan

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

program sistem dan memberikan peluang perniagaan serta kursus asas kepada masyarakat India di Negeri Selangor yang bercenderung kepada bidang perniagaan. Dana sebanyak RM1 juta diberikan untuk melaksanakan program ini yang akan memberikan manfaat kepada masyarakat. Namun sebelum ini, kita diperuntukan tambahan dana RM2 juta dan saya berharap dana ini dapat dikekalkan agar lebih ramai kumpulan B40 dan M40 dapat meningkatkan jurang pendapatan mereka.

Sentosa juga memohon Kerajaan Negeri memberikan perhatian kepada peniaga-peniaga kecil yang baru menceburi bidang perniagaan kecil-kecilan contohnya seperti lesen dan tapak perniagaan diberikan secara percuma selama enam bulan untuk memupuk kerajaan ataupun memupuk usahawan baru kecil-kecilan ini.

Selain daripada itu, Sentosa juga ingin memohon Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk memberi perhatian untuk membina sebuah pasar di kawasan DUN Sentosa kerana di DUN Sentosa tidak ada satu pun pasar. Right. Dengan adanya satu pasar yang sistematik, PBT dapat mengawal segala aktiviti dari segi lesen, kesihatan dan sebagainya yang mampu menjana pendapatan kepada PBT. Pasar-pasar pagi di kawasan tepi jalan dan longkang juga banyak mengundang masalah kepada orang ramai mahupun PBT dari segi keselamatan dan kebersihan akibat tiada kawalan yang rapi.

Seterusnya, saya ingin memohon Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan bagi inisiatif Pusat Tuisyen Rakyat Selangor atau lebih dikenali sebagai PTRS. Hal ini adalah kerana syarat bagi layak untuk mengikuti tuisyen ini adalah gaji ibu bapa haruslah tidak lebih RM2,000.00. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri untuk tingkatkan syiling kepada RM2,500.00 atau RM3,000.00 agar lebih ramai lagi yang terpilih dan layak untuk belajar di bawah inisiatif Kerajaan Negeri. Selain dari itu, guru-guru yang mengajar jugak harus disemak semula kepada guru baru yang lain berbanding guru sekolah yang setiap hari mengajar pelajaran sekolah sama. Mungkin boleh menggunakan kaedah *swap* dari sekolah berhampiran dan berkongsi ilmu dan pengalaman para guru kepada pelajar yang disayangi.

Akhir sekali, Tuan Timbalan Speaker saya percaya Kerajaan Negeri harus memberi perhatian kepada krematorium. Setiap PBT harus mempunyai krematorium masing-masing bagi menjamin perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat setempat. Buat masa ini, kita hanya ada mempunyai tiga krematorium di bawah Kerajaan Negeri ataupun PBT masing-masing iaitu di Klang, Petaling Jaya dan Subang Jaya. Yang lain ialah tapak pembakaran mayat terbuka. Sentosa berharap dengan adanya krematorium di bawah PBT masing-masing masyarakat tidak akan menghadapi masalah bagi menjalankan upacara pengebumian dengan kos pembayaran yang lebih tinggi.

Oleh itu, saya menyarankan Kerajaan Negeri membantu PBT untuk memastikan setiap PBT membina krematorium di kawasan masing-masing. Sekian, terima kasih.

Dengan berbesar hati Sentosa menyokong Bajet 2020 yang dibentangkan. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Sentosa. Saya persilakan Semenyih.

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI : Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera kepada Yang

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Berhormat, Tuan Timbalan Speaker dan seluruh Ahli Dewan. Izinkan saya berpantun dulu ye?

“Pergi ke pekan membeli sireh,
Sireh dimakan bersama-sama,
Saya datang dari Semenyih,
Membawa suara rakyat semua.”

Tuan Timbalan Speaker, izinkan saya membahas Belanjawan Negeri Selangor 2020, selepas kita mendengar pembentangan Belanjawan pada Jumaat 1 hari bulan 2019 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang muda dan bertenaga, saya berharap bahawa Kerajaan Negeri dapat mengurus dan mentadbir negeri kesayangan ini dengan lebih baik dan bestari. Besar harapan saya supaya tidak lagi bajet tambahan bakal dipinta oleh pihak Kerajaan Negeri sepertimana berlaku bajet 2019 yang lalu. Ingatlah gagal merancang adalah merancang kegagalan.

Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya akan menyentuh berkenaan teras pertama iaitu berkenaan ekonomi iaitu ekonomi perumahan fokus saya. Rumah Idaman dan Rumah Selangorku. Saya menyambut baik hasrat Kerajaan bagi membina lebih banyak rumah mampu milik bagi rakyat khususnya di Negeri Selangor ini.

Skim Rumah Idaman dan Rumah Selangorku adalah usaha baik yang harus diberi penekanan dan prioriti dengan izin oleh Kerajaan. Saya cuma berharap bahawa semua projek berkenaan perumahan ini tidak hanya manis di bibir sahaja dan tidak menjadi projek gajah putih semata. Janganlah projek perumahan ini hanya kekal menjadi idaman ibarat mat jenin yang berangan-angan dan mengidamkan sahaja tapi akhirnya seperti janji-janji Kerajaan Pakatan Harapan yang akhirnya harapan palsu buat semua rakyat.

Hendaklah Kerajaan ini sibuk hendak menjadi broker dan jual rumah kepada warga asing. Saya harap rumah-rumah yang dah disiapkan ini diturunkan harga bagi mampu dibeli oleh penduduk tempatan dan rakyat Selangor khususnya. Bukan hanya mampu tengok orang luar beli/buat harta, kita merempat di bumi sendiri.

Dan saya ingin merujuk juga kepada kes Sungai Kedondong, Paya Jaras di mana merupakan satu titik hitam Kerajaan di Selangor ini di mana situasi ini diharap akan menjadi menang-menang bagi menangani isu penduduk di Selangor ini. Seterusnya, infrastruktur jalan raya.

Selangor Negeri yang maju dan berhasrat mencapai status sebagai Smart City menjelang tahun 2020-2025. Tetapi masalah infrastruktur terutamanya jalan-jalan di Negeri ini masih dalam keadaan yang teruk. Lihatlah saja atau lawatlah saja kawasan saya di DUN Semenyih ini. Masih banyak jalan-jalan yang berlubang, berlecek dan tidak berturap dan tidak diuruskan dengan baik.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Saya berharap pihak Kerajaan melalui PBT, Pejabat Tanah, JKR sepatutnya digunakan bagi melihat sendiri semua jalan-jalan ini. Kerajaan Negeri seharusnya memberikan perhatian yang khusus bagi keperluan dan kesejahteraan rakyat ini. Juga berkenaan naik taraf jalan. Saya ingin membawa masalah utama di Semenyih ini, berkenaan kesesakan luar biasa akibat pertambahan penduduk yang pesat di kawasan Semenyih ini.

Saya mohon Kerajaan Negeri supaya dapat melebarkan jalan dan jambatan yang menghubungkan yang pertama, Bandar Rinching ke Pekan Semenyih. Daripada satu lorong kepada dua lorong. Dan juga dua jambatan di Pekan Beranang iaitu di sempadan masuk Negeri Sembilan/Selangor juga di Pekan Beranang sendiri. Ini melibatkan kesesakan yang begitu teruk di masa pagi iaitu antara 7 pagi ke 10 pagi dan masa lepas pejabat iaitu 5 hingga 8 malam serta di hujung-hujung minggu merupakan kesesakan yang begitu teruk sekali. Keadaan bertambah teruk semasa khususnya semasa penutupan contohnya semasa penutupan LEKAS Highway kerana mengadakan Night Ride pada bulan Julai yang lalu pada bulan yang lepas bagi tujuan berbasikal pada malam hari. *Jammed* ini, kesesakan ini tidak mampu menampung lalu-lintas di penduduk sekitar. Ada kes di mana satu kes ambulans kecemasan sepatutnya yang mengambil masa sepuluh minit daripada Klinik Semenyih ke Hospital Kajang tersangkut dalam keadaan kesesakan yang lebih setengah jam. Tapi alhamdulillah tiada kes kematian dalam perkara ini.

Jadi saya minta Kerajaan Negeri dan badan Kerajaan yang terlibat supaya melihat permintaan rakyat Semenyih ini diberi keutamaan. Tuan Timbalan Speaker, berkenaan teras ketiga berkaitan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan rakyat di Selangor, saya ingin meminjam kata-kata sahabat saya iaitu saudara Aiman Zainali iaitu Pengarah DUN Semenyih hari ini yang semasa dalam kempenya dalam PRK yang lalu bahawa sekiranya saya menang hari ini, esok hospital di Semenyih siap dibina. Hahaha.

Saya sedar dengan keterbatasan bajet dan kewangan, hospital di Semenyih hanya menjadi modal politik Pakatan Harapan semasa PRK tempoh hari. Mungkin juga akan terus digunakan sepertimana di kempenkan di Cameron Highland dan di Rantau. Harap di Tanjung Piai tidak janjilah hospital lagi. Cumanya dari aspek kesihatan di kawasan saya, bilangan klinik kesihatan sedia ada tidak dapat menampung keperluan penduduk bagi mendapat rawatan kesihatan. Saya mendengar sendiri keluhan doktor-doktor, kakitangan kesihatan dan rakyat sendiri yang mengadu bahawa kemudahan kesihatan ini tidak mencukupi. Seperti di Klinik Kesihatan Pekan Semenyih, contohnya seawal jam 6.30 pagi penduduk telah beratur untuk mendapatkan nombor dan ada juga yang tunggu sehingga berjam-jam hingga ke petang. Hospital sedia ada seperti Hospital Kajang dan Hospital Serdang juga telah terlalu padat dan sesak hingga kekurangan katil dalam wad-wad yang sedia ada.

Saya harap Kerajaan yang prihatin ini dapat memberikan perhatian serius dalam isu kesihatan ini. Harap klinik kesihatan yang sedia ada dinaiktaraf dan ditambah baik dengan kelengkapan yang selengkap-lengkapunya.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan elaun bagi Ketua Komuniti India KKI, satu usaha baik saya menyokong supaya pemberian elaun bulanan selaras diselaraskan sebanyak RM1200 sepertimana Ketua Kampung Tradisi dan Kampung Baru Cina. Saya juga ingin mencadangkan selain pada elaun bulanan bagi komuniti India di negeri ini khususnya kawasan saya di Semenyih, seharusnya Kerajaan juga memberikan suntikan dana dan peruntukan bagi menjalankan aktiviti kemasyarakatan dan kebajikan di kawasan komuniti India ini.

Saya juga mencadangkan supaya elaun bulanan dan peruntukan kewangan juga seharusnya diselaraskan juga kepada Tok Batin atau Ketua Masyarakat Orang Asal di mana golongan ini menyumbang juga atas pembangunan Negeri Selangor ini. Harap juga program tuisyen rakyat juga meliputi anak atau pelajar Masyarakat Orang Asal khususnya di Semenyih.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan isu alam sekitar berkaitan teras yang keempat. Sedia maklum, isu pencemaran air sungai-sungai di Selangor dan di negara ini semakin bertambah serius. Seperti pencemaran yang berlaku di Sungai Semenyih dan loji rawatan air Semenyih tempoh hari. Di mana, mohon tindakan yang lebih bersepadu antara Kerajaan dan badan yang berkepentingan di mana kita harap perkara ini dapat mencapai sasaran sifar. Tahniyah kepada Pihak Berkuasa yang terlibat dalam menangani pencemaran air ini kerana telah dibuat tangkapan dan dibuat pendakwaan. Harap tindakan ini terus jalankan demi kepentingan pengguna dan rakyat khususnya.

Bagi isu berkaitan sungai juga, saya ingin menyarankan kepada Kerajaan Negeri agar peruntukan diberikan bagi usaha membersihkan dan mencantikkan sungai-sungai dan tebing-tebing sungai di kawasan Semenyih ini. Maklum kawasan Sungai Semenyih ini merupakan kawasan punca utama sumber air terawat untuk di pihak Negeri Selangor mahu pun di Wilayah Persekutuan. Sehingga kini, banyak sungai-sungai di kawasan saya masih di keadaan yang menyedihkan dan hodoh pada pandangan mata. Minta Kerajaan mengambil tindakan memberikan peruntukan dan perhatian khas kepada Lembaga Langat seperti mana di lakukan di Sungai Klang buat masa kini.

Bagi sisa pepejal pula, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan sebuah mekanisme bagi pengurusan sisa-sisa pepejal dilakukan khusus di kawasan desa dan kampung. Seperti mana yang dilakukan di Pulau Pinang contohnya. Mereka menyediakan tong sampah setiap 500m atau lebih kurang 1km di dalam kawasan kampung supaya sisa sampah pepejal ini diurus dengan baik. Saya melihat perkara ini perlu dilaksanakan kerana kegagalan pengurusan sampah-sarap ini akan membawa lebih banyak masalah lain.

Saya bagi tiga contoh bagaimana kegagalan pengutipan sampah menyebabkan kesan sampingan yang lain. Sampah dibuang terus ke dalam sungai menyebabkan pencemaran air akhirnya sampai ke empangan Loji Rawatan Air menjadi sasarannya. Yang kedua,

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

sampah dibuang di kawasan lapang menyebabkan kedatangan haiwan perosak dan kotor seperti tikus, gagak, anjing dan monyet sebagainya. Ini akan memberikan implikasi buruk kepada kesihatan juga mendatangkan penyakit bawaan binatang. Yang ketiga, sampah dibakar secara terbuka menyebabkan pencemaran udara iaitu akan melibatkan jerebu dan IPU yang akan meningkat.

Tuan Yang Dipertua, saya meminta Kerajaan merangka satu kaedah...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Semenyih, Tuan Speaker, tiada Yang Dipertua. Ini Dewan Negeri Selangor.

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI : Yang Berhormat Tuan Speaker, maka saya meminta pihak Kerajaan merangka satu kaedah bagi pengurusan sisa pepejal yang lebih baik terutama di kampung atau di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, PBT. Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan isu sosial di kawasan saya, saya mulakan dengan ucapan tahniah dan terima kasih pada pihak PDRM pada bulan Julai yang lalu berjaya menangkap raja dadah di Semenyih.

Memang sejak dahulu, Semenyih ada satu kawasan black area dengan izin, bagi masalah dadah ini. Dadah adalah merupakan musuh negara nombor satu yang tidak siapa dapat tangkapkan lagi. Apakah tindakan pihak Kerajaan Negeri dalam mengekang gejala penagihan dan pengedaran dadah ini. Saya berharap tindakan tegas dikenakan termasuk pada premis-premis berkenaan dadah ini disita khususnya dan dakwaan dikenakan kepada pemilik-pemilik premis ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Pemuda Harapan Bangsa. Pemuda Tiang Negara. Apakah bantuan kepada belia dan anak muda dalam mereka berpersatuan dan berprograman. Dana diberikan kepada Penggerak Belia Tempatan, PeBT. Tetapi tindakan mereka dan belia kurang berbanding Majlis Belia Selangor dan Majlis Belia Daerah. Apakah bantuan langsung bagi anak-anak muda dan belia kita pada masa kini. Selain itu, saya juga ingin menarik perhatian Kerajaan supaya lebih peka terhadap perjawatan pemandu khususnya bagi Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor yang mana setakat ini menerima elaun RM1500 sahaja sebulan.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Minta izin, boleh bagi laluan?

TUAN SPEAKER : Masa habis.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Seminit saja. Seminit saja. Bolehlah.

TUAN SPEAKER : Minta izin Semenyih. Semenyih nak bagi atau tidak? Masa kecederaan.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Yang ini saya menyokong Semenyih.

TUAN SPEAKER : Dia tidak bagi tadi. Ingat tidak sokong.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Sebab apa, berkenaan dengan elaun driver/pemandu untuk ADUN, saya menyokong sebab pagi, petang, siang, malam, Sabtu, Ahad mereka bersama dengan ADUN untuk pelbagai tugas. Jadi saya nak tanya jugalah pada Yang Berhormat, adakah wajar Yang Berhormat memberikan cadangan supaya dipertimbangkan elaun pemandu itu dinaikkan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Semenyih, sila duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah menunjukkan jam 4.29 petang. Oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang, maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawa usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Pada ketika ini, Speaker yang berkuasa. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:- Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga selesai sesi perbahasan maksimum jam 6 petang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya sokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya... Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Tidak... Usul dipersetujui. Silakan minit yang terakhir, Semenyih. Minit yang terakhir ya. Saya bagi. Dua minit la saya bagi tiada apa. Orang baru.

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI : Saya menyokong cadangan sokongan daripada Jeram tadi. Terima kasih. Saya menyokong juga cadangan yang mana, Yang Berhormat Tuan Speaker dalam ucapan semasa Majlis Makan Malam Bersama Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada Mac yang lalu sempena Istiadat Dewan Penggal Kedua kadar elaun dinaikkan kepada RM3 ribu serta termasuk juga SOCSO atau KWSP. Saya harap inilah kebajikan untuk rakyat termasuk juga pemandu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin akhiri menutup dengan serangkap bidalan saya.

Bajet 2020 selamat dibentang dan dibahaskan,
Pengurusan dan pembangunan tidak dilupakan,
Harap kera di hutan dapat disusukan,
Anak dirumah pula tak mati kehausan.

Sekian.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

TUAN SPEAKER: Sokong ke tidak? Sokong ke tidak usul? Sokong ke tidak?

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI : Sokong mana yang dicadangkan.
(gelak) Sokong dengan pindaan.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Jeram dulu.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Tuan Speaker. Timbalan Tuan Speaker tak nampak saya. Pertamanya saya ucap kepada Tuan Speaker kerana beri saya ruang untuk saya berbahas dan juga saya ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana memberikan satu bajet yang efisien pada tahun 2020, dimana ketua pembangkang sendiri pun tak boleh nak ulas. Saya tengok dari segi dia punya komennnya samada dalam bentuk tulisan ataupun dalam media, tak boleh komen apa-apa. Jadi tahniah la. Tapi Jeram tak dapat apa-apa, Jeram dengan Ijok cuma dapat nama dalam pantun.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Tuan Speaker. Nak mencelah sikit.

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar minta mencelah.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Belum mula dah mencelah. (gelak) Yela kawan-kawan. Yela, bagi laluanlah.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Yang Berhormat Jeram. Bila nak duduk sini?

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Kalau Tuan Speaker dia sayang saya, dia tak bagi. Yang Amat Berhormat dan juga EXCO-EXCO. Saya ingin memberi beberapa padangan, idea sebelum itu saya menyokong dulu, penuh bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Idea-idea saya ini kadang-kadang pelik tapi dia boleh digunapakai sekiranya fikir secara rasional untuk kebaikan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Jeram, Sungai Pelek tak ada.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Tak, sungai pelek dia sokong saya. Jadi yang pertamanya, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar cuba fikirkan paip ataupun TNB dan juga TM dimana mereka, syarikat-syarikat mereka melalui tanah kerajaan untuk sampai ke suatu tempat. Maknanya kita boleh kenakan caj untuk menambah pendapatan kerana dia menggunakan tanah Kerajaan Negeri untuk melalui tempat-tempat yang sewajarnya, seolah-olahnya dia macam menyewa tanah kita. Dia buat duit, TNB dan juga saluran air. Dia buat duit dengan syarikat dia, tetapi adakah dia membayar sebarang sewa menggunakan tanah Kerajaan Negeri itu? Jadi boleh fikirkan untuk mengcaj sebarang bayaran oleh mereka kepada Kerajaan Negeri Selangor. Sebab kalau kita tengok sepanjang negeri dia dah guna kita laluan tetapi tidak ada sebarang bayaran. Itu cuma pandangan yang boleh difikirkan oleh Kerajaan Negeri untuk mengenakan bayaran oleh syarikat-syarikat tersebut yang mana mereka mendapat untung berbilion berbanding dengan GLC kita tak berapa nak untung.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Yang keduanya, saya ingin sarankan kepada Kerajaan Negeri Selangor memberikan lampu jalan setiap tahun 20 batang sudah memadai setiap tahun. Jangan masukkan ia dalam bajet JKR ataupun infra luar bandar dan sebagainya. Berikan 20 batang setiap tahun untuk satu ADUN, maka selama 5 tahun sekurang-kurangnya kita dah dapat 100. Jadi kita dapat sekurang-kurangnya, saya dapat buktikan dimana di kawasan saya di mana 50 tahun sebelum kerajaan ini diambil alih oleh Pakatan Rakyat ketika itu masih lagi tidak ada lampu jalan. Minta maaf saya katakan, boleh dikatakan setiap bulan, saksinya rakyat Jeram. Setiap bulan 2 atau 3 kematian yang menyebabkan langgar lembu waktu malam yang mana saya sendiri simpati. Anak-anak kecil itu saya pergi ziarah. Anak-anak kecil. Jadi saya rasa macam saya bersalah kerana saya dipilih oleh rakyat untuk menjaga kebajikan mereka tetapi benda itu sebenarnya boleh dicegah sekiranya kalau Selangor ataupun wakil rakyat itu memberikan perhatian sewajarnya pada kawasan dia. Jadi saya minta, Yang Berhormat asingkan lampu jalan setiap DUN mungkin 20 sudah mencukupi saya rasa sebab kita kenalpasti tempat-tempat mana yang sewajarnya perlu dipasang. Bukan masukkan dalam bajet jalan raya, luar bandar dan sebagainya, spesifikkan 20, saya minta tolong sangat Yang Amat Berhormat. Kalau DUN lain tak nak, Jeramlah. Sebab apa, kali ni tak dapat apa-apa untuk Jeram. Kalau perlu nak dibawa dalam usul, In Sya Allah saya boleh bawa dalam usul pada masa akan datang sebab dia diimplement dalam kita punya sistem. Maksudnya seluruh Selangor ini kita kata kita negeri yang maju, negeri yang kaya tetapi tidak mencukupi kemudahan assa yang diperlukan rakyat luar bandar.

Ya, betul Templer. Templer khusyuk tengok.

Yang ketiganya, saya pernah bawa usul dimana untuk kawasan Sungai Panjang, bukan kawasan saya tetapi Sungai Panjang ini sebab saya ni asal berhampiran dengan Sungai Panjang. Saya dah pernah bawa tetapi ulasan ataupun rumusan daripada Yang Berhormat EXCO yang lepas tidak dapat jawapan iaitu jambatan yang menghubungkan di antara Sungai Panjang dengan Ulu Bernam. Ulu Bernam ini perak ya, kampung saya sendiri. Dimana sekarang ini pelajar-pelajar yang di Sungai Panjang ataupun cikgu-cikgu yang datang daripada Sabak Bernam, Sungai Besar tidak boleh merentasi kerana terhad masalah pengangkutan feri itu sendiri. Ferinya nampak besar tetapi sebenarnya feri itu ambil dan pusing sahaja dia dah sampai dah. Yang kalau perasan Yang Berhormat Mantan Exco Sungai Panjang selalu buat video pakai feri itu. Jadi harap sangatlah untuk memikirkan, sebab dulu bagi alasan kata Kerajaan Selangor lain Perak lain tetapi sekarang ni kita *federal* pun dah sama mungkin boleh mempertimbangkan untuk memberikan jambatan untuk penduduk memudahkan sebab ada berlaku kematian ibu nak bersalin pernah meninggal, tidak ada orang bawa suara ini. Dan juga kecemasan ketika waktu malam tak boleh nak menyeberang sungai sebab perkhidmatan feri itu sampai pukul 11 sahaja. Kita bukannya berada di Sabah Sarawak. Jadi harap sangatlah Yang Berhormat fikirkan bajet yang sesuai ya, sedikit sedikit sekurang-kurangnya kita tahu dalam tempoh berapa tahun kita boleh memberikan bantuan ataupun jambatan untuk kampung saya lah senang cerita ni kan. Jadi bila saya balik, dia orang asyik tanya, jadi saya kena menunaikan tanggungjawab, saya daripada orang kampung itu.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Ini dah level EXCO dah ni.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Yang seterusnya saya minta Yang Berhormat saya pernah usulkan beberapa kali sidang lepas pun saya pernah bawa, hotel

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

dan juga taman tema air di DUN Jeram. Kita sedia maklum saya juga minta Yang Berhormat EXCO Pelancongan tolong bantu saya untuk memudahkan urusan. Saya dimaklumkan tanah yang ada di tepi Pantai Jeram itu, Pantai Remis iaitu tanah Majlis Daerah Kuala Selangor. Kami pernah berjumpa, saya pernah bawa pelabur itu untuk berjumpa dan mengatakan tanah itu direzab ataupun *titlenya* sebagai pantai awam. Perlu ada pendengaran tukar *title* dan sebagainya. Benda boleh buat tak ada yang mustahil, soalnya nak buat atau tak nak. Kerana kita mendapati dari Kuala Selangor, Tanjung Karang, Sekinchan, Sungai Besar, kita boleh membawa pelancong itu pusing sampai ke hujungnya. Tetapi kalau ada tempat penginapan yang sesuai iaitu hotel 4 bintang umpamanya yang mana pelabur mampu nak buat. Jadi ia membantu untuk mengembangkan aktiviti-aktiviti pelancongan sepertimana yang kita harapkan. Tetapi kekangan-kekangan birokrasi ataupun yang sedia ada dalam Kerajaan Negeri Selangor itu perlu diperhalusi dan dipermudahkan. Saya memohon sokongan daripada Yang Amat Berhormat dapat membantu memudahkan. Ini kerana saya mendapati apabila pembentangan dibuat oleh pelabur, sebanyak 500 peluang pekerjaan yang akan dapat dipenuhi oleh penduduk tempatan. Jadi 500 peluang pekerjaan tadi saya dengar, soalan mulut, seramai kalau bawah 2.0 atas 2.5 itu, lebih kurang 94 ribu, saya bayangkan penuh Stadium Bukit Jalil tu orang tak bekerja ni. Saya cuma fikirkan camtu. Jadi sekurang-kurangnya, orang kawasan saya anak-anak muda yang lepasan SPM ataupun makcik-makcik tu sendiri yang mana boleh kerja di hotel untuk *cleaning*, untuk *servicing* sektor ataupun taman tema anak-anak muda itu boleh bekerja, saya fikirkan situ. Sebab sudah 50 tahun diperintah Barisan Nasional sebelum ini, di Jeram ini 60 tahun lah tidak ada sebarang pembangunan sekurang-kurangnya saya nak membuktikan ataupun menunjukkan sekurang-kurangnya saya membawa sesuatu yang mereka tak pernah nampak sebelum ini. Jeram ini tahu pantai dan juga perkampungan. Tetapi apabila soal adanya satu pembangunan yang pusat pelancongan yang boleh membawa keuntungan kepada masyarakat disitu dan juga peniaga-peniaga yang sekitar pantai itu secara tak langsung akan memberi membantu menaikkan sosial ekonomi mereka. Jadi saya harap sangatlah Yang Amat Berhormat bantu saya yang ini dah 3-4 kali dah saya minta bantuan Yang Amat Berhormat. Jadi tolonglah saya untuk merealisasikan. Saya bagi laluanlah jiran saya.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Terima kasih Jeram. Saya ingin bertanya Jeram, adakah Jeram bersetuju fungsi dan peranan Majlis Pelancongan Daerah Kuala Selangor yang telah ditubuhkan ini. Adakah benar-benar berkesan dan dimanakah, apakah statusnya dan bagaimana hasrat Jeram tadi tu dapat disalurkan dan dapat diusahakan oleh Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Melawati tanya apa sahaja saya setuju. Jangan tanya soalan pun tak apa. Saya setuju. Saya harap Yang Amat Berhormat dapat membantu Jeram merealisasikan untuk pembinaan hotel 4 bintang dan juga taman tema air di DUN Jeram iaitu spesifiknya di Pantai Remis. Seterusnya, saya juga ingin meminta jasa baik EXCO Yang Berhormat yang terlibat berkenaan perumahan, sebab dikawasan saya ini banjir di Kampung Sri Sentosa dan Kampung Sri Aman kerap. Setiap kalau musim hujan ini, 2 hari mereka ditempatkan di penempatan banjir, kemudian keesokkannya balik lusa datang balik. Sebab memang benda itu kerap berlaku jadi saya mungkin memohon jasa baik Yang Berhormat EXCO sekiranya kita boleh berbincang dengan mereka dan syorkan ataupun memberikan rumah Selangorku umpamanya kontrakan dengan tanah mereka. Kita kena fikirkan sesuatu cara yang mana mereka memang nak, mereka menangis tiap kali, mereka tak tahan. Setiap kali banjir rosak perabot,

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

kita hanya mampu bagi RM500 hanya sekali sahaja setahun tetapi bagaimana mereka lalui benda ini lebih daripada 10 kali setahun. Ini fakta ini. Boleh rujuk dengan Pejabat Daerah Kuala Selangor, jadi saya berharap Yang Berhormat EXCO boleh kita berfikir bagaimana cara nak membantu mereka untuk meletakkan, menempatkan mereka ditempat yang lebih strategik.

Seterusnya, Yang Berhormat EXCO Perumahan juga saya minta sekiranya surau-surau ditaman-taman yang baru nak dibina itu sekiranya mereka ataupun pemaju mengatakan kita hanya sediakan tapak surau sahaja. Saya minta Yang Berhormat EXCO perlu menetapkan syarat, perlu membina surau itu sekiranya 80% adalah orang Melayu Islam yang pembelinya. Kerana sekarang ini saya nampak kawasan saya sedang maju pesat di Puncak Alam itu dan juga Eco World Bandar Ecofield dan sebagainya tetapi hanya menyediakan tapak surau. Mereka sekarang ini tanya pada YB kawasan, mereka tanya Yang Berhormat macam mana boleh bantu bina surau dan sebagainya, saya nak bawa kemana dah tentu saya salurkan pada Kerajaan Negeri juga. Jadi sekiranya pemaju ingin memajukan sesuatu tempat saya dimaklumkan oleh sidang yang lepas, Yang Berhormat EXCO mengatakan "Oh, pemaju kata kita tak tahu siapa pembelinya". Jadi kita buat klausa disitu sekiranya pembelinya ialah orang Melayu Islam yang 80% maka pemaju perlu sediakan surau bukan tapak surau. Ada hillpark dikawasan saya, hillpark yang mana suraunya sekarang ini dalam kontena. Benda itu memberikan satu imej tak betul, bandar sedang membangun tetapi sembahyangnya ditempat yang tidak sepatutnya. Jadi saya harap Yang Berhormat EXCO perlu mengambil kira, sekiranya benda ini pun perlu nak dijadikan dalam elemen undang-undang maka kalau perlu bawa saya akan bawa juga benda ini dalam sebagai usul supaya benda ini dijadikan sebagai satu syarat untuk pembinaan.

Selain daripada itu... EXCO Sukan dah keluar. Berkenaan dengan lantikan ADUN-ADUN yang tak sabar-sabar ingin memberi komitmen dalam SUKMA iaitu pasukan Selangor itu sendiri dijanjikan pada sidang lepas untuk memberikan peranan ADUN yang terutamanya Templer, sukan renang yang mana bersedia memberi bantuan samada dari segi sokongan kewangan mahupun sokongan moral untuk membawa kemenangan pasukan Selangor itu. Saya juga ucap terima kasih kepada Majlis Daerah Kuala Selangor, JKR, Pejabat Daerah yang mana memberikan kerjasam yang baik kepada saya selaku ADUN di kawasan Kuala Selangor. Baik...

Saya juga ucap tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana mengadakan program-program yang melibatkan ADUN-ADUN dan juga YDP dan juga Pegawai Daerah yang mana merapatkan hubungan silaturrahim. Tahniah kepada YDP Ampang dan juga YDP Selayang yang mana kerap turut serta dalam program-program bersama ADUN kita dapat kenal antara satu sama lain. Harap YDP-YDP daripada kawasan lain pun meluangkan masa sebab apa kita kenal. Apabila kita kenal. Bila wakil rakyat ni orang bukan tahu kita ni wakil rakyat kawasan Jeram je. Kawasan lain pun minta tolong. Jadi kalau kita nak adanya hubungan yang baik antara YDP daripada kawasan lain, kita boleh minta tolong. Seterusnya berkenaan dengan ketua komuniti India ya, jadi saya

Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN : Ganja bila nak cerita? Ganja?

Y.B. AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Tak sabar nak tunggu isu ganja ni..

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Nanti dulu. Ketua komuniti India ini saya minta Yang Berhormat EXCO tolong minta *propose* kepada, beri cadangan kepada Yang Berhormat Menteri Besar supaya semua ADUN wajib ada satu sekurang-kurangnya mintalah bajet akan datang ini dimasukkan sekurang-kurangnya satu. Kalaulah ramainya penduduk India maka mungkin boleh diberi dua dan tiga tetapi sekurang-kurang bagi la satu sebab DUN Jeram ini tiada Ketua Komuniti yang mana boleh membantu saya untuk memudahkan urusan sekiranya memerlukan. Mungkin saya rasa Yang Amat Berhormat rasa saya dah boleh bercakap Tamil jadi dia rasa tak perlu. Jadi tidak, tidak juga, perlu. Saya juga perlu. Seterusnya berkenaan dengan protokol saya minta protokol Kerajaan Negeri Selangor memainkan peranan di mana memanggil wakil-wakil daripada Pejabat ADUN dan Pejabat-Pejabat Daerah itu sendiri. Apa yang saya nampak sekarang ini ADUN-ADUN ini tidak dipandang. Bukan kita minta diagung-agungkan tetapi sekurang-kurangnya protokol tu perlu ada ya, di mana tempat duduknya ataupun dalam majlis-majlis yang tertentu. ADUN-ADUN ini diketepikan ini bukan apa sebab rakyat yang melihat dan menilai jadi kalaulah ADUN sendiri pun tak ada dipandang tidak di *respect* bagaimana mereka nak hormat. Adakah ADUN-ADUN ini kita sedia maklum dah tiada lah kuasa nak mengarah-arahkan apa nama ni arahkan Majlis Daerah dan sebagainya. Apa yang berlaku di kawasan kita pun kita tak tahu. Jadi benda-benda ini saya rasa perlu dipandang serius oleh Kerajaan Negeri terutamanya badan-badan Korporat itu sendiri. Seterusnya saya juga meminta jawatankuasa, Jawatankuasa ABAS dan juga Jawatankuasa PAC untuk menilai GLC-GLC kerajaan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor kerana kita mendapati saya sendiri dalam PAC mendapati kurang berfungsi ataupun kurang menepati mencapai sasaran yang dikehendaki. Jadi sekiranya kalau jawatankuasa ini boleh berbincang dan mengenal pasti dan syorkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar apa yang perlu cadangan daripada jawatankuasa itu sendiri. Kerana jawatankuasa telah dibentuk dalam sidang Dewan ini tetapi tidak berfungsi dengan baik atau berjaya. Jadi mungkin kita kurang ada persefahaman di antara jawatan-jawatankuasa tertentu untuk menilai GLC-GLC ini di mana-mana yang tidak memberi manfaat ataupun keuntungan kepada Kerajaan Negeri Selangor maka kita perlu cadangkan saranan kita. Seterusnya Kerajaan Negeri Selangor juga perlu memikirkan bagaimana cara untuk mencari duit yang lebih efisien contohnya KPJ kalau kita tengok JCOP, Johor *corporation* dia ada hospitalnya sendiri jadi adakah Kerajaan Negeri Selangor berfikir untuk mengadakan hospitalnya itu sendiri yang mana ramai yang ADUN-ADUN juga sakit sekarang ni. Yang mana boleh...

Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN : Tinggal dua minit lagi. Jeram lagi dua minit.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Tuan Speaker, bagi *warning*.

TUAN SPEAKER : Ya, ya Taman Templer jangan ganggu ya. Saya bagi amaran sikat.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Haa gantung nanti kamu jangan main-main. Jadi saya harap Kerajaan Negeri Selangor boleh fikirkan sebab itu satu perniagaan yang saya nampak berpotensi tinggi. KPJ dan kita nampak banyak hospital-hospital kerajaan yang mana kita kalau pergi pun kerajaan yang swasta ini kita kena tunggu lebih kurang dua ke tiga jam untuk kita nak *admit*. Jadi nampak *demand* tu tinggi. Dan kita mempunyai kewangan dan kepakaran saya rasa yakin dengan MBI ataupun PKNS itu sendiri untuk memikirkan dalam tempoh terdekat untuk membina hospital kita Kerajaan

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Negeri Selangor itu sendiri. Dan yang terakhir saya pernah cadangkan ya, tentang penanaman kalau kita cerita, yang ini saya

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Kanabis, kanabis ya..

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Yang ini saya benarkan Templer je kalau nak celah. Penanaman kanabis ataupun marijuana atau ganja itu sendiri saya tetap dengan pandangan peribadi saya untuk mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana Australia itu sendiri tahun depan 2020 telah membenarkan begitu juga Thailand juga telah benarkan dan saya minta Yang Berhormat Exco Pertanian boleh pergi ke ekspo di Thailand pada tahun hadapan untuk menilai sejauh mana kita boleh mengkaji perubatan itu sendiri dan untuk mengeksport hasil daripada perubatan itu sendiri. Sekiranya kita memikirkan dari segi sudut positif saya yakin dan percaya kita boleh meneruskan agenda ini dengan kerajaan Selangor lebih *advance* dalam bidang pertanian itu sendiri. Sebab saya nampak kerajaan sudah mula mengkaji benda ini ya. Waktu ketika sidang yang lepas kalau tak silap saya apabila kata ramai yang ketawakan tapi apabila ramai yang ketawa ini ramai yang tidak membaca. Kalau tuan/puan membaca sekarang ni ramai yang dah tahu kebaikan dan juga manfaat daripada perubatan itu sendiri. Jadi saya harap sangat Kerajaan Negeri Selangor beri peluang kepada Jeram untuk memberi pembentangan ataupun *presentation* yang mana efisiennya berkenaan dan bagaimana cara keselamatannya dan hasilnya insya-Allah saya yakin apabila mendengar taklimat daripada Jeram mungkin Kerajaan Negeri boleh membuat keputusan. Jangan menolak mentah-mentah sebarang cadangan ya. Templer ada? Hah tak ada. Jadi saya rasa itu sahaja sekali lagi saya ucap terima kasih kepada Tuan Speaker dan juga terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana memberikan belanjawan yang terbaik untuk rakyat negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya jemput *division* dua Taman Medan.

(Dewan Riu)

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Padan muka. Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum w.b.t. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan yang dikasihi sekalian. Pertamanya saya bersyukur ke hadrat Illahi atas kesempatan yang dikurniakan untuk saya hadir pada hari ini serta jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker memberikan peluang kepada saya untuk sama membahaskan Ucapan Belanjawan Negeri Selangor bagi tahun 2020 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Sungai Tua pada petang 1 November yang lalu. Sebetulnya ada beberapa perkara yang perlu saya kongsi tentang beberapa perkara yang dikemukakan di dalam ucapan tersebut untuk dibuat penilaian semula penelitian dan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan melalui perbahasan yang saya berserta rakan-rakan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan yang sertai pada hari ini. Saya tertarik dengan beberapa perkara berkaitan belanjawan yang dibentangkan itu antaranya adalah ikrar yang dibuat di dalam ucapan tersebut mengenai hasrat untuk menjadi sebuah entiti yang menyumbang kepada kadar 30% daripada keluaran dalam negara kasar KDNK iaitu peningkatan sebanyak 7% daripada kadar semasa sumbangan tersebut iaitu 23% buat masa ini. Kita semua sudah sedia maklum bahawa Selangor merupakan sebuah negeri yang begitu dipandang tinggi dari semua sudut oleh negeri-negeri yang lain dari berbagai perkara terutamanya pentadbirannya ekonominya dan kemajuannya dari ciri fizikal.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Jika saya bertemu rakan-rakan Ahli Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri yang lain kesemuanya menyatakan kekaguman mereka kepada negeri yang kita kasihi Selangor Darul Ehsan. Memang tepat untuk menzahirkan hasrat tersebut dengan ingin membawa negara ke arah kesejahteraan dan ke kemajuan selari dengan wawasan kemakmuran bersama 2030 yang baru dilancarkan di peringkat Nasional meneruskan kesinambungan bagi idea wawasan 2020 yang bakal kita masuki tahun tersebut tidak sampai dua bulan lagi dari sekarang. Jadi Selangor menjadi teraju kepada setiap usaha yang dilaksanakan dan dicapai bagi matlamat tersebut. Cadangan penggunaan dana berjumlah sebanyak 2.333bilion itu dengan pembahagian antara biaya mengurus atau lebih tepat mentadbir dengan biaya pembangunan adalah suatu yang perlu dilaksanakan secara teliti, tepat, berintegriti dan mengikut keutamaan serta dengan penuh keseimbangan. Hasrat Yang Amat Berhormat Sungai Tua mahu menjadikan Selangor sebagai kawasan berstatus zon ekonomi istimewa dengan gugusan-gugusan kawasan berlabel kluster ekonomi adalah sesuatu yang positif dengan mengambil contoh modul pembangunan di Wilayah Guandong di dalam Negara Republic rakyat China yang menjadikan kawasan-kawasan tertentu dengan kewujudan kawasan-kawasan seperti Zuhai, Shenzen dan Guanzhou sebagai zon ekonomi tersebut tetapi Taman Medan berpandangan bahawa ia masih belum mampu mencapai tahap yang disasarkan kerana masih wujud ke tidak seimbangan dari berbagai sudut pada setiap kawasan. Tumpuan masih di sekitar Lembangan Sungai Kelang yang dipanggil sebagai Lembah Kelang yang meliputi daerah-daerah yang dilalui oleh Sungai Kelang iaitu Gombak, Petaling dan Kelang. Berbanding daerah-daerah yang lain. Kita lihat nasib daerah-daerah yang masih agak tertinggal antaranya Hulu Selangor, Sabak Bernam dan Kuala Langat. Jadi saya sebenarnya mengharapkan agar aspek keseimbangan ini diberikan tumpuan di dalam agenda yang termasuk di dalam pelan belanjawan ini. Aktiviti ekonomi merupakan aspek paling utama di samping aktiviti-aktiviti yang lain ia boleh dirangsang dengan mewujudkan prasarana dan infrastruktur yang boleh merangsang perkembangan ekonomi yang positif untuk keseluruhan kesejahteraan rakyat. Tetapi tidak cukup dengan usaha mewujudkan tetapi juga usaha menjaga dan memelihara setiap prasarana infra yang diwujudkan itu.

Saya ingin mengambil contoh seperti cadangan bagi membangun infrastruktur berbentuk jalan yang disebut di dalam pembentangan itu sejumlah 178juta diperuntukkan itu perlu dimanfaatkan sebaik-baiknya. Antara yang boleh merangsang ekonomi adalah laluan-laluan perjalanan yang dilalui oleh pengguna-pengguna jalan umpamanya saya pernah melalui beberapa jalan yang menghubungkan daerah-daerah yang berbeza di dalam negeri Selangor yang bukan kategori jalan pilihan utama antaranya yang menghubungkan kawasan Hulu Bernam di dalam Hulu Selangor dengan Sungai Panjang di dalam daerah Sabak Bernam. Sungai Panjang adakan jalan tu dan tengok lalu lah tengok macam mana. Begitu juga pengalaman melalui jalan tersebut begitu mencabar dan menguji kesabaran serta merisikokan status kenderaan yang berdepan dengan kerosakan enjin dan fizikal. Mungkin yang kedua-dua Yang Berhormat dari kedua-dua tempat itu boleh cuba peka dengan keadaan itu walaupun bukan wakil rakyat kerajaan. Begitu juga jalan terusan utama yang menghubungkan Daerah Kuala Selangor dengan Sabak Bernam. YB Speaker tahukan jalan tu? Main Canal yang agak membahayakan kerana bersebelahan dengan sebuah terusan yang mengairi kawasan pertanian hingga ada kes kemalangan yang membabitkan kenderaan yang jatuh ke dalam terusan disebabkan struktur jalan yang tidak dibina dengan aspek keselamatan. Mungkin Yang Berhormat memang mengetahui perkara tersebut ya Tuan Speaker dan saya amat berharap ia akan dapat diambil perhatian

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

dan maklum. Kemudian tanggungjawab penyediaan modal insan yang terkandung di dalam maqasid syariah dalam aspek pemeliharaan akal dengan bidang pendidikan sebagai platform pembinaan generasi dari sudut insaniahnya. Institusi pendidikan nampaknya diberikan ruang mendapat pembiayaan yang sewajarnya dan secukupnya untuk dibantu. Ia lalu saya mencadangkan agar apa jua dana yang dicadangkan untuk diagihkan kepada institusi pendidikan itu dapat diagihkan dengan telus dan juga saksama bagi membiayai aktiviti yang berkait dengan segala-galanya dari segi aspek fizikal sama ada baik pulih dan naik taraf dan sebagainya. Begitu juga pendidikan tinggi yang merupakan gerbang kepada penyediaan tenaga manusia yang mengisi ruang-ruang kerjaya dan aktiviti ekonomi. Saya mengalu-alukan usaha membantu dan memperkasakan pendidikan tinggi termasuklah suntikan-suntikan dana yang membabitkan institusi-institusi pengajian tinggi awam ataupun IPTA yang ada di dalam negeri Selangor tetapi saya merasakan seolah-olah Kerajaan Negeri lupa kepada institusi pengajian milik Kerajaan Negeri sendiri iaitu Universiti Selangor ataupun UNISEL. Tiada langsung disebut apa jua kadar atau jumlah tertentu yang sepatutnya ia disalurkan ke institusi ini yang sebenarnya anak kandung Kerajaan Negeri sendiri.

Saya berpandangan bahawa institusi ini perlu diperuntukkan geran khas seperti mana, mana-mana institusi milik kerajaan sama ada kerajaan pusat ataupun Kerajaan Negeri. Yang kita boleh ambil contoh Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman yang mendanai institusi pengajian tinggi miliknya sendiri satu ketika dahulu Kolej Agama Zainal Abidin yang sekarang dikenali sebagai Universiti Sultan Zainal Abidin yang sudah menjadi sebuah Institusi Pengajian Awam. Juga menandai Institusi Teknologi Tinggi Terengganu tanpa mengira mana pihak yang menerima mandat pun Kerajaan Negeri. Saya mohon keprihatinan pihak Kerajaan Negeri terhadap perkara yang telah saya timbulkan ini. Hal Ehwal Islam juga tidak terkecuali mendapat suntikan dana daripada belanjawan kali ini sebanyak peruntukan 375.78 merupakan kadar yang menunjukkan satu bentuk komitmen dan keprihatinan terhadap usaha memantapkan perkara berkait dengan Hal Ehwal Agama Islam yang merupakan agama rasmi negara ini. Maka saya melihat keperluan adanya kaedah yang berkesan dalam memanfaatkan peruntukan dana tersebut selain pembangunan institusi-institusi serta organisasi agama Islam sama ada di peringkat pentadbiran atau peringkat am perlulah adanya inisiatif daripada penerima peruntukan sama ada Jabatan Islam Selangor atau mana-mana agensi agama yang lain di peringkat negeri untuk ianya digunakan. Selain pembinaan masjid,sekolah agama dan institusi lain. Saya berpandangan perlu adanya juga usaha menaik taraf tahap profesionalisme warga institusi dari sudut kemahiran dan sebagainya. Baru-baru ini saya mendapat maklumat warga kerja sebuah Jabatan Agama Negeri di negeri berjiran iaitu di Wilayah Persekutuan mendapat peluang mendapat meningkatkan kemahiran mereka dan tugas mereka itu pegawai penguat kuasa agama yang mendapat peluang latihan menembak. Satu bentuk peningkatan yang boleh dijadikan contoh.

Selain daripada itu juga perlu sesi-sesi latihan yang boleh dikelolakan menggunakan dana yang diperuntukkan melalui program degan izin *Team Building*, motivasi dan sebagainya. Dengan sendirinya warga kerja agensi agama Negeri Selangor ini kelak akan menjalankan tugas dengan beretika, berintegriti, akauntibiliti dan juga bersikap profesional. Populasi penduduk Negeri Selangor yang merupakan populasi yang tertinggi dalam negara ini perlu juga diberikan perhatian. Antara aspek yang perlu diperkasakan adalah proses pembentukan keluarga melalui instituti perkahwinan. Yang ini Jeram minat kot, Jeram tiada?. Saya melihat dalam belanjawan yang lalu pemansuhan Insentif Perkahwinan yang

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

digantikan dengan mekanisme yang lain sebagai sesuatu yang perlu dikaji semula. Saya yakin jika ianya di kaji dan diberikan semula bukan sahaja rakyat, malah Ahli-Ahli Yang Berhormat yang belum berkahwin antaranya Subang Jaya, Kampung Tunku, Bandar Utama dan Bukit Melawati akan mempercepatkan proses perkahwinan mereka. Betul ye?. Motivasi ni, nak kahwin jumpa Taman Medan. Seri Setia berminat juga. Dia belum kahwin lagi, dia dah kahwin tapi belum kahwin "lagi". Maka saya menyatakan perlunya belanjawan ini, Speaker pun berminat nak berkahwin. Maka saya rasa perlunya belanjawan ini diberikan nafas sebaiknya agar ia boleh menjadi sesuatu yang memberi kesejahteraan kepada rakyat, negara dan negeri Insha Allah. Saya ucapkan tahniah di atas pembentangan belanjawan ini dan saya akhiri perbincangan dengan 2 rangkap pantun.

Dari Sekinchan menuju Sementa,
Singgah Ijok mencari ulam,
Ulam tiada yang ada ganja,
Jumpa pula Yang Berhormat Jeram.

Sekian terima kasih, Assalamualaikum W.B.T.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Okay, Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum W.B.T. dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker yang memberikan izin dan juga ruang untuk Sungai Panjang membahaskan rang undang-undang pembekalan Belanjawan 2020 Dewan Negeri Selangor pada kali ini. Yang Berhormat Tuan Speaker sebelum saya meneruskan perbincangan saya memohon izin untuk yang pertamanya ingin merakamkan ucapan menjunjung kasih kepada DYTM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah, Raja Muda Selangor yang telah mencemar duli melawat Daerah Sabak Bernam dan juga DUN-DUN didalam Daerah Sabak Bernam termasuk DUN Sekinchan, DUN Sabak, DUN Sungai Air Tawar dan khususnya di dalam DUN Sungai Panjang pada bulan September yang lepas. Patik serta pimpinan setempat dan seluruh rakyat DUN Sungai Panjang gembira atas keperihatinan dan kesudian DYTM Tuanku yang sudi bersama kami sepanjang tempoh lawatan tersebut.

Yang keduanya Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin membuat pencerahan tentang tomanan, dakwaan, dan juga persepsi yang telah pun dibangkitkan ataupun yang telah ditimbulkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat terutamanya pada rakan-rakan Backbenchers berkenaan dengan isu yang menyatakan bahawa barisan pembangkang tidak berminat untuk turut serta dalam perbincangan Belanjawan 2020. Sebenarnya apa yang berlaku kita telah pun semalam mendengar perbincangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan juga kita juga mendengar perbincangan daripada Yang Berhormat- Yang Berhormat, rakan-rakan Yang Berhormat daripada kerajaan dan juga Backbenchers terutamanya yang menimbulkan isu ini Yang Berhormat Subang Jaya, Yang Berhormat Kota Anggerik dan juga rakan Yang Berhormat saya Gombak Setia pun ada. Sebenarnya mereka ini rakan-rakan Yang Berhormat daripada kerajaan ini banyak memuji dia 'jek' Sungai Tua dengan harapan mungkin ada sedikit bajet, belanjawan turun ke tempat kawasan-kawasan mereka dan akhirnya tiada pun. Dengar, dengar, dengar, dengar macam Yang Berhormat Seri Setia sebelum ini dah cakap dah sidang lepas dah cakap tapi sampai harini pun ada lagi benda-benda yang dipohon tidak dapat. Dan Alhamdulillah hari

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

ini rakan-rakan Yang Berhormat saya daripada Ketua Pembangkang dan rakan-rakan yang lain pun hadir dan turut serta dalam perbahasan.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Mohon menceleh..

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Baru Intro

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Tak boleh masuk sikit?. Sebab dah sebut nama tadi.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Okay lah, takpe lah saya benarkan.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Sebab dah petik nama tadi. Terima kasih Tuan Speaker dan sahabat saya. Bila dinyatakan bahawa antara kami ni banyak yang menyuarakan bukanlah kita ini nak membodek. Tidak. Ataupun nak minta supaya turun di kawasan Adun itu pun tidak. Tapi apa yang jelas, apa yang betul, apa yang dinyatakan kami nyatakan di sidang Dun ini biar rakyat tahu bahawa kami juga telus dan jujur dalam apa sahaja permintaan..

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Ok terima kasih. Tahniahlah kepada rakan Yang Berhormat saya daripada Yang Berhormat Seri Setia di atas apa nama ni penjelasan tersebut dan saya juga mendengar juga satu persatu rakan-rakan Yang Berhormat daripada preventif yang juga kerajaan tak adapun sentuh berkenaan dengan apa juga cadangan idea yang telah dibentangkan oleh saudara Yang Berhormat saya Ketua Pembangkang. Tak ada ulas pun. Jadi yang seterusnya saya nak katakan semua sangkaan dan juga tohmahan tersebut adalah meleset sama sekali ialah. Yang Berhormat Tuan Speaker berkenaan dengan belanjawan tahun 2020 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Sungai Tua. Kita melihat dalam pembukaan ucapan perbahasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan dengan senario ekonomi semasa. Banyak memfokuskan tentang perbandingan dengan negara-negara ASEAN tetapi ada baiknya jika kita sebagai sebuah negeri yang dikatakan negeri maju negeri Selangor ini apa kata kalau kita membuat perbandingan yang lebih baik tentang senario ekonomi semasa di dalam negara kita Malaysia sendiri pasca PRU-14. Seperti mana yang telah dibentangkan ataupun yang telah dikemukakan oleh yang terhormat ketua pembangkang semalam berdasarkan laporan statistik yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia MAIDA dan Jabatan Perangkaan Malaysia, sektor perlombongan, sektor pembinaan dan sektor pembuatan dan juga sektor pertanian mengalami penguncupan dan sektor-sektor ini semuanya berada di dalam negeri Selangor. Dan ini sepatutnya adalah lebih baik menggambarkan kedudukan kewangan dan juga prestasi kewangan negeri untuk kita unjurkan supaya bajet 2020 ini menepati sasaran dan juga menepati kekuatan kewangan semasa kita. Dan haruslah juga diingat perbandingan-perbandingan yang dibuat tentang apa nama ini peratusan-peratusan perkembangan ekonomi di negeri Selangor tahun 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2018, ini adalah tidak boleh tidak dibantu oleh keutuhan ekonomi dan juga polisi-polisi dasar di peringkat kerajaan persekutuan pada ketika ini di bawah pemerintahan Barisan Nasional yang juga menyumbang dan sudah pasti

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

memberikan kesan kepada ekonomi di peringkat negeri Selangor yang mana sektor-sektor industrinya juga berkembang luas dan juga berkembang pesat di negeri Selangor. Saya berikan ruanglah kepada rakan Yang Berhormat saya dia pun Setiausaha Politik kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Panjang atas keberanian paling tidak dia lebih panjang akal nya dari Sungai Burong tadi. Bila berani beri ruang untuk saya, saya ingin rujuk kepada apa Yang Berhormat Sungai Panjang sebut tadi apabila menyebut bahawa dalam keadaan hari ni ekonomi negara kita tidak begitu baik dan kononnya kita mewarisi dasar dan polisi-polisi terdahulu sedangkan saya kira sebelum-sebelum ini akibat daripada kelembapan dan juga masalah ekonomi situasi ekonomi semasa akhirnya menyebabkan pertumbuhan negara menguncup dan apa yang berlaku apabila baru-baru ini saya kira Yang Berhormat Menteri Kewangan kita telah pun menyatakan saya kira baru lagi bulan Ogos baru-baru ini yang menyatakan bahawa apabila pertumbuhan negara secara keseluruhannya telah pun meningkat daripada 4.5% kepada 4.9%. Ini sebenarnya menunjukkan bahawa betapa kerajaan pakatan harapan mampu mengemudi ekonomi negara walaupun kita berada dalam keadaan suram dan ianya sebaliknya daripada apa yang Yang Berhormat Sungai Panjang sebutkan sebentar tadi.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih. Sedikit pencerahan daripada rakan Yang Berhormat saya berkenaan dengan peratusan pertumbuhan ekonomi. Kita melihat yang itu secara menyeluruh di peringkat federal ataupun peringkat negara kita Malaysia tetapi saya mengkhususkan di peringkat negeri kerana sebelum ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyorot kembali peratusan-peratusan lima tahun yang lepas dan ada baiknya juga kalaulah Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat juga mengemukakan setakat ini, setakat Ogos ataupun September 2019 berapa peratus sebenarnya kedudukan ekonomi di peringkat negeri untuk menjelang mencapai KPI ataupun sasaran kita pada akhir penghujung tahun 2019. Dan di peringkat strategi bajet 2020 ini juga kita melihat seperti mana pendapat rakan saudara Yang Berhormat saya ketua pembangkang tidak ada suatu yang baru dan ini juga telah pun dijelaskan dan juga diutarakan oleh saudara Yang Berhormat saya daripada Sungai Burong yang mana lima teras utama yang dibincangkan ini adalah telah pun ada sebelum ini dan ia hanyalah ditambah baik dan ia juga *di recycle* semula di dalam penjajaran-penjajaran dan juga memperkenalkan beberapa perkara-perkara lain tetapi secara dasarnya ia telah pun ada sejak sekian lamanya lagi. Dan tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat sungai Tua kerana mungkin selepas sepuluh atau lima belas tahun kali ini di dalam bajet 2020 memberikan kredit kepada Yang Amat Berhormat Mantan Perdana Menteri yang keempat yang hari ni menjadi Perdana Menteri yang ke-7 terutamanya dalam dasar-dasar ekonomi dasar pandang ke timur dan juga perkara-perkara yang lain sebagai contoh Jelajah Semarak dan sebagainya. Dan hari ini diberikan kredit kalau sebelum ini saya tak pasti adakah ianya akan diberikan kredit juga atau diadaptasi juga di dalam peruntukan ataupun

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

di dalam bajet. Seterusnya Yang Berhormat Tuan Speaker saya juga ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini terhadap isu perumahan di negeri Selangor. Isu perumahan di negeri Selangor ini adalah satu isu yang sangat penting dan ini adalah isu yang paling dekat dengan seluruh rakyat di negeri Selangor. Sebelum ini negeri Selangor telah pun memperkenalkan rumah Selangorku dengan puluhan ribu yang telah diluluskan dan juga diwar-warkan. Tetapi akhirnya berapa banyak rumah Selangorku yang berjaya disiapkan dan berapa banyak pula rumah Selangorku yang telah pun diduduki dan juga telah pun diberikan kunci kepada mereka-mereka yang memohon. Dan saya yakin sehingga hari ini masih lagi ada lambakan permohonan yang mungkin dah diluluskan tetapi rumah-rumah tersebut masih lagi tidak siap. Dan hari ini ada pula rumah idaman yang mana telah pun diumumkan 4,800 unit telah diluluskan dengan jumlah RM250,000 seunit. Dan ini adalah suatu yang baik menyediakan rumah yang mampu milik di kalangan penduduk ataupun rakyat di negeri Selangor dengan kadar yang munasabah RM250,000 dengan keluasan dan juga fasiliti yang baik. Tetapi kalau kita merujuk di dalam dasar perumahan mampu milik negara antara perkara yang paling memberikan masalah ataupun kekangan kepada pemilikan rumah adalah akses kepada pembiayaan perumahan. Kalau boleh dilihat berdasarkan kepada laporan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, NAPIC sehingga suku pertama 2018 bagi unit kediaman yang berharga RM250,000 dan ke bawah tidak terjual adalah sebanyak 26.6%. maksudnya masih lagi banyak rumah-rumah yang berharga RM250,000 dan juga ke bawah ini tidak terjual dan antara sebab musababnya adalah pembiayaan perumahan dan juga keupayaan pemilik rumah untuk mendapatkan akses pembiayaan yang mudah dan juga yang boleh mereka dapatkan daripada bank-bank tempatan. Tetapi mungkin, disebabkan faktor-faktor teknikal dan sebagainya mereka ini tidak dapat memperoleh pembiayaan jadi bagaimana kerajaan ingin mengatasi masalah-masalah ini dalam pemilikan rumah-rumah idaman yang telah pun dijanjikan, yang diluluskan sebanyak 4800 unit ini nanti dan 30 ribu unit lagi yang akan diadakan ataupun di sediakan oleh pihak kerajaan.

Jadi, ini yang penting. Kalau rumahnya ada, kalau fasilitinya ada tetapi tidak dapat diberikan ataupun tidak dapat dimiliki oleh mereka-mereka ini jadi ia akan menjadi lambakan dan akhirnya orang lain yang tidak sepatutnya akan memperolehi rumah-rumah tersebut. Em seterusnya Yang terhormat Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh berkenaan *Selangor Business Capital* dan sebagai pembangkang yang efektif ataupun pembangkang yang konstruktif, ini adalah satu idea yang baik apabila Kerajaan Negeri Selangor menyediakan satu fasiliti ataupun kemudahan seperti *Selangor Business Capital* dengan anggaran GDV sebanyak anggaran RM12 bilion. Tetapi, adalah lebih baik jika Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Menteri Besar dapat memberikan penerangan yang lebih jelas berkenaan dengan SBC ini ataupun *Selangor Business Capital* ini daripada segi *timelinenya* ataupun dari segi garis masa pelaksanaan SBC ini. Dan kita juga haruslah ingat adakah SBC ini di adaptasi dalam satu fasiliti yang telah diadakan di peringkat pusat iaitu *Kuala Lumpur International Financial District (KLIFD)* ataupun yang dikenali sebagai *Tun Razak Exchange*, yang mana TRX ataupun *Tun Razak Exchange* ini berada di tengah-tengah kota raya Kuala Lumpur, di tengah segi tiga emas Kuala Lumpur yang mempunyai fasiliti yang lebih lagi daripada segi sokongan, kewangan dan sebagainya di kedudukan yang lebih strategik dibandingkan dengan cadangan untuk mengadakan SBC ini di

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

kawasan Cyberjaya, Putrajaya, KLIA serta KLIA 2. Dan setakat ini, menyasarkan beberapa syarikat yang berminat seperti Tan Seng dan juga Huawei. Dan bagaimana kerajaan ingin merealisasikan hasrat SBC ini sebagai pusat perkhidmatan kewangan ataupun *business* yang setempat. Jadi, kalaulah boleh difikirkan daripada segi kedudukan dan sebagainya, mungkin ianya akan lebih membantu merealisasikan lagi *Selangor Business Capital* ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seterusnya berkenaan dengan projek-projek pembangunan bekalan air. Jadi, kita dapat melihat beberapa penambahbaikan projek-projek bekalan air, infrastruktur dan sebagainya dan terdapat juga fasiliti-fasiliti lain yang ditambah baik tapi isu air di negeri Selangor masih lagi belum dapat diselesaikan dengan sempurna dan sehingga hari ini kita masih lagi menerima pelbagai aduan, masalah berkaitan dengan prasarana dan juga fasiliti air, paip air bocor dan sebagainya. Walaupun bajet-bajet telah pun digunakan untuk loji rawatan air gantian paip dan sebagainya tetapi ianya masih lagi belum menyelesaikan masalah-masalah bekalan air di negeri Selangor. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon beberapa minit lagi untuk menyentuh serba sedikit isu-isu yang ada

TUAN SPEAKER : Minit yang terakhir.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Yang seterusnya adalah projek tempatan banjir. Kita memang bersetuju sepenuhnya supaya negeri Selangor ini menyelesaikan segala permasalahan banjir terutamanya saliran tersumbat dan sebagai termasuklah pembesaran sungai. Tetapi isu yang berlaku di Paya Jaras ini juga perlu diberikan perhatian kerana isu yang berlaku di Paya Jaras ini kita sebenarnya tidak menolak kepada pembangunan tetapi bagaimana pelaksanaan pembangunan itu dilaksanakan terutama dari segi kebajikan-kebajikan mereka ini perlulah diberikan perhatian yang sehingga kini saya difahamkan mereka tidak menerima pun apa-apa yang dijanjikan oleh pihak kerajaan termasuklah bayaran 700 sewa rumah dan sebagainya dan saya juga difahamkan mereka ini menyewa rumah sendiri dan menjadi kekesalan kepada kita lagi pada ketika mereka menghadapi permasalahan tersebut tidak ada wakil-wakil kerajaan mahupun ADUN sendiri daripada Yang Berhormat Paya Jaras turun ke lapangan dan akhir sekali Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan dengan bantuan khas bernilai 30 juta ringgit untuk penjawat awam. Apakah mekanisma yang digunakan untuk menilai *performance*, dengan izin, penjawat-penjawat awam ini adakah ianya telah ada satu pekeliling, adakah ianya telah ada satu mekanisma yang *very* objektif di dalam penilaiannya supaya ianya boleh memberikan kesan yang baik kepada perkhidmatan penjawat awam.

Kita setuju jika ini adalah sebagai imbuhan ataupun sebagai satu saranan untuk penjawat awam di dalam apa nama dengan izin, *high performance culture* supaya mereka boleh berkhidmat dengan lebih baik lagi dengan menawarkan pemberian antara 500 hingga 2 bulan ini tapi, KPI atau KPI *setting* ini perlulah dikendalikan lebih awal maksudnya sejak awal tahun lagi mereka dah tahu dah apa yang mereka nak buat, apa yang mereka perlu *achieve* sama ada dengan izin, *business asocial* ataupun ada inisiatif-inisiatif yang mereka perlu buat supaya membolehkan mereka mendapat yang *full* 2 bulan. Ini dipraktikkan di dalam dunia-dunia ataupun di dalam syarikat-syarikat korporat supaya ianya boleh diguna pakai dan dijadikan *benchmark* untuk program BKK 30 juta ini. Ini adalah sangat baik sebagai pemangkin ataupun sebagai dorongan untuk mereka lebih memberikan perkhidmatan yang lebih baik. Tetapi pelaksanaan pemberian ini perlu dihalusi dan juga

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

mekanisme yang perlu diperhalusi supaya ianya tidak menjadi tohmahan dan menjadi terlalu subjektif.

TUAN SPEAKER : Baik Yang Berhormat ayat yang terakhir.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Yang terakhir Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada STANCO pertanianlah kerana banyak industri-industri pertanian baru yang diterokai dan kita harap ianya boleh dimulakan ataupun dilaksanakan khususnya di dalam daerah Sabak Bernam, DUN Sekinchan dan juga DUN Sungai Panjang terutamanya tanaman-tanaman *high value crops* ini yang memberikan pulangan modal dan juga memberikan pendapatan yang tinggi kepada penduduk dan juga rakyat. Dan akhir sekali Yang Berhormat Tuan Speaker,

TUAN SPEAKER : Dah kena *landing* dah, sokong

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : saya, mengucapkan ribuan terima kasih dengan pembentangan bajet ini

TUAN SPEAKER : dah, dah, dah.

TUAN SPEAKER : sokong ke tidak?

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : saya tak sokong.

TUAN SPEAKER : Silakan Yang Berhormat Kampung Tunku

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Kampung Tungku akan laju sikit lah sebab saya sedar bahawa ada rakan-rakan Ahli Berhormat yang lain yang mahu membahar. Jadi perkara yang pertama yang Kampung Tungku ingin menyentuh ialah mengenai Smart Selangor. Kampung Tungku tertarik dan menerima baik cabaran belanjawan Selangor 2020 di mana setiap DUN digalakkan untuk meneroka solusi pintar dalam memberi khidmat kepada rakyat dan 100 ribu ringgit mengikut ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kan disediakan bagi pemenang solusi terbaik. Ini menunjukkan keterbukaan Kerajaan Negeri terhadap idea-idea baru selaras dengan arus revolusi *industry 34.0* di mana *philosophy* nya boleh di rumuskan sebagai *Move Fast And Break Things*, dengan izin, maksudnya bertindak pantas dari segi penjana dan pengujian idea bagi menyelesaikan permasalahan yang sedia ada.

Namun seperti dalam industri *startup* dengan izin, solusi pintar yang benar-benar bermanfaat mesti menepati beberapa kriteria iaitu *credibility* dengan izin dan *flexibility* dengan izin. Sekiranya kebergunaan solusi itu sangat terhad kepada satu kawasan ataupun lapisan masyarakat yang sangat kecil, ia tidak dapat mencapai objektif aktiviti ini. Dan memandangkan Smart Selangor mempunyai banyak inisiatif yang sedia ada, Kampung Tungku ingin mencadangkan agar taklimat dan khidmat nasihat Smart Selangor dihulurkan kepada ahli-ahli dewan negeri agar solusi yang dijana oleh pihak-pihak ADUN mempunyai kesinambungan kepada agenda Smart Selangor. Tetapi pada masa yang sama kami berbincang benda-benda yang *smart*, dengan izin. Saya harap kami dapat fokus kepada benda yang asas. Saya telah dimaklumkan bahawa mengenai isu kelewatan Pihak Berkuasa Tempatan, lambat dalam memberi bayaran kepada KDEBWM dan jumlah

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

tunggakan saya difahamkan hampir mencecah 50 juta ringgit. Saya rasa ini bukan jumlah yang kecil dan berpeluang menjejaskan perkhidmatan pembersihan oleh KDEB. Jadi saya meminta kepada pihak Kerajaan Negeri supaya menyemak *amount* yang tertunggak dan mana PBT yang mempunyai tunggakan tersebut.

Keduanya Kampung Tungku ingin sentuh mengenai pemasangan CCTV. Kampung Tungku menerima baik rancangan Kerajaan Negeri untuk menambah baik spesifikasi CCTV dan memasang 5 ribu CCTV yang dilengkapi teknologi *face recognition* dengan izin. Di DUN Kampung Tungku kebelakangan ini kebanyakan kes jenayah melibatkan kes pecah rumah. Modus operandi pencuri biasanya mereka akan meletak kereta di jalan utama dan memanjat pagar keselamatan, taman kejiranan untuk memasuki rumah-rumah. Walaupun sesetengah persatuan penduduk telah memasang sendiri CCTV dalam taman kejiranan, ia tidak cukup meliputi jalan besar dan beberapa kes melibatkan kereta yang dicuri. Oleh itu, sebarang jaringan komunikasi yang terus dari *command centre* dengan izin, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berpotensi mempercepatkan proses siasatan. Selain itu, Kampung Tungku ingin mencadangkan agar institut penyelidikan keselamatan jalan raya Malaysia iaitu MIROS mungkin dijemput untuk terlibat dengan *command centre* dengan izin, ini. Selain pembasmian jenayah atau pengesanan lubang jalan raya, CCTV boleh digunakan untuk mengesan isu-isu keselamatan trafik yang mungkin timbul dan penggunaan teknologi *big data* dengan izin, bersama kepakaran MIROS berpotensi untuk menghasilkan solusi kepada isu keselamatan, kesesakan dan penambahbaikan aliran trafik. Kampung Tungku juga ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengintegrasikan *command centre* peringkat negeri dengan *command centre* PBT misalnya di Petaling Jaya.

Ketiga, Kampung Tungku ingin membangkitkan permerkasaan belia dan sukan. Kita semua maklum pada bulan July 2019, dewan rakyat dan dewan negara telah sebulat suara meluluskan pindaan perlembagaan persekutuan yang menurunkan had umur mengundi dan menjadi calon pilihan raya dari 21 tahun kepada 18 tahun serta mewujudkan pendaftaran secara optometik dan pindaan ini yang lebih dikenali sebagai undi 18 bakal menambah suara dan penglibatan belia dalam pembangunan masyarakat dasar dan arena politik. Oleh itu, saya menyambut baik usaha Kerajaan Negeri dengan memberi peruntukkan sebanyak 5.26 juta ringgit untuk pemerikasaan generasi muda Selangor dan penggerak belia tempatan. Kita pun maklum program PEBT ini telah melahirkan generasi pemimpin muda contohnya ahli dewan negeri Kota Anggerik dan ahli majlis di kawasan saya pun merupakan bekas PEBT. Dan setiap PEBT mempunyai teras masing-masing namun saya lihat bahawa kebanyakan aktiviti PEBT bertumpu hanya kepada sukan. Walaupun program sukan ada faedahnya saya rasa program PEBT kena dilakukan dengan lebih menyeluruh dan *progress* mereka atau kemajuan mereka mesti lebih telus. Saya cadangkan agar PEBT perlu di audit setiap tahun dari segi keberkesanan program mengikut teras masing-masing, *sustainability* dengan izin, dan keupayaan mereka mengikut kapasiti.

Y.B DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Dengan izin Kampung Tungku.

Y.B PUAN LIM YI WEI : Ya.

Y.B DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih Kampung Tungku, saya mendengar perbincangan Yang Berhormat Kampung Tungku berkenaan dengan penggerak belia tempatan. Jadi saya ingin tanya pendapat Yang Berhormat Kampung Tungku, adakah

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

wajar sekiranya penggerak belia tempatan ini didaftarkan di bawah ROI dan ianya menjadi sebuah satu pertubuhan belia dan ianya menjadi satu gabungan di bawah Majlis Belia-belia Daerah ataupun Majlis Belia Negeri Selangor kerana Majlis Belia Daerah dan juga pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar yang bergabung di bawahnya seperti MAYC, Belia 4B dan sebagainya juga telah pun melahirkan ramai pemimpin-pemimpin baik daripada generasi muda sekarang sehinggalah di peringkat menteri-menteri yang ada sekarang hari ini termasuklah perdana menteri pun. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Kampung Tunku?

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Sungai Panjang. Saya rasa bagi masa ini tidak perlu untuk PeBT didaftarkan di bawah ROY. Biar ia kekal sebagai program unggul Pemerkasaan Generasi Muda Kerajaan Negeri Selangor. OK. Berbalik kepada bahagian saya. Jadi, saya harap Kerajaan Negeri akan mengaudit PeBT supaya keupayaan membina kapasiti hasil daripada program-program yang dijalankan diketahui oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga diuar-uarkan yang paling penting diuar-uarkan kepada masyarakat umum supaya PeBT tidak menjadi sebutan mulut yang syok sendiri sahaja. Selain itu, pemerkasaan belia harus mengambil kira pemerkasaan belia wanita pada peringkat Wakil Rakyat, badan pembuat dasar dan sektor swasta telah lama wujud konsep 30% penyertaan wanita. Bagaimana pula di peringkat PeBT? Saya boleh katakan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, kami ada lima PeBT wanita sahaja tidak mencukupi 30% kerana jumlahnya 24 orang. Dan, saya kira kita boleh buat lebih baik lagi dengan mewajibkan 30% penyertaan wanita diperingkat PeBT. Dari segi sukan pada Februari 2019, Menteri Belia dan Sukan, Y.B. Syed Saddiq Abdul Rahman telah menyatakan hasrat untuk meningkatkan penceburan wanita dalam sukan dan di sini Kampung Tunku ingin membawa kepada perhatian Dewan Yang Mulia ini pencapaian sukan ragbi wanita Selangor. Percaya atau tidak, Kampung Tunku pernah main ragbi masa zaman universiti tapi... *left wing*, dengan izin. Tetapi disebabkan kecederaan terpaksa bersara namun tetap minta terhadap sukan ini. Walaupun pasukan ragbi Negeri Selangor ditubuhkan pada tahun 2017, pasukan ragbi wanita Negeri Selangor telah berjaya memenangi pingat perak pada SUKMA 2018. Sekarang enam anak jati Selangor menjadi pemain pasukan kebangsaan wanita bagi Sukan SEA 2019 dan salah satu daripada yang enam itu Rozana binti Mohd Ridzuan merupakan kapten pasukan kebangsaan. Manakala pasukan kebangsaan Malaysia telah berjaya meraih tempat ketujuh dalam Asia Rugby Women Seven 2019. Kalau kita dengar tempat ketujuh itu bukan macam hebat sangat tapi apa yang pasukan wanita kami telah berjaya buat ialah menyingkirkan Negara Singapura dari siri tahun 2020. So, saya rasa itu satu pencapaian yang patut dibanggakan dan menunjukkan potensi dari pasukan yang baru yang masih boleh digilap lagi dan perlu diberi sokongan oleh kerajaan. Kampung Tunku ingin mengucapkan terima kasih kepada Majlis Sukan Negeri Selangor kerana memberi sokongan kepada pasukan ragbi wanita negeri sepanjang tahun 2019. Namun, saya ingin mencadangkan agar secara dasarnya dan juga SOP dan polisi dan lain-lain, Kerajaan Negeri Selangor memastikan terdapat kesetaraan dalam pembangunan sukan supaya sukan wanita dan juga jangan kita lupa sukan OKU dititikberatkan. Saya percaya sukan itu bukan untuk satu jantina atau segolongan masyarakat sahaja, sukan adalah untuk semua.

Keempat, *Gig Economy* dengan izin, dan Inisiatif Roda Darul Ehsan (RIDE). Saya menyambut baik kepekaan Kerajaan Negeri terhadap *Gig Economy* dengan izin, namun saya ingin mencadangkan agar isu keselamatan jalan raya diberi penekanan pada anak muda yang mendaftar untuk inisiatif ini. Kita biasa melihat video *road cam* dengan izin, di

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

mana penunggang motosikal tidak memakai helmet atau dia melanggar lampu merah sehingga berlaku nahas jalan raya. Pekerjaan dalam *Gig Economy* ini mungkin pilihan sementara tapi kita harus sedar bahawa satu kemalangan boleh mengubah segalanya. Kampung Tunku juga berharap agar anak muda yang disasarkan untuk inisiatif RIDE ini terutamanya yang berasal dari golongan miskin bandar. Tidak dilupakan sebaiknya sahaja mereka berjaya mendapat lesen motor, sebaiknya Kerajaan Negeri Selangor harus berusaha untuk *up skill* dengan izin, mereka melalui Skim Pendidikan dan Pekerjaan yang sedia ada supaya mereka mempunyai peluang untuk menaikkan taraf hidup mereka.

Dan akhirnya, isu kesihatan mental. Kampung Tunku ingin berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana tetap mempunyai peruntukan untuk kesedaran dan penjagaan penyakit mental. Namun, saya ingin memberi sedikit teguran atau penambahbaikan kepada Kerajaan Negeri di mana program-program seperti Jelajah Kesihatan Mental dan lain-lain tidak diuar-uarkan sepenuhnya. Isu kesihatan mental ini menjadi sesuatu yang rumit kerana stigma yang dialami oleh pesakit dan keluarganya kerana kesihatan mental itu dianggap sesuatu yang *teboo* dengan izin, dan perlu disembunyikan. Oleh itu, ianya penting agar Kerajaan Negeri konsisten dengan mesej bahawa kesihatan mental itu isu yang boleh dialami oleh mana-mana individu dan tiada salah atau segan sekiranya seseorang itu memerlukan bantuan perubatan profesional sama ada kaunseling, psikologi atau psikiatri. Walaupun saya sedar bahawa kebanyakan reformasi terletak di peringkat persekutuan, di peringkat kementerian, saya rasa bahawa Kerajaan Negeri mungkin boleh membuat inisiatif-inisiatif seperti mewujudkan laman sesawang yang menjadi pusat rujukan maklumat bagi individu yang memerlukan khidmat nasihat. Mungkin mengumpulkan semua alamat-alamat pusat kaunseling yang sedia ada. Kerajaan Negeri juga boleh memasang iklan pada bas-bas Smart Selangor supaya boleh dilihat oleh masyarakat umum. Dalam kata singkat, kita harus menekankan mesej bahawa dengan izin, *it's okay not to be okay and it's okay to get health*, dengan izin. Akhirnya, Kampung Tunku ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor yang berjaya membentangkan satu belanjawan yang saya kira seimbang. Menginsafi bahawa tempoh reformasi itu amat singkat, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana berani melakukan perkara yang perlu walaupun mungkin susah dan tidak popular dalam jangka masa pendek namun akan mendatangkan hasil pada jangka masa panjang. Bak kata pepatah, 'bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian'. Saya yakin bahawa Ahli-Ahli Dewan ini teguh berdiri bersama dan menyokong usaha Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Tuan Speaker, Kampung Tunku mohon menyokong.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : *Bismillah hirrahman nirrahim.* Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan dan kakitangan kerajaan serta pemerhati yang saya muliakan. *Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh*, salam reformasi dan salam Malaysia baru. *'Segala puji bagi Allah, kita memujiNya, memohon pertolongan dan ampunan kepadaNya, kita berlindung kepada Allah dari kejahatan diri kita dan keburukan amalan-amalan kita. Barang siapa yang Allah tunjuki maka tidak ada yang dapat menyesatkannya dan barang siapa yang Allah sesatkan maka tidak ada yang dapat memberinya hidayah'*.

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Yang Berhormat Tuan Speaker, bersyukur kita ke hadrat *Allah subhana wata'ala* kerana dengan izinNya dapatlah Kerajaan Negeri Selangor, kerajaan Pakatan Harapan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Sungai Tua, Tuan Amirudin Shari membentangkan Belanjawan Selangor bagi tahun 2020 pada 1 November 2019 yang lalu. *Alhamdulillah*, walaupun terpaksa berhadapan dengan kemuraman ekonomi dunia Belanjawan Selangor 2020 masih lagi berupaya meneruskan pendekatan holistik dengan lima strategi utama yang meliputi ekonomi, pendidikan, keselamatan dan kesihatan, alam sekitar dan sosial yang sesungguhnya amat selari dengan wawasan kemakmuran bersama. Belanjawan Selangor 2020 ini juga membuktikan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan tidak pernah membelakangkan rakyat sebaliknya Kerajaan Pakatan Harapan adalah kerajaan yang peka akan kegelisahan dan keperluan juga hasrat dan harapan rakyat.

Tuan Speaker, satu belanjawan yang baik bukan sahaja bergantung kepada jumlah peruntukan yang ada tetapi bagaimana dan mana ia diagihkan dan juga implementasi belanjawan tersebut. Satu, Program Keusahawanan Selangor. Tuan Speaker, saya menyambut baik usaha Kerajaan Negeri yang memperuntukkan RM36.8 juta bagi memperkukuhkan serta menambah baik pelaksanaan program-program keusahawanan Negeri Selangor. Pembangunan keusahawanan merupakan agenda penting bagi memastikan negara sentiasa berdaya saing dan bergerak mengikut permintaan serta perkembangan semasa. Bagi Program Grow khususnya bagi kaum India telah diperuntukkan sebanyak RM1 juta. Terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan Selangor. Namun, saya mengharapkan ianya tidak hanya tertumpu kepada bidang yang terpilih sahaja. Permatang difahamkan bahawa hanya ada empat bidang yang terlibat iaitu jahitan, *photographer*, *welding* dan fesyen rambut. Cadangan saya ianya diperkembang luaskan supaya lebih ramai dan lebih banyak bidang yang boleh diceburi oleh usahawan dan bakal-bakal usahawan ini. Sebagai sebuah kerajaan yang peduli rakyat dan maju bersama, maka sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Selangor kerana menyelaraskan elaun Ketua Komuniti India kepada RM1,200.00 yang mana sebelum ini ia hanyalah sebanyak RM700.00 sebulan sahaja. Dengan adanya Ketua Komuniti India di kawasan saya, walaupun hanya diperuntukkan satu orang yang mana terpaksa menjaga 11 buah ladang namun komitmen yang cukup tinggi daripada beliau telah menjadi mata dan telinga kepada kerajaan dan juga pemimpin kepada komuniti setempat.

Insentif Petani, Nelayan, Pesawah dan Penternak. Tuan Speaker, saya merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor serta pasukannya yang telah memperuntukkan RM11.96 juta untuk meneruskan pemberian insentif kepada para petani, nelayan, pesawah dan penternak. Saya berharap peruntukan ini akan membolehkan sektor tanaman, ternakan dan perikanan tempatan berkembang dan menyediakan bekalan makanan yang pada jumlah yang sepatutnya serta mencapai kualiti yang ditetapkan. Ini sekali gus membuktikan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan adalah kerajaan yang peka terhadap petani, nelayan, pesawah dan penternak. Saya juga ditanya oleh para petani dengan keadaan baru-baru ini hasil tidak menggalakkan malah mereka mendapat kurang daripada 9 tan. Adakah sebarang peruntukan daripada Kerajaan Negeri bagi petani-petani yang tidak mencapai hasil yang sewajarnya?

Seterusnya, kita pergi kepada sektor pelancongan. Tuan Speaker, saya mengharapkan agar Kerajaan Negeri dapat menjadikan Permatang dan Tanjung Karang sebagai kawasan eco pelancongan yang akan membantu penduduk setempat menambahkan pendapatan hasil jualan perniagaan dan peluang pekerjaan. Permatang mempunyai tempat-tempat

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

menarik yang boleh dilawati. Antaranya kilang padi Bernas, Seri Tiram Jaya, Sungai Ban Canal, Tasik Kampus Unisel Bestari Jaya dan Hutan Simpan Gambut Raja Musa. Untuk makluman, pada tahun 2017 Hutan Simpan Gambut Raja Musa ini pernah menerima pengiktirafan antarabangsa iaitu *The Queen Command Wealth Canopy*.

Bagi sektor pendidikan, Program Tuisyen Rakyat. Tuan Speaker, saya menyambut baik langkah Kerajaan Negeri yang memperuntukkan sejumlah RM10 juta bagi tujuan pelaksanaan PTRS melalui pendanaan khusus oleh Menteri Besar, Pembedaan dan Kumpulan Perangsang Selangor. Langkah Kerajaan Negeri menyediakan pakej makanan percuma PMP kepada semua pelajar yang terlibat dalam Program PTRS pada tahun 2020 adalah selaras dengan langkah Kementerian Pendidikan yang akan menyediakan makanan percuma sebelum sesi pembelajaran bermula tahun hadapan. Cuma cadangan saya adalah guru-guru biarlah daripada sekolah yang berlainan. Itu yang paling utama. PTRS pada tahun 2020 juga bukan hanya untuk pelajar yang akan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja tetapi turut meliputi persediaan menghadapi Ujian Pelajaran Sekolah Rendah (UPSR). Langkah ini harus dipuji dan membuktikan komitmen Kerajaan Negeri kepada bidang pendidikan adalah jelas, nyata dan tidak boleh dipertikaikan. *International Trade Fair Ideas Inventions New Products* (iENA) Kali Ke-71 telah berlangsung pada 31 Oktober hingga 3 November 2019. Antara pameran inovasi yang tertua di dunia, iENA adalah pameran perdagangan yang unik mempamerkan pelbagai ciptaan baharu dan penemuan inovasi terbaharu yang terbesar di dunia serta mengumpulkan para pencipta dari seluruh dunia. Sehubungan itu, pasukan inovasi dari SMK Agama Kuala Selangor yang letaknya dalam DUN Permatang, satu-satunya sekolah buat julung-julung kalinya melepasi tapisan dan diberi peluang terlibat dalam iENA 2019. Kerana memiliki bahan inovasi pendidikan yang berpotensi untuk diangkat dan di ketengahkan pada peringkat antarabangsa. Produk ini dikenali sebagai set permainan Educational Chest Set, Chest Set Educational Chest iaitu World History Exploration Challenge dengan izin yang memaparkan sejarah ketamadunan dunia. Pasukan Master HECS SMK Agama Kuala Selangor berjaya meraih pingat emas dan Anugerah Khas Produk Inovasi Terbaik Keseluruhan untuk kategori yang *inverters*. SMK Agama Kuala Selangor wakil tunggal dan pertama sekolah dari Malaysia yang menyertai iENA di Newburgh, German sepanjang 71 tahun penganjurannya.

Akhir sekali saya ingin menerangkan tentang Bas Smart Selangor. Dengan peruntukan sebanyak RM30 juta, saya mengharapkan agar ada laluan ke kawasan Bestari Jaya. Saya mendapati di kawasan Bestari Jaya ini agak terpencil. Terdapat sebuah kampung tradisi di sini dan juga kampus UNISEL Bestari Jaya terletak di situ yang mana ianya menempatkan 5,000 pelajar, tapi tiada pengangkutan awam. Saya mengharapkan dengan jumlah pelajar yang sebanyak itu pihak Kerajaan memberi satu laluan khusus untuk Bas Smart Selangor yang merupakan satu keperluan pada pelajar-pelajar ini yang mana kita faham bahawasanya bukan semua pelajar mempunyai kenderaan sendiri dan juga bagi kepentingan penduduk, Kampung Bestari Jaya. Akhir sekali saya ingin merakamkan syabas, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor telah membentangkan satu belanjawan yang cukup realistik dan holistik. Dan saya mengharapkan agar Selangor ini terus menjadi Negeri yang unggul dan kita dapat hidup di dalam kehidupan yang bermartabat dan seterusnya saya menyokong Belanjawan Negeri Selangor 2020.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Permatang, saya menjemput Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. (Bacaan doa) Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberikan keizinan terlibat dalam perbahasan kali ini. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh barisan EXCO kerana dapat menyediakan bajet perbahasan kali ini yang baik dan lestari yang merangkumi semua rakyat.

Dalam bajet tersebut pihak Yang Berhormat ada menyebutkan tentang 2 masjid yang dibina secara khusus antaranya Kuang dan lagi satu Gombak ya, salah satu di Paya Jaras. Walau bagaimanapun saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat bahawa 2 masjid sebelum ini telah dinyatakan iaitu Masjid Kota Damansara 2 dan Masjid Subang Bestari Seksyen U5/93 tidak disebut secara khusus dalam bajet perbahasan tersebut. Saya memohon penjelasan tentang perkara tersebut. Juga peruntukan tebatan banjir, peruntukan sebanyak RM84.4 juta amat dialu-alukan dan sangat baik. Dan dalam perkara ini saya ingin menyentuh tentang projek tebatan banjir di Sungai Pelepas. Kita dengar daripada Yang Berhormat tadi menceritakan tentang kes perobohan Sungai Kedondong dan sebagai wakil rakyat di situ walaupun perkara tersebut telah di putus oleh MMKN untuk merobohkan rumah di Kampung Desa Perantau. Walau bagaimanapun, di Dewan yang mulia ini saya ingin merayu bersama-sama dengan wakil rakyat yang lain supaya tidak dirobohkan perkampungan di Desa Subang Perantau. Projek itu diteruskan tapi kita minta sangat supaya penjajaran tebatan sungai itu dielakkan agar projek itu diteruskan supaya banjir dapat diselesaikan. Itu permohonan daripada saya bagi wakil Kampung Desa Subang Perantau.

Perkara seterusnya ialah berkaitan dengan perumahan, dasar Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa memiliki rumah yang selesa dan selamat buat mereka dan keluarga. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, di Kota Damansara kita ada kalau kita hendak panggil setinggian pun boleh juga tapi kita ada satu penduduk yang melibatkan 40 keluarga India yang sebelum ini di janjikan rumah murah. Tapi sayangnya mereka ini tinggal di rumah 40 buah rumah tersebut dalam keadaan yang sangat daif dan tidak dijanjikan rumah tersebut kerana difahamkan bahawa projek rumah murah oleh Titi Jaya itu telah dibatalkan. Jadi saya harap pihak Kerajaan melihat semula supaya projek rumah murah itu diteruskan supaya 40 keluarga India ini dapat menikmati rumah yang telah dijanjikan oleh Kerajaan sebelum ini. Selain daripada itu juga, isu Kampung Bunga Raya yang melibatkan lebih 100 keluarga, kebanyakan orang India juga tak selesai sampai sekarang. Jawapan bertulis daripada Kerajaan Negeri ini menyatakan ini isu *private land*. Walau bagaimanapun, saya harap supaya Kerajaan pun masuk campur tangan dalam hal perkara ini supaya kita dapat menyelesaikan masalah perumahan di Kampung Bunga Raya di Seksyen U6, Kota Damansara.

Juga isu perumahan seterusnya ialah Pangsapuri Jasmin Seksyen U5 yang melibatkan 400 unit rumah. Minta sekiranya berlaku sebarang proses dapat di libatkan bersama oleh pihak Kerajaan supaya proses itu dapat dipercepatkan. Selain daripada itu juga, projek-projek perumahan pemaju ECL Seksyen U5 melibatkan 300 rumah *low cost* di Subang Murni. Juga saya ingin menyentuh tentang *handling over of the* rumah-rumah yang telah pemaju telah selesai tetapi lambat proses dia. Ini pun lama juga iaitu perumahan di Damansara Residence Damansara Seksyen 9. Saya harap pihak-pihak yang berkaitan terutamanya

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

daripada Air Syabas dan juga MBPJ dapat bekerjasama kerana penduduk di situ telah lama menunggu dalam hal penyerahan tapak kepada pihak Majlis.

Saya ingin menarik perhatian Dewan iaitu berkenaan dasar kelulusan *gated and guarded community*. Ada setengah PBT memberi kelulusan tentang *gated and guarded community* apabila mendapat kelulusan 80% atau 75%. Tapi saya difahamkan bahawa MBSA kena ada 100% baru dapat kelulusan *gated and guarded community*. Saya khuatir kalau dasar ini diteruskan maka akan susah pihak penduduk mendapat komuniti yang *gated and guarded*. Saya harap pihak Kerajaan dapat menyeragamkan supaya janganlah sampai 100% kerana pihak penduduk atau pun persatuan penduduk tidak akan dapat kelulusan tersebut. Contohnya di Laman Bayu U5, mereka memohon begitu lama tapi tidak dapat kelulusan kerana tidak dapat 100% tandatangan atau pun kelulusan daripada penduduk tersebut.

Dalam bidang pendidikan juga untuk makluman Dewan, Belanjawan tahun lepas ada memperuntukkan RM1 juta apa yang kita panggil Institut Pembedayaan Pekerja. Saya mengharapkan bahawa Institut Pembedayaan Pekerja ialah untuk menaikkan taraf pergerakan Kesatuan Sekerja khususnya di Negeri Selangor. Untuk makluman Dewan bahawa di Selangor sendiri ada 291 Kesatuan Sekerja. Majoriti kesatuan di Malaysia ini adalah di dalam Selangor yang melibatkan 660 ribu ahli Kesatuan Sekerja. Jadi saya harap, tahun lepas saya sebagai EXCO NTUC Selangor, kita dengar macam kata *at the end of the tunnel, we go into have a good support from the government, state government*. Sebab tahun 2008, golongan pekerja membantu memenangkan Pakatan Rakyat pada masa itu. Dan mereka meletakkan harapan yang tinggi supaya Kerajaan dapat meneruskan pembelaan. Jadi saya harapkan Institut Pembedayaan Pekerja itu dapat peruntukan RM1 juta itu dapat diteruskan dan dalam Dewan yang mulia ini juga saya telah bertanya kepada Yang Amat Berhormat apakah pelan dan rancangan terhadap institut tersebut. Namun sampai hari ini kita tak dengar cerita apa, jadi saya harap peruntukan RM1 juta itu dapat dikekalkan dan dimobilisasikan supaya pekerja dapat manfaat dalam sistem pendidikan Kesatuan Sekerja. Saya faham bahawa kalau kita tidak mempunyai suasana ekonomi yang baik, hubungan pekerja dengan majikan tidak baik, ini akan merosakkan industri yang harmoni dan kita tidak akan dapat tarik pelabur ke negeri kita dan akan menyebabkan suasana tidak baik di Selangor.

Selain daripada itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri kerana dapat menyelesaikan masalah Jalan Atmosfera terutama EXCO Infra, terima kasih banyak yang dah 15 tahun, tak boleh selesaikan tapi saya harap sangat, saya harap sangat sebab kalau jalan itu dah selesai dia akan jadi *traffic* jam lagi di Persiaran Cakrawala. Saya harap peruntukan dapat dijanjikan 2 *courage* di Jalan Cakrawala yang kononnya tidak boleh dibuat kerana tanah sebelah itu adalah UNISCO Heritage. Saya *check* balik dalam website itu tapak itu bukanlah tapak UNISCO Heritage. Saya minta pihak Kerajaan dapat jadikan 2 *courage* di Jalan Cakrawala.

Juga akhir saya minta juga kita dulu, kita ada Selangor FM. Mereka ini sedang tumpang dengan apa ini, dengan pihak Wisma Radio. Kita maju bersama tapi sayang dalam bidang penyiaran kita tidak ada kompleks penyiaran. Jadi negeri-negeri lain dah ada kompleks penyiaran, contohnya di negeri-negeri lain yang dah ada di Melaka, di Pahang, di Perak, di Pulau Pinang sudah ada kompleks penyiaran. Saya harap dapat diteruskan dan akhir sekali saya minta sebagaimana yang kita dengar tadi masalah pembayaran kepada KDEB,

5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

saya ada dengar tadi. Ini masalah besar kalau pembayaran dilewatkan dia akan menjejaskan kutipan hasil. Saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat memberikan tekanan kepada PBT supaya dapat membayar kepada KDEB, kutipan sampah kepada KDEB supaya kita tidak, maaf supaya kita tidak tergugat dalam kutipan sampah yang menjejaskan kehidupan rakyat. Dan juga ...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, ayat terakhir.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Saya juga seterusnya mengucapkan ribuan terima kasih dan menyokong usul Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Kota Damansara. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 telah tamat. Seramai 29 Ahli Dewan Negeri mengambil bahagian dalam perbahasan, saya ucapkan tahniah dan syabas kerana menyertai perbahasan tersebut. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 6:00 petang, dengan ini saya menangguhkan sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 sehingga hari esok, 6 November 2019 bermula jam 10:00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 6.00 PETANG)